



**LAPORAN PENYATA RASMI
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 18

Isnin

9 Disember 2019

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA :

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 2)

URUSAN MESYUARAT

(Halaman 3)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 3)

UCAPAN TAKZIAH :

Kepada Ahli Keluarga Mendiang
Y.B. Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam dan
Mendiang Y.B. Senator Dato'ong Chong Swen (Halaman 36)

**PENERANGAN DARIPADA Y.B. MENTERI PERTAHANAN
DI BAWAH P.M. 13(1)(I)**

Pembentangan Kertas Putih Pertahanan (Halaman 37)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (Halaman 42)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin
4. “ Tuan Adrian Banie Lasimbang (Dilantik)
5. “ Dr. Ahmad Azam bin Hamzah ((Negeri Sembilan)
6. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
7. “ Tuan Alan Ling Sie Kiong (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram
9. “ Puan Asmak binti Husin (Kelantan)
10. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
11. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
12. “ Datuk Donald Peter Mojuntin (Sabah)
13. “ Dato' Hajah Faharyiah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
14. “ Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
15. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
16. “ Datuk Haji Husam bin Musa
17. “ Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (LS)
18. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
19. “ Datuk Haji Ismail bin Ibrahim (Dilantik)
20. “ Tuan Ismail bin Yusop (Perak)
21. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
22. “ Tuan Kamarudin bin Abdun [Perlis]
23. “ Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
24. “ Tuan Khairul Azwan bin Harun
25. “ Datuk Lee Tian Sing (Lantikan baharu)
26. “ Tuan Liew Chin Tong- *Timbalan Menteri Pertahanan*
27. “ Puan Lim Hui Ying (Pulau Pinang)
28. “ Datuk Lim Pay Hen (Lantikan baharu)
29. “ Tuan Manolan bin Mohamad (Dilantik)
30. “ Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya- *Timbalan Menteri Luar Negeri*
31. “ Ir. Md. Nasir bin Hashim (Dilantik)
32. “ Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid
33. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
34. “ Dr. Mohd Radzi bin Md. Jidin- *Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi*
35. “ Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah

36. Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Pulau Pinang)
37. “ Tuan Haji Muhammad bin Mustafa
38. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
39. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
40. “ Tuan Nga Hock Cheh (Perak)
41. “ Dr. Nuing Jeluing (Lantikan baharu)
42. “ Puan Hajah Nuridah bt Mohd Salleh (Terengganu)
43. “ Datuk Paul Igai (Lantikan baharu)
44. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
45. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Puan Raj Munni binti Sabu (Dilantik)
48. “ Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah-
Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
49. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Sabani binti Mat (Perlis)
51. “ Puan Siti Fatimah binti Yahaya (Pahang)
52. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
53. “ Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh (Selangor)
54. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
55. “ Datuk Theodore Douglas Lind (Dilantik)
56. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker (Pahang)
57. “ Tuan Waytha Moorthy A/L Ponnusamy- *Menteri Di Jabatan Perdana Menteri*
58. “ Dr. Yaakob bin Sapari (Selangor)
59. “ Datuk Ir. Yong Wui Chung
60. “ Dato’ Zahari bin Sarip (Johor)
61. “ Dato’ Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Negara

Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Ahmad Syahril bin Haji Sikar @ Haji Sika'ri

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 9 Disember 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya hendak memberitahu Majlis ini iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda, telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlindungan Penggunaan (Pindaan) 2019;
2. Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019;
3. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019;
4. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2019;
5. Akta Perikanan (Pindaan) 2019;
6. Akta Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019;
7. Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019;
8. Akta Syarikat (Pindaan) 2019;
9. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019;
10. Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2019;
11. Akta Cap Dagangan (Pindaan) 2019; dan
12. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2019.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. oleh itu saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

“ 5 Disember 2019

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (D.R. 26/2019) Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019;
2. (D.R. 27/2019) Rang Undang-undang Perlindungan Penderma Makanan 2019;
3. (D.R. 28/2019) Rang Undang-undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019;
4. (D.R. 29/2019) Rang Undang-undang Mata Wang 2019;
5. (D.R. 30/2019) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019;
6. (D.R. 31/2019) Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019;
7. (D.R 32/2019) Rang Undang-undang Perbekalan 2020;
8. (D.R. 33/2019) Rang Undang-undang Kewangan 2019;
9. (D.R 34/2019) Rang Undang-undang Francais (Pindaan) 2019;
10. (D.R 35/2019) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2019;
11. (D.R 36/2019) Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019;

12. (D.R. 38/2019) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2019;
13. (D.R. 39/2019) Rang Undang-undang Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2019;
14. (D.R. 40/2019) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019;
15. (D.R. 41/2019) Rang Undang-undang Petroleum Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019; dan
16. (D.R. 43/2019) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Rahimah binti Haji Mahamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, bilangan belia yang tamat pengajian dari IKM, KKTM, UniKL atau Institusi IPTS dan Pusat Latihan Kemahiran Institusi kelolaan KPLB sehingga November 2019, dan berapa ramai dari bilangan ini yang masih menganggur atau memilih untuk menjadi usahawan bimbingan kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad di atas soalan ini.

Melalui soalan ini, Yang Berhormat Senator minta mengatakan bilangan belia yang tamat pengajian dari IKM, KKTM, UniKL atau institusi IPTS, dan Pusat Latihan Kemahiran Institusi di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sehingga November 2019 dan berapa ramai dari bilangan ini yang masih menganggur atau memilih untuk menjadi usahawan.

■1010

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat Senator, bilangan keseluruhan graduan institusi pendidikan TVET di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah sebanyak 274 buah yang terdiri daripada ini:

- (i) dua buah Akademi Kemahiran KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
- (ii) terdapat 14 buah Institusi Kemahiran MARA (IKM);
- (iii) ada 10 buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM);
- (iv) sebuah *MARA-Japan Industrial Institute* (MJII);
- (v) terdapat 13 buah UniKL;
- (vi) sebuah *German-Malaysian Institute* (GMI);
- (vii) terdapat 231 buah pusat GiatMara di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- (viii) sebuah Kolej KEDA di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA);
dan
- (ix) sebuah Institut Kemahiran Tinggi PERDA di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.

Jumlah keseluruhan graduan daripada semua institusi ini adalah seramai 615,094 orang sejak institusi-institusi tersebut ditubuhkan. Manakala, purata kebolehpasaran graduan sama ada bekerja, menjadi usahawan mahupun yang menyambung pengajian sebanyak 90.8 peratus. Daripada jumlah tersebut, mengikut tahun semasa 2019, hanya 2,888 orang sahaja yang menganggur.

Daripada segi kategori usahawan, bilangan usahawan MARA- sebab bukan semua institusi yang kutip statistik. Kita ada daripada MARA dan KEMAS. Bilangan usahawan MARA adalah sebanyak 1,808 orang berdasarkan pelajar yang telah tamat pengajian pada tahun 2018. Kebolehpasaran mereka- statistik ini dikutip dengan kajian selepas enam bulan tamat pengajian. Bilangan usahawan rintis bagi KEMAS, bagi tempoh 2016 sehingga 2018 adalah sebanyak 2,220 orang usahawan.

Daripada jumlah tersebut, 50 orang adalah dalam kategori usahawan TVET- *Technical and Vocational Education and Training*. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah KPLB dan MARA dapat menggiat usaha Skim Perantisan sebagai saluran pekerjaan kepada lepasan institusi kemahiran bagi belia luar bandar dengan mengadakan kerjasama strategik di sektor awam dan swasta, seiring dengan insentif elaun Skim Perantisan RM100 untuk tahun 2020? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah rancangan untuk memantapkan?

Tuan Sivarasa Rasiah: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan itu. Seperti yang saya sudah sebutkan dalam angka-angka yang saya nyatakan tadi, kebolehpasaran graduan adalah dalam lingkungan 90 peratus.

Bagaimana ini dicapai adalah- memang selaras dengan apa cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, iaitu komunikasi dan hubungan serta rangkaian dengan industri dan sebagainya serta beberapa cara yang lain. Saya tidak dapat jawab di sini secara detil, apakah mekanisme semua, tetapi pencapaian seperti yang ditanya di dalam soalan utama adalah dalam 90 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah satu kajian dibuat untuk mengetahui kenapa graduan-graduan yang tamat pengajian di institusi-institusi tersebut masih menganggur atau menjadi usahawan bimbingan kerajaan? *Any studies* ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 2,000 orang yang menganggur?

Tuan Sivarasa Rasiah: Betul, yang menganggur seramai 2,800 orang yang saya sebut tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Dewan yang mulia termasuk Yang Berhormat Senator, setakat ini tidak ada kajian yang formal berkenaan jumlah ini untuk menentukan kenapa angka 2,888 orang sahaja yang menganggur.

Saya perlu tambah juga, golongan ini ialah untuk angka tahun semasa- tahun 2019. Supaya kita dapat gambaran yang lebih luas sedikit, bilangan pelajar sedia ada di bawah semua institusi ini dalam tahun itu ialah 54,621 orang pelajar. Untuk makluman Dewan juga...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf ya, ulang balik berapa?

Tuan Sivarasa Rasiah: Seramai 54,621 orang untuk tahun semasa- *the current year*, dengan izin. Daripada itu, seramai 43 ribu orang lebih kurang 80 peratus adalah dalam kategori B40. Kajian spesifik dan juga kenapa 2,800 orang lebih ini belum dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Sivarasa Rasiah: Akan tetapi, mekanisme untuk ikuti berapa yang mendapat kerja, berapa yang menjadi usahawan, berapa yang menyambung pengajian itu memang adalah satu...

Tuan Yang di-Pertua: Satu kajian akan dibuatlah?

Tuan Sivarasa Rasiah: Akan tetapi, saya ambil maklum tentang cadangan. Kita akan rujuk kepada institusi itu sama ada mereka ada kajian formal. Kalau mereka rasa kajian formal perlu, kita akan laksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Yaakob bin Sapari: Adakah kerajaan mempunyai data, berapakah purata pendapatan yang diperoleh graduan-graduan daripada lulusan ini? Apakah mereka juga di bawah kategori B40, purata pendapatannya?

Tuan Yang di-Pertua: Ini dua soalan. Satu adalah- *what is* purata gaji, dan adakah mereka ini berada dalam golongan B40?

Tuan Sivarasa Rasiah: Ya, jumlah dalam kategori B40 secara umum, berdasarkan jumlah pelajar yang sekarang, pada tahun semasa seperti saya sebutkan tadi, jumlah kita 54 ribu orang lebih dalam tahun semasa. Daripada jumlah itu, hampir 44 ribu orang ataupun 80 peratus adalah dari kategori B40. Akan tetapi, dari segi usahawan, saya tidak ada angka purata pendapatan mereka- secara purata. Itu kita akan beri jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tiga soalan Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan Delegasi Kelab Kasih Sayang daripada Johor Bahru ke Dewan Negara... [Tepuk]

Diharapkan lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Soalan saya nombor2, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

2. Tuan Manolan bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan, bilakah Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM tahun 2013 akan dibentangkan di Parlimen seperti yang dijanjikan di dalam *Buku Harapan* pada Pilihanraya Umum Ke-14.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setakat ini Kerajaan Pakatan Harapan masih belum membuat apa-apa keputusan muktamad untuk membentangkan Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM tahun 2013 di Parlimen, kerana kerajaan perlu mengambil kira dan menimbangkan perkara ini dengan lebih teliti.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat Senator, baru-baru ini kerajaan telah membentangkan Laporan Tahunan SUHAKAM di Dewan Rakyat, dan telah pun dibahaskan dalam Dewan Rakyat.

Kerajaan Pakatan Harapan telah menyatakan komitmen pada 22 April 2019 melalui Konvensyen Orang Asli, di mana kerajaan sedang dalam proses menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang menyeluruh untuk menangani isu utama dihadapi oleh masyarakat Orang Asli di negara ini.

Satu kajian sosial juga dicadangkan akan dilaksanakan bagi menetapkan definisi tanah adat selepas mendapat keputusan terkini daripada Jemaah Menteri dalam masa terdekat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya Laporan SUHAKAM ini bermula pada 2013, dan melibatkan 6,500 orang, Orang Asal yang terlibat dalam konsultasi awam telah diadakan dan sebanyak 892 kes.

Dalam laporan tersebut juga, ada 18 syor yang telah disyorkan oleh SUHAKAM. Jadi, untuk- tadi Yang Berhormat Menteri sudah sebut akan dibincangkan, tetapi ada dalam 18 syor ini yang saya rasa perlu diambil secara serius sebelum Inkuiri Nasional ini dibawa ke Parlimen. Saya beri contoh di sini kepada syor nombor 13.

■1020

Saya baca di sini- menggalakkan penglibatan secara aktif Orang Asal dalam pengurusan hutan. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, syor dari?

Tuan Manolan bin Mohamad: SUHAKAM. Syor nombor 13, syor daripada SUHAKAM.

Tidak ramai masyarakat Orang Asli yang terlibat dalam menguruskan hutan. Maka, satu dasar baharu perlu dibuat untuk meningkatkan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam pengurusan hutan.

Baru-baru ini, kita dapat tahu dan mungkin ramai juga yang tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat di mana ada seorang Orang Asli telah ditangkap di Pos Pasik, Gua Musang kerana telah menembak seekor gajah. Memang satu kesalahan tetapi isunya di sini adalah dia menembak gajah ini disebabkan gajah tersebut telah memusnahkan tanaman kampung mereka dan juga mengganggu keselamatan orang kampung.

Jadi, pengurusan hutan ini perlu dipandang dengan serius supaya gajah-gajah ini tidak mengganggu dan mengancam tanaman Orang Asli ini dan kampung mereka. Maka itu, syor ini saya rasa perlu diambil tindakan dengan segera walaupun *enquiry* SUHAKAM kami belum dibawa ke Parlimen. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cakap syor-syor itu sedang diperhalusi oleh kerajaan sebelum dibentangkan. Saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab bila dibentangkan di Parlimen nanti.

Tuan Manolan bin Mohamad: Akan tetapi ini kita kena tengok secara serius Tuan Yang di-Pertua sebab dalam syor tersebut ada 18 syor dan syor yang ke-13 tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memang faham Yang Berhormat serius dan juga saya pun serius tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cakap ini belum dibentangkan. So, kalau ada soalan lain...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tidak, adakah- okey. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh melihat inti pati dalam syor tersebut? Salah satu untuk disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Itu soalan saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, boleh ya? Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang begitu nampaknya prihatin. Saya mengucapkan tahniah.

Untuk makluman Yang Berhormat, meskipun laporan ini belum ada keputusan muktamad untuk dibentangkan tetapi kerajaan bersikap proaktif. Pada 27 Ogos 2013, kerajaan telah menubuhkan satu pasukan khas yang berperanan bukan untuk mengesahkan laporan SUHAKAM tetapi lebih kepada mengkajinya semula dan membuat cadangan kepada kerajaan bagaimana cadangan dan laporan SUHAKAM boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat telah ada satu pasukan khas. Di mana pasukan khas ini diketuai oleh Presiden Institut Integriti Malaysia pada masa itu, iaitu Datuk Dr. Mohd Tap Salleh dan terdiri daripada 18 anggota termasuk penjawat awam, ahli akademik, anggota Majlis Peguam dan pasukan masyarakat madani.

Pasukan tersebut telah memulakan proses mengumpul input berkaitan serta lawatan tapak ke penempatan Orang Asli. Tindakan pelaksanaan juga telah dilaksanakan oleh agensi-agensi terbabit terutamanya melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian berkenaan isu-isu yang diketengahkan dalam laporan inkuiri tersebut. Tindakan-tindakan yang sewajarnya juga telah diambil berdasarkan cadangan-cadangan laporan dan keperluan semasa dengan mengambil kira kepentingan semua pihak berkepentingan iaitu pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan ambil peduli dengan laporan SUHAKAM itu walaupun masih belum dibentangkan tetapi kita ambil peduli. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau ada juga jawapan daripada kementerian bahawa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini belum lagi dibuat persetujuan ataupun satu keputusan, Yang Berhormat boleh bawa dalam perbahasan. So, Yang Berhormat Menteri akan jawab.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin memohon penjelasan lanjut mengenai apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai syor-syor yang akan diambil. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri maklum, saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu pejuang-pejuang hak asasi manusia yang hebat. Di bawah peruntukan seksyen 4, Akta SUHAKAM 1999 itu merupakan tanggungjawab SUHAKAM menasihati kerajaan terutama dalam hal ehwal hak asasi manusia. Malah perkataan yang digunakan Tuan Yang di-Pertua ialah *among others, shall adhere to United Nations Federation*. Tanggungjawab itu "*shall*".

Jadi, persoalan yang ingin saya timbulkan semenjak bertukarnya kerajaan, apakah pendekatan baharu di dalam memberi ruang kepada SUHAKAM? Satu institusi yang ditubuhkan bersama-sama oleh rakyat, di atas desakan rakyat dan sokongan kerajaan ketika itu, apakah perkara baharu yang telah dibuat bagi memartabatkan hak asasi manusia apatah lagi dalam kerja-kerja SUHAKAM untuk menasihati kerajaan? Atau perkara-perkara baharu mesyuarat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lebih kerapkah? Ataupun masih lagi kalau ada jumlah mungkin boleh beritahu pada Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih pada yang sahabat saya Mohd Yusmadi. Untuk makluman Yang Berhormat, kami kerajaan baharu ini berbeza dengan kerajaan dahulu. Kerajaan dahulu dia dengar tetapi kami dengar dengan teliti. Itu bezanya. Itu yang pertama.

Keduanya, untuk makluman Yang Berhormat, apabila kita dengar dengan teliti baru-baru ini kita telah pun membentangkan Laporan SUHAKAM. Ini baru pertama kali dalam sejarah semenjak SUHAKAM ditubuhkan -20 tahun sudah ditubuhkan, kali pertama Laporan SUHAKAM dibentangkan di Parlimen dan juga telah dibahaskan. Jadi, ini pembaharuan contohlah- *that shows* sebenarnya kita *very committed*-lah. Kita mengakui SUHAKAM ditubuhkan oleh kerajaan yang lama tetapi kita hendak memperkasakan lagi SUHAKAM dan kita akan mengambil kira segala input-input yang SUHAKAM berikan. Kita sentiasa memberi kerjasama.

Saya sudah berkali-kali menghadiri program SUHAKAM merasmikan program-program yang mereka buat. Saya juga mencadangkan- sebagai contoh, saya hendak beri contoh kepada Yang Berhormat. Saya pernah mencadangkan SUHAKAM supaya mengambil kira realiti masyarakat di Malaysia ini yang berbilang kaum dan berbilang agama. Kita tidak boleh 100 peratus mungkin mengambil saranan daripada pihak-pihak luar yang mungkin berbeza dengan budaya kita. Sebagai contoh, saya hendak beri contoh Yang Berhormat, hak untuk seorang anak dan sebagainya- mungkin perkiraan-perkiraan agama harus diambil kira. Jadi ini contoh-contoh.

Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita kerajaan yang peka dan akan sentiasa mengambil berat terhadap saranan SUHAKAM. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mendengar dengan teliti dan... *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini banyak orang yang cakap bila Yang Berhormat ini- Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak cakap ini keluar Dewan, *please*. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: *Thank you*. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa Laporan Inkuiri SUHAKAM telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk di-*debate*-kan. Adakah laporan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ia bukan di-*debate*...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Nga Hock Cheh: Tahunan. *Okay, it is the same report presented to the Dewan Negara...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan. Jangan *debate*. Soalan Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: *It is the same report been presented...*

Tuan Yang di-Pertua: Okey, adakah laporan tersebut ini dibentangkan di Dewan Negara?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator tadi lebih kepada fasal Orang Asli ya, Laporan Inkuiri Orang Asli. Akan tetapi yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat, melibatkan Laporan Tahunan SUHAKAM yang baru dibentangkan. Jadi itu adalah satu laporan yang berbeza. Jadi yang dibangkitkan ini berkaitan Orang Asli, Laporan Inkuiri 2013. Yang Berhormat, jadi *it is a different* laporan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertanyaan Yang Berhormat Senator itu adakah laporan tahunan SUHAKAM...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, tidak...

Tuan Yang di-Pertua: ...Juga dibentangkan di...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, tidak. Untuk Orang Asli pun sebenarnya kedua-dua Dewan belum dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, laporan tahunan seperti yang di...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akan dibentangkan di sini. Ini saya- Yang Berhormat, saya tidak ada apa-apa jawapan. Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akan tetapi Yang Berhormat boleh *request*-lah.

Tuan Nga Hock Cheh: Dewan Negara juga *is part of Parliament. What is good for the Dewan Rakyat, it should also be similarly presented here for our attention.*

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah memberitahu Dewan kalau tidak diberi di Dewan Negara, Yang Berhormat boleh minta. So, kalau saya sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jikalau boleh tolong edarkan kepada Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat satu nota daripada pihak belakang ini. Laporan tahunan, untuk berita gembira. Semua Laporan Tahunan SUHAKAM akan dibentangkan di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan tambahan ini memandangkan laporan inkuiri ini sudah lama, dan isu-isu yang diambil di dalam syor-syor ini sangat penting bagi masyarakat Orang Asli dan Orang Asal. Laporan ini bukan hanya untuk Orang Asli tetapi juga merangkumi Orang Asal Sabah dan Sarawak.

■1030

Jadi soalan saya adakah pihak kementerian akan melibatkan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Ini kerana kebanyakan daripada syor-syor ini ada kaitannya dengan undang-undang yang harus dipinda untuk membolehkan syor-syor ini dapat dilaksanakan.

Jadi apakah *taskforce* yang disebutkan tadi itu melibatkan *AG's Chambers* ataupun Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan yang sama Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Untuk makluman Yang Berhormat, yang saya sebut walaupun mungkin tidak dinyatakan tentang AGC tetapi saya percaya ia juga terlibat tetapi Majlis Peguam terlibat. Jadi saranan-saranan itu memang Yang Berhormat akan di ambil kira tentang perundangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berkenaan dengan pembentangan Laporan Tahunan SUHAKAM itu sebenarnya buat masa sekarang ini harusnya diletakkan di atas meja tetapi oleh kerana *Report Audit* dan sebagainya tebal sangat. So, mereka tidak termasuk pada masa sekarang. Dalam satu, dua hari lagi dia akan bentangkan.

Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

3. Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sejauh mana penggunaan *Internet of Thing* (IoT) dalam meningkatkan kemampuan kapasiti Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu terutamanya untuk menerima lebih ramai pelancong dari luar negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Nuridah, Teras Dua Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 memperuntukkan inisiatif yang meningkatkan penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam pengangkutan.

Selaras dengan DPN ini, inisiatif *Internet of Thing* (IoT), dengan izin, merupakan salah satu elemen utama yang dilaksanakan di bawah inisiatif *Airport 4.0* yang kini sedang dalam fasa percubaan di KLIA bermula bulan November 2019 sehingga awal tahun 2020.

Melalui fasa percubaan tersebut, MAHB melaksanakan pengecaman muka dan cap jari secara digital bagi melicinkan pengurusan aliran penumpang bermula daripada kaunter daftar masuk sehinggalah pelepasan.

Penggunaan IoT adalah sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang mana Malaysia dijangka akan menerima kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara dalam skala yang besar.

Pada masa ini pelaksanaan sistem tersebut di lapangan terbang Sultan Mahmud Terengganu serta lapangan-lapangan terbang yang lain masih di peringkat perancangan. Kaji selidik mendalam perlu dilakukan dari segi justifikasi komersial, modal kewangan, termasuk kapasiti semasa lapangan terbang tersebut sebelum ia dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Dalam hubungan ini, lapangan terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu direka untuk menampung kapasiti penumpang berjumlah 1.5 juta setahun. Rekod pencapaian tertinggi setakat ini berkaitan kapasiti di lapangan terbang Sultan Mahmud berjumlah 943,660 orang penumpang pada tahun 2017. Manakala pada tahun 2018 pula, jumlah penumpang adalah seramai 894,277 orang, menurun sedikit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga lapangan terbang ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi penerbangan antarabangsa seperti balai pelepasan, balai ketibaan antarabangsa, kaunter pemeriksaan imigresen, kastam serta landasan yang panjangnya 3,480 meter yang boleh menerima pesawat bersaiz besar.

Bagi meningkatkan jumlah penumpang di lapangan terbang Sultan Mahmud, pihak Malaysia *Airport* dan Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan yang berterusan untuk membawa masuk penumpang *charter* terutama dari negara China di lapangan terbang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini adalah satu perkara mendesaklah bagi Terengganu untuk mendapatkan satu lapangan terbang yang cukup lengkap dengan kemudahan teknologi dan kapasiti bertaraf antarabangsa bagi menghubungkan Pantai Timur, Pantai Barat, Borneo dan antarabangsa secara langsung tanpa perlu transit di lapangan terbang KLIA untuk mengurangkan kos dan mempercepatkan masa perjalanan. Umpamanya Terengganu ke Penang pun terpaksa transit di KLIA.

Jadi soalan saya apakah langkah kementerian untuk mengiklankan lapangan terbang Sultan Mahmud sebagai lapangan terbang yang sama tarafnya seperti lapangan terbang antarabangsa lain dalam kalangan kumpulan syarikat penerbangan dan di *website* utama? Apakah jaminan kementerian bahawa *facility* penerbangan semasa ini setaraf dengan lapangan antarabangsa sehingga dapat menambahkan pelancong dalam Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun sebahagian besar sudah dijawab. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kapasiti penumpang yang menggunakan lapangan terbang hanyalah sekitar- kalau kiraan saya tadi 65 peratus sahaja daripada kapasiti maksimum yang boleh menggunakan lapangan terbang tersebut. Ia mempunyai kapasiti dan infrastruktur yang cukup besar yang membolehkan kapal terbang bersaiz besar pun menggunakannya.

Akan tetapi, penggunaan lapangan terbang mana-mana sekali pun tertakluk kepada unsur-unsur, ciri-ciri komersialnya sama ada penumpangnya berjumlah besar, sama ada syarikat-syarikat penerbangannya mahu menggunakannya dan meningkatkan penggunaannya.

Jadi setakat ini rekod di lapangan terbang tersebut hanyalah menampung penumpang yang tidak mencapai kapasiti lagi yang memerlukan tindakan-tindakan pembesaran ataupun peningkatan kemudahan-kemudahan yang lainnya.

Dalam rekod lapangan terbang Sultan Mahmud Terengganu ini memang pada awal tahun 2009, 2010 pernah ada penerbangan antarabangsa khususnya untuk ke haji. Akan tetapi, ia tidak diteruskan- sama juga oleh kerana kapasiti penggunaannya tidak memberikan keuntungan komersial dan sebagainya kepada syarikat-syarikat penerbangan yang mengendalikannya- Tabung Haji, *Malaysia Airlines* dan sebagainya. Jadi ini keadaan yang ada di lapangan terbang Kuala Terengganu sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan penerbangan dari Terengganu ke Pulau Pinang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri ini buat rayuan kepada syarikat penerbangan?

Dato' Kamarudin Jaffar: Boleh, tetapi sudah tentu kita tertakluk kepada perkiraan, pertimbangan komersial yang syarikat-syarikat masing-masing lakukan. Jika ia memberi keuntungan, sudah tentu syarikat-syarikat ini akan melakukan. Akan tetapi, jika tidak mungkin mereka tidak. Kita tidak boleh memaksa syarikat-syarikat ini untuk melakukan sesuatu yang tidak memberikan keuntungan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Razali bin Idris: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, Terengganu, Yang Berhormat Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit sahaja soalan tambahan. Berapa penerbangan *benchmark* kalau kita hendak kategorikan lapangan terbang tersebut adalah internasional? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kamarudin Jaffar: Sebenarnya tidak ada *benchmark* yang khusus untuk menaik taraf ataupun meningkatkan penggunaan mana-mana lapangan terbang daripada lapangan terbang domestik kepada lapangan terbang antarabangsa. Apabila ada permintaan daripada syarikat-syarikat penerbangan untuk memulakan penerbangan antarabangsa selepas kelulusan oleh MAVCOM atau sebagainya diperoleh. Maka pihak MAHB akan berurusan dengan imigresen dan kastam untuk mempunyai suasana di mana pegawai-pegawai yang berkaitan dengan penerbangan antarabangsa ditempatkan di lapangan terbang tersebut. Jadi tidak ada apa-apa *benchmark* yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

▪ 1040

4. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah kemudahan yang disediakan dari segi modal, geran atau pinjaman daripada kerajaan untuk penggiat pertanian terutamanya kepada wanita dan anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha memperkukuhkan bidang agromakanan negara, MOA mengambil langkah proaktif melancarkan hala tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Prioriti dan Strategi 2019-2020. Dokumen hala tuju ini mengandungi lima hala tuju yang dibangunkan bersama 18 strategi dan 51 inisiatif untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2019 hingga tahun 2020.

Pembangunan agropreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam hala tuju ketiga iaitu menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda. Melalui strategi tiga, inisiatif pembangunan agropreneur muda dalam bidang agromakanan telah ditetapkan iaitu Program Agropreneur Muda yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.

Program Agropreneur Muda menawarkan bantuan geran berbentuk barangan dan pembiayaan sehingga maksimum RM20,000 dan pembiayaan dengan kadar faedah serendah dua peratus kepada golongan muda. Bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang akan dilaksanakan turut disediakan. Secara keseluruhannya dari tahun 2016 hingga Oktober 2019, seramai 5449 orang agropreneur muda

seluruh negara yang berjumlah 95.14 juta telah mendapat manfaat daripada program Agropreneur Muda.

Bagi pembangunan mempergiat pertanian khusus untuk wanita, kementerian juga ada menawarkan kemudahan Program Pembiayaan Mikro Agro Nisaa'-i melalui Agro Bank kepada usahawan tani untuk menjalankan perniagaan berasaskan pertanian dan industri asas tani. Program pembiayaan ini menawarkan pembiayaan sehingga RM30 ribu dengan margin pembiayaan sehingga 100 peratus. Program pembiayaan ini disediakan khusus untuk usahawan wanita tanpa memerlukan cagaran dengan kadar pinjaman yang dikenakan serendah empat peratus. Selain itu, kementerian juga giat membantu pengusaha industri kecil dan sederhana mengeluarkan produk-produk berasaskan industri asas tani untuk dipasarkan ke peringkat domestik dan antarabangsa.

Beberapa bantuan pembiayaan modal telah disediakan bagi aktiviti-aktiviti menambah nilai bagi produk berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan seperti berikut; Geran Pemandaran *High Impact Product* (HIP), Geran Pemandaran *Change Upgrade Product* dan Projek Pemacu Pertanian. MOA telah memperuntukkan sebanyak RM46.41 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi pembiayaan melalui geran pemandaran untuk meningkatkan lagi keupayaan usahawan ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebanyak RM14.41 juta telah diperuntukkan bagi pembiayaan Geran Pemandaran *High Impact Product* yang melibatkan 99 orang usahawan tani. Manakala sebanyak RM13.19 juta bagi pembiayaan Geran Pemandaran *Change Upgrade Product* yang melibatkan sebanyak 574 orang usahawan tani. Sehingga kini, seramai 318 orang merupakan usahawan wanita yang telah menerima geran pemandaran di mana 40 orang penerima HIP, manakala 278 orang penerima CUP. Projek Pemacu Pertanian pula merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk memberi tumpuan kepada 14 subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut, sarang burung walet, produk herba, buah-buahan serta sayuran premium dan sebagainya.

Pendekatan pembangunan program ini juga berbeza di mana diterajui oleh sektor swasta serta disokong oleh pihak kerajaan yang bertindak sebagai pemudah dan fasilitator. Melalui program ini sebanyak 10 buah syarikat peneraju, *anchor company* telah diberi kemudahan pembiayaan bagi perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi di bawah program yang melibatkan peruntukan sebanyak RM62.8 juta bagi tujuan berskala besar. Program ini menyasarkan sumbangan kepada pendapatan negara kasar sebanyak RM884.3 juta menjelang tahun 2020 dan mewujudkan sebanyak 4928 peluang pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingat sudah cukup.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya setuju. Memang saya hendak soal pun tidak ada soalan sudah. Memang *solid* lah Yang Berhormat Menteri punya jawapan. Terima kasih banyaklah. *Thank you*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Cuma saya hendak tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi?... [*Dewan ketawa*]

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Sebelum itu saya patut- kita patut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, jawapan yang *solid* dan juga saya secara peribadi mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana bidang *agriculture*, pemakanan memang bidang yang cukup penting. Tidak ada makanan, kita akan menghadapi masalah yang serius.

Persoalan saya, kebelakangan ini kita melihat dua senario. Senario yang pertama, kita masih mengimport bahan-bahan makanan dari luar. Kita masih tidak mempunyai bahan makanan yang mencukupi, itu yang pertama.

Senario kedua pula, kita masih menghadapi masalah walaupun Yang Berhormat Menteri telah menjawab bantuan kepada anak-anak muda, tidak kira lelaki ataupun perempuan, masalah pada hari ini juga banyak orang menyoalkan masalah graduan menganggur yang dikatakan masih ramai.

Persoalan saya, semenjak tahun 2018 sampailah masa kini, berapa peratus graduan menganggur dan berapa orang yang telah diberikan bantuan melalui projek ini? *A simple question* sebab saya lebih risau graduan selalu kompelin. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan orang muda dan wanita telah dijawab tetapi berkenaan dengan graduan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian. Ini terpulang kepada Yang Berhormat Menteri kalau hendak jawab.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih. Saya jawab sekadar yang bolehlah ya. Tahun 2018, pengimportan makanan, agromakanan, *the import bill* adalah RM50.15 bilion. Ini agak besar tetapi turun sedikit daripada tahun 2017. Tahun 2017 lebih kurang RM52 bilion. Jadi, kita mempunyai *high import bill*. Mengapa begitu? Ini adalah kerana tanah yang di-*allocate* untuk pertanian itu kurang.

Saya selalu membangkitkan bahawa hanya *total agriculture land* dalam Malaysia adalah lapan juta hektar. Enam juta hektar diberikan kepada kelapa sawit, 1.2 juta adalah diberikan

kepada getah. Jadi untuk agromakanan, kita lebih kurang satu juta hektar sahaja. *Less than one million*. Jadi, ini memang tidak diberikan- selama ini kerana kita fokus kepada komoditi. Ini adalah sejarah dan alasan tertentu, sebab-sebab tertentu. Akan tetapi sekarang, kerajaan telah sedar bahawa *we cannot continue to rely on import*. Kita perlu fokus kepada agromakanan.

Kita tengok bahawa negara kecil seperti Belanda, mereka merupakan sebuah negara kedua terbesar di dunia untuk mengeksport makanan. Jadi kita, Malaysia perlu *reduce the import bill* dan fokus kepada pengeluaran makanan. Bagaimana kita berbuat begitu? Kita perlu meningkatkan teknologi dan fokus kepada orang-orang muda kerana mereka boleh melonjak. Kalau kita *rely on the existing farmers* tidak mencukupi dan petani-petani semakin bersara dan mereka telah tua dan *aging farmers*. Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya soalan yang sangat bagus iaitu bagaimana kita boleh membantu graduan.

■1050

Kita telah semakin memberi fokus kepada Agropreneur Muda yang mempunyai kapasiti. Bukanlah yang selalu datang hendak minta geran dan projek, pakai nama kawan-kawan, dia kenal Menteri dia boleh dapat, tidak. Sekarang kita fokus kepada yang ada kapasiti. Jadi, kita fokus kepada *second generation farmers* dan *increasingly* kalau yang graduan kita kena *design* program yang tertentu, sedang dalam perbincangan untuk menarik graduan-graduan itu masuk dalam sektor pertanian.

Sememangnya, kita nampak bahawa ramai sebenarnya- saya turun padang, ramai yang *engineer, lawyer* atau profesional yang masuk bidang pertanian. Saya nampak dengan kapasiti mereka sebagai graduan, mereka mempunyai cara dan sistematik, dia boleh mengurus ladang dengan baik maka mereka boleh meningkatkan hasil pertanian mereka. Itu adalah satu trend yang baru di mana orang yang profesional dan graduan masuk dalam pertanian. Saya nampak itulah satu yang sangat atau *very positive* dari segi kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat fasal pertanian ini. Silakan Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying.

5. Puan Lim Hui Ying minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, perancangan untuk menaik taraf perkhidmatan dan pengisian program televisyen di bawah Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Jabatan Penyiaran Malaysia atau RTM sebagai penyiar utama. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha transformasi dan menaik tarafkan perkhidmatannya demi untuk

memberikan yang terbaik kepada khalayak selain memastikan maklumat kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat secara efektif dan efisien.

Menerusi projek pendigitalan contohnya, Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional di bawah RMKe-11, RTM telah beralih daripada siaran analog kepada digital sepenuhnya bermula daripada 31 Oktober 2019. Justeru itu, rakyat kini dapat menonton siaran berdefinisi tinggi (HD) yang jelas dan cantik.

Menerusi projek *Media City* yang sedang dilaksanakan pula, RTM akan menaik taraf peralatannya agar ia selari dengan taraf ataupun *standard*, dengan izin, antarabangsa. RTM juga akan memperoleh kemudahan tambahan seperti auditorium, studio muzik, studio TV, sistem grafik, sistem lampu, sistem arkib, *van outside broadcasting- OB van*, dan kelengkapan yang diperlukan untuk menaik taraf RTM mengikut standard dan keperluan turut dilaksanakan. Ini juga turut dilaksanakan di stesen-stesen negeri dan kawasan di seluruh Malaysia sebagai sebahagian pelan induk bagi melengkapkan sistem penerbitan penyiaran TV digital berdefinisi tinggi untuk keseluruhan RTM.

Usaha ini akan meningkatkan *capability* dan kualiti penerbitan dan penyiaran secara digital setanding dengan standard industri yang terkini. Selain daripada itu, dari aspek pengisian pula, RTM sememangnya berusaha menyajikan program yang diminati dan memenuhi permintaan penonton. Dengan peruntukan yang diterima, RTM ada menerbitkan sendiri selain memberi kandungan rancangan yang bermutu tinggi keluaran tempatan dan juga luar negara.

Bagi perancangan sedia ada dan menuju ke hadapan, perolehan kandungan juga akan dipastikan agar menepati rencana perkhidmatan TV Digital seperti yang disasarkan. RTM merupakan satu-satunya stesen digital percuma yang membawakan siaran secara langsung peristiwa penting, siaran langsung sukan, siaran hiburan, siaran langsung seperti konsert dan pertandingan nyanyian peringkat kebangsaan yang sememangnya diminati ramai.

Sejak Januari lalu sehingga penghujung tahun ini, RTM membawakan secara anggaran selama 200 jam siaran konsert, sama ada secara langsung dan secara rakaman. Kandungan penyiaran sebegini akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Penghasilan kandungan bermutu telah membawa kepada pencapaian yang amat membanggakan iaitu RTM telah menerima sebanyak 102 anugerah pelbagai kategori pada tahun 2019. Sebagai contoh, RTM merangkul lima kategori utama Anugerah Skrin tahun 2019 menerusi hasil penerbitannya sendiri. RTM juga telah dinobatkan sebagai media yang paling dipercayai oleh rakyat. Terima kasih kepada penonton RTM.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, RTM akan melakukan dan menambah lebih banyak waktu siaran, kandungan yang menarik secara langsung, sukan antarabangsa dan

membawakan artis-artis veteran dan terbaharu dalam setiap penerbitannya bagi menarik minat ramai. Menuju ke hadapan, RTM juga akan membawakan saluran khusus TV yang akan menyalurkan maklumat terkini secara berita sahih dan tepat untuk memakmurkan kehidupan rakyat. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya gembiralah nampak Yang Berhormat ini sudah segar, sudah sihat... *[Disampuk]* Mudah-mudahan- kena jaga kesihatan sedikit. Jangan terlalu banyak kerja pula, kena jaga kesihatan. Silakan Yang Berhormat soalan tambahan.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan populariti teknologi baharu seperti *Netflix* yang menyediakan hiburan atas permintaan atau *video on demand*, dengan izin, di kalangan orang awam, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan saluran media seperti RTM dapat bersaing dengan mereka? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Cuma soalan Yang Berhormat ini lebih terjurus kepada penyiaran *Netflix* yang mana saya percaya adalah tidak adil untuk kita membandingkan di antara *Netflix* dengan RTM kerana kita mempunyai dua sasaran yang berbeza. *Netflix* adalah satu rancangan yang diterbitkan di atas maksud untuk mendapat seberapa banyak keuntungan atau *profit oriented* sedangkan RTM ini kita lebih kepada memberi perkhidmatan secara percuma, dengan izin. Adalah lebih adil untuk dibuat perbandingan secara *apple-to-apple*.

Akan tetapi, di dalam kes *Netflix* ini ia tidak sama dengan RTM yang mana sasaran penonton RTM ini adalah seluruh rakyat dan seberapa ramai yang mungkin. Jadi, tidak timbul soalnya yang RTM perlu bersaing dengan *Netflix*, asalkan RTM yang saya percaya dan yakin mampu untuk memberi kualiti perkhidmatan penyiaran yang baik, itu sudah memadai untuk rakyat. Apa lagi di dalam standard digital perkhidmatan yang diberikan oleh RTM, itu memadai untuk memenuhi servis ataupun perkhidmatan kepada rakyat yang diberikan secara percuma.

Sudah tentu RTM dari semasa ke semasa akan memperbaharui, akan cuba untuk melakukan penambahbaikan seperti mana yang dilakukan dalam tempoh enam bulan selepas kerajaan baharu memerintah. Kita cuba melakukan *rebranding*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan juga penambahbaikan dari segi mutu penyiaran. Itu satu pencapaian yang saya kira cukup baik dan sehingga ke hari ini RTM masih meneruskan usaha-usaha melakukan penambahbaikan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut pengetahuan saya, untuk berita TV di Sarawak, kita hanya ada Berita TV dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Iban di TV Okey. Soalan saya

adalah, sama ada kementerian bercadang untuk mewujudkan kru TV di Sarawak dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Mandarin.

Memandangkan keadaan Sarawak yang juga terdiri daripada pelbagai kaum dan juga bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi di Sarawak. Bagi saya, kewujudan saluran Mandarin dan Inggeris selain daripada bahasa Melayu dan Iban akan meningkatkan *audience* untuk RTM yang menepati keperluan tempatan. Itu cadangan saya, sama ada kementerian bercadang untuk berbuat demikian? Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan Eddin Syazlee Shith: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya percaya RTM sentiasa mengamalkan sikap yang proaktif dalam menerima maklum balas yang sedemikian. Kalau ini cadangannya, setakat hari ini saya tidak pernah dengar apakah bentuk cadangan-cadangan yang sedemikian sama ada berita berbahasa Inggeris dan Mandarin ini tetapi ini adalah perkara-perkara yang sekiranya memerlukan perhatian daripada pihak RTM, pihak RTM akan mengambil kira permintaan ini.

Sekiranya ia juga memenuhi tuntutan dan keperluan rakyat di Sarawak, perkara ini akan diangkat dan dipertimbangkan, Mandarin dan bahasa Inggeris. Akan tetapi untuk berita berbahasa Inggeris saya tidak fikir ini merupakan satu masalah kerana kita sememangnya sudah ada dalam siaran RTM.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, berita RTM ini kita telah sedia ada dalam lapan bahasa. Dalam bahasa Inggeris dan Mandarin yang biasanya disiarkan di TV2 dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di seluruh negara. Itu sememangnya sudah ada tetapi mungkin Yang Berhormat maksudkan ini dari segi waktu siaran dan mungkin jumlah siaran berita-berita berkenaan. Itu juga akan dikaji mengikut keperluan dengan mengimbangi lapan bahasa lain yang telah sedia ada disediakan oleh RTM.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan soal pengisian program. Ringkas sahaja, dengan penambahan pengundi baru yang akan meningkat sampai lebih 23 juta untuk pilihan raya yang akan datang, apakah pihak RTM sebagai media rasmi kerajaan mempunyai- boleh tidak diberikan sedikit ulasan tentang perancangan. Ada atau tidak perancangan dalam konteks pendidikan literasi politik contohnya dalam pendidikan kewarganegaraan ataupun pendidikan demokrasi. Apakah pihak RTM mempunyai perancangan ke arah itu. Pohon penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan soalan Yang Berhormat, literasi politik pendidikan. Dari segi politik ini, setakat ini kita belum menerima sebarang cadangan yang khusus berkenaan pendidikan literasi politik tetapi sekiranya ianya bagus dan baik, itu adalah perkara yang saya fikirkan sebagai media rasmi kerajaan, tidak ada salahnya untuk kita mewujudkan. Apa lagi dalam keadaan sekarang kita mempunyai banyak saluran-saluran dalam TV hasil daripada pendigitalan dan MYTV, kita mempunyai banyak saluran yang boleh diisi dan boleh digunakan. Cuma kita perlu membuat kajian yang lebih spesifik dalam bentuk dan keadaan seperti mana yang kita perlukan pembelajaran yang berkaitan dengan literasi politik ini. Satu cadangan yang baik dan saya akan bawa untuk diangkat dan dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah rombongan dari Dewan Undangan Negeri Melaka yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Jaafar, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, bersama Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Datuk Dr. Wong Fort Pin... *[Tepuk]*

Kepada Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Jaafar serta rombongan, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini. Sekarang boleh tepuk... *[Tepuk]* Sila duduk, Yang Berhormat. Semoga dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Wira Omar bin Jaafar serta Timbalan Speaker dan rombongan ini akan dapat mengukuhkan silaturahim di antara Parlimen Malaysia dan Dewan Undangan Negeri Melaka.

6. Datuk Lee Tian Sing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, kepentingan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) sedangkan Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara maju dan berjanji ia tidak akan disalah gunakan oleh pihak berkuasa untuk kepentingan politik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan tiga soalan lain yang turut membincangkan perkara yang sama oleh Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu bertarikh 10 Disember 2019, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu bertarikh 17 Disember 2019 dan Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee bertarikh 18 Disember 2019 yang juga membangkitkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih

memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancaman-ancaman keselamatan seperti penganas dan juga sindiket jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum *complexity* gerakan *terrorism* contohnya yang merupakan satu gerakan merentasi sempadan dan pihak PDRM khususnya memerlukan kerjasama daripada negara-negara ini. Jika pihak PDRM memerlukan maklumat-maklumat tambahan dalam menyelesaikan sesuatu kes bila ianya melibatkan gerakan *terrorism* contohnya. Malahan hari ini kita pun tahu ada negara-negara luar yang mengandaikan bahawa Malaysia boleh menjadi transit kepada gerakan penganas yang mana telah disebut di dalam media-media sebagaimana apa yang kita nampak sebelum ini. Maka dengan itu, kita merasakan undang-undang seperti SOSMA ini masih diperlukan di negara kita.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua kerajaan juga mengambil maklum akan kegusaran masyarakat bahawa SOSMA ataupun undang-undang yang lain boleh disalahgunakan bagi tujuan politik. Selaras dengan komitmen kerajaan di dalam manifestonya, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ataupun dikenali sebagai SOSMA dan undang-undang keselamatan yang lain sedang dikaji untuk ditambah baik.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkenaan. Selain jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, jawatankuasa berkenaan turut dianggotai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ataupun SUHAKAM dan badan-badan hak asasi manusia yang lain, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh dan seimbang terhadap akta-akta berkenaan.

Jawatankuasa tersebut juga telah memperhalusi setiap peruntukan di dalam undang-undang berkenaan dan telah memberikan pandangan terhadap peruntukan akta-akta tersebut terutamanya dalam aspek perundangan dan hak asasi manusia. Jawatankuasa juga telah memberikan pandangan dari segi implikasi keselamatan yang akan timbul sekiranya akta-akta tersebut dipinda atau dimansuhkan.

Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses untuk memuktamadkan rang undang-undang bagi pindaan SOSMA. Proses ini memerlukan penelitian dan kajian lanjut kerana dikhuatiri terhadap kelompangan perundangan di dalam akta sedia ada yang lain terutamanya di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan SOSMA ini digubal dan memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya walaupun undang-undang ini berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Perkara 5-Kebebasan Diri; Perkara 9- Larangan Buang Negeri dan Kebebasan Bergerak; Perkara 10-

Kebebasan Berhimpun, Bercakap dan Menubuhkan Persatuan; dan Perkara 13- Hak Terhadap Harta. Rang Undang-undang SOSMA (Pindaan) 2019 ini dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang tertakluk kepada persetujuan Jemaah Menteri. Terima kasih.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya adalah satu, walaupun Malaysia memerlukan akta-akta untuk menjamin keselamatan negara, namun wujud bahagian-bahagian dalam Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang tidak mematuhi Perlembagaan Malaysia Artikel 5(2).

■1110

Ini tidak dapat meyakinkan orang ramai bahawa pihak berkuasa tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan sendiri. Apakah Menteri Dalam Negeri akan mempertimbangkan keperluan menambahkan bahagian menyekat pihak berkuasa supaya mengurangkan kemungkinan salah guna kuasa?

Soalan kedua. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Artikel 5(3), *“Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya”*. Namun, dalam bahagian seksyen 4(1); *“Seorang pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap dan menahan mana-mana orang yang berkenaan dengannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai terlibat dalam kesalahan keselamatan”*.

Adakah Menteri Dalam Negeri akan mempertimbangkan meminda seksyen 4(1) supaya mengikut Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan asasi diri warganegara Malaysia? Itulah soalan saya.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, sebenarnya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu, itulah merupakan di antara perkara-perkara yang memang sudah ada di dalam pertimbangan dan kajian jawatankuasa yang telah pun kita tubuhkan.

Sebagaimana kita tahu, tujuan pindaan Rang Undang-undang SOSMA ini adalah disebabkan oleh sebelum ini berlaku penyalahgunaan terhadap akta ini. Maka dengan itulah, pindaan ini, selaras dengan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan, untuk memastikan agar bilamana pindaan ini dilakukan, kita perlu perincian akta ini agar ianya bukan hanya berkebarangkalian akan disalah guna pada hari ini tetapi mungkin juga di masa akan datang. Maka dengan itulah, tanggungjawab pada hari ini kita memastikan agar rang undang-undang yang akan dipinda khususnya yang melibatkan SOSMA ini tidak akan disalahgunakan di masa akan datang.

Menyebut tadi tentang Perkara 4(1) tadi di mana pihak polis boleh menahan seseorang individu, tetapi saya juga ingin terangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak polis ini juga apabila dia membuat sesuatu tahanan, dia ada SOP-nya. Dia tidak boleh *simply* datang ke luar sana dan tangkap sesuka hati walaupun tidak ada perkara-perkara yang mereka yakini ada kesalahan ataupun siasatan yang perlu dilakukan terhadap seseorang individu.

Oleh itu, saya ingin tegaskan di sini bahawa tahanan yang dilakukan oleh pihak polis pastinya akan mengikut SOP yang ada dan sudah semestinyalah bila tahanan itu dilakukan, ada maklumat-maklumat yang telah diyakini oleh pihak polis yang memerlukan pihak polis untuk menyiasat perkara itu. Sekian, terima kasih.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, Yang Berhormat. Oleh kerana soalan itu bersamaan dengan soalan-soalan yang berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kena beri laluan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membentangkan soalan.

Puan Raj Munni binti Sabu: Saya ada soalan, saya yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dalam SOSMA ini, seseorang yang dituduh di bawah kesalahan ini tidak boleh dijamin melainkan mereka adalah orang yang berada di bawah umur ataupun wanita ataupun orang-orang yang sakit. Malahan, sekiranya dia didapati bersalah pun, di akhir perbicaraan, orang tersebut tetap akan ditahan, maknanya tidak dibebaskan. Justeru, ini sama sekali sebenarnya bertentangan dengan prinsip bahawa seseorang itu tidak boleh dihukum selagi dia tidak dibuktikan bersalah.

Justeru, pertanyaan saya, Yang Berhormat Menteri tadi menyebutkan bahawa ia dalam kajian, ia akan diperbaiki. Kenapa tidak akta ini diberhentikan terus? Kenapa tidak kita menggunakan peruntukan-peruntukan lain sementara daripada terus melaksanakan satu undang-undang yang kita tahu bersifat drakonian dan sangat bertentangan dengan dasar dan prinsip Kerajaan Malaysia Baharu?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Sebagaimana saya sebut dalam jawapan saya bahawa kita mengambil maklum tentang apa yang disebutkan tentang kekusaran rakyat, masyarakat tentang isu hak asasi.

Perlu kita ingat juga, Tuan Yang di-Pertua- kalau saya boleh kongsi di sini- negara yang kuat melaungkan isu hak asasi, contohnya seperti Amerika Syarikat, *United Kingdom*, saban hari kita lihat tunjuk perasaan dilakukan. Ini kerana di negara mereka, contohnya di Amerika Syarikat, mereka masih lagi mengamalkan tahanan tanpa bicara.

Di *United Kingdom* contohnya, masih lagi mengamalkan. Malah jiran kita Singapura, negara yang paling dekat dengan Malaysia juga masih lagi mempunyai undang-undang yang dinamakan sepertimana yang kita telah mansuhkan dulu, ISA.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, hari ini dunia, bukan sahaja Malaysia, dunia menghadapi masalah ancaman keganasan, *terrorism*, yang sering kita lihat di kaca-kaca TV. Ini satu perkara yang kita tidak boleh ambil mudah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah kita tidak boleh, negara Malaysia ini tidak mempunyai satu undang-undang yang menjadi *deterrent* kepada orang yang ada di luar sana untuk melakukan perkara-perkara yang sebenarnya beroperasi di luar negara. Ini satu perkara yang perlu kita ambil perhatian serius.

Sebagaimana kita sebut, isu keselamatan ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh kompromi kerana bila ia berlaku, agak sukar untuk kita berundur kembali. Jika mana di masa akan datang kita merasakan satu kesilapan bila mana kita merasakan SOSMA itu telah dimansuhkan dan pihak polis sudah tidak ada satu mekanisme untuk menjadi *deterrent* kepada mereka, untuk menjadi alat kepada mereka untuk menyiasat perkara-perkara yang mempunyai kompleksiti yang cukup rumit sebagaimana saya sebutkan tadi, isu keganasan.

Itu yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, jangan bimbang, jawatankuasa yang telah pun kita bentuk ini melibatkan pelbagai latar belakang. SUHAKAM pun berada di dalam sana, Majlis Peguam pun ada di dalam sana. So, kita akan bincangkan perkara ini. *Insya-Allah*, ianya akan dibawa ke Parlimen nanti, akan dibahas nanti dan, *insya-Allah*, bilamana perbahasan sudah dilakukan, kita akan lihat apakah kesudahan kepada rang undang-undang ini. Jika ianya diluluskan di peringkat Parlimen, saya yakin, *insya-Allah*, undang-undang ini diyakini mampu mengawal keselamatan negara kita. Terima kasih.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah LTT wujud di negara kita? Adakah organisasi itu?

Cuma, saya hendak beritahu sedikit fasal LTT, apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana kalau masyarakat India ini, khususnya orang Tamil, mereka ini semua ada simpati terhadap LTT. Itu saja. Simpati itu memang kita pernah bagi duit, memang pernah tolong mangsa mereka yang kena tembak, mati dan macam-macam. Jadi, LTT pun, sebab mereka ini bukan pergi mana-mana, pergi lawan atau ada tubuh di Malaysia dan lepas itu mereka ada ancaman di Malaysia, tidak ada. Apa yang sebelum ini, tidak ada. Ia cuma mereka berjuang untuk dapatkan satu negara di Sri Lanka. Itu sahaja. Yang mangsa-mangsa sebelum ini, kita pun- saya pun tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua ada bagi duit atau tidak ada tetapi saya pernah bagi, saya

pernah bagi sumbangan. Jadi, saya tidak faham yang mereka kena tangkap ini, kadang-kadang saya tengok mereka tangkap pun...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu pendapat Yang Berhormat [*Ketawa*] Ini penyihasatan polis.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Saya faham, saya faham, tetapi sepertimana Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Yang Berhormat Kula pun kata...

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri, siasat dia pasal dia bagi duit [*Ketawa*]

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Yang Berhormat Kula pun kata sebelum ini mengatakan ini fasal isu Tanjong Piai. Ada *statement* saya tengok di *Malaysiakini*. Jadi saya hendak tahu, kenapa mereka ditahan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, atas dasar perikemanusiaanlah. So, soalan itu hanya satu saja. Adakah LTT di negara Malaysia ini?

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, saya rasa Yang Berhormat Senator juga sedia maklum bahawa hari ini, *in fact* sebelum Kerajaan Pakatan Harapan pun, LTT ini disenaraikan sebagai satu gerakan kumpulan pengganas yang memberi ancaman kepada negara dan ini masih ada di dalam senarai itu. Maka dengan itulah, pihak PDRM, hasil daripada siasatan yang mereka lakukan, bahawa ianya merupakan satu perkara yang perlu disiasat dan didakwa sebagaimana apa yang berlaku pada hari ini. Itu yang berlaku kepada tahanan yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Oleh kerana kes ini masih lagi di peringkat mahkamah, saya tidak boleh komen lebih lanjut. Cuma apa yang saya ingin jelaskan di sini, LTT masih lagi disenaraikan sebagai kumpulan pengganas di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Razali. Sokong kerajaan sikit [*Ketawa*]

■1120

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruja dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi ada soalan sedikit daripada saya. Kalau dahulu kita tolak ISA. Selepas itu kerajaan wujudkan kembali SOSMA. Jadi sekarang kita nampak ada sebahagian daripada kita yang hendak tolak juga SOSMA. Jadi saya hendak tanya pihak kementerian, apakah beza di antara ISA dengan SOSMA. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator tadi. Apa yang jelas jika dibandingkan SOSMA dengan ISA, ISA ini tahanan tanpa bicara. Dia boleh ditahan selama mana yang dirasakan oleh pihak PDRM untuk menahan orang ini tanpa perlu dibicarakan. Macam contoh di Amerika Syarikat tanpa bicara, tidak ada tempoh masa. Di *United Kingdom* contohnya sudah lebih daripada tiga tahun ada yang kena tahan di sana disebabkan oleh ISA.

Akan tetapi SOSMA ini ia ada tempoh masa dan akan dibicarakan. Tempoh maksimumnya 28 hari sebagaimana yang kita melalui perundangan- 28 hari, dan perkara-perkara lain lagi dan akan dibawa ke mahkamah Tuan Yang di-Pertua sebagaimana apa yang berlaku kepada LTTE. Mereka telah pun dibawa ke mahkamah, telah pun didakwa. Inilah perbezaannya di antara SOSMA dan ISA. Itu yang paling jelas sekali. Terima kasih.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, jika undang-undang yang dikaitkan dikatakan adalah sangat mustahak, mengapakah kerajaan selepas satu setengah tahun atau 18 bulan mengambil langkah membebaskan seseorang itu dengan denda sebanyak lebih kurang RM3,000. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Boleh ulang balik soalan? Saya tidak berapa...

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Jika undang-undang ini dikatakan sangat mustahak, kenapakah kerajaan ambil langkah untuk membebaskan seseorang itu selepas satu setengah tahun dengan denda sebanyak lebih kurang RM3000.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ditahan oleh kerajaan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Soalan Yang Berhormat agak tergantunglah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu. Ada banyak kes. Kes apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini, boleh spesifik kan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri kena cakap ini [*Ketawa*] Saya khuatir saya salah pula. Ini kes yang ramai gengster India yang ditahan di bawah SOSMA. Selepas itu dikeluarkan dalam lingkungan RM3,000 lebih denda.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini ada pengasingan kuasa. Bilamana ia diputuskan oleh mahkamah, ia bukan keputusan kita. Ia keputusan apa yang difikirkan oleh pihak mahkamah. Macam contoh mungkin kes Yang Berhormat oleh kerana tidak ada spesifik kes yang disebutkan, jadi apa yang saya boleh terangkan di sini...

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kes-kes yang spesifik. Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji pula. Memang ada. Banyak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau kes yang spesifik Yang Berhormat kena namakanlah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Kes si Abu bin Ali contoh macam itu. *Something like that because...*

Tuan Yang di-Pertua: Ya *general, general*. Silakan Yang Berhormat. Okey sudah ya. Masalah SOSMA ini banyak yang hendak tanya soalan. Dalam perbahasan sahajalah.

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh saya soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua? Berkenaan Undang-undang SOSMA, saya hendak tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya baru...

Tuan Nga Hock Cheh: Maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cakap dalam perbahasan. Yang Berhormat boleh bahas panjang lebar. Ini kerana masa sekarang kerajaan telah memberitahu bahawa SOSMA ini adalah perbincangan untuk memperhalus. So, pandangan Yang Berhormat ini dalam perbahasan ini akan menolong kerajaan. Okey. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram.

7. Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta Menteri Pendidikan menyatakan, status pembinaan dua buah sekolah SJKT Taman Keladi dan SJKT Ladang Kuala Muda, Kedah dan bilakah penyerahan SJKT Taman Keladi akan dibuat sepenuhnya kepada pihak sekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan kos berjumlah RM18 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan bangunan baharu yang mengandungi 18 buah bilik darjah dan lain-lain kemudahan.

Untuk makluman, projek SJKT Taman Keladi telah siap pembinaan sepenuhnya, *Certificate of Practical Completion (CPC)*, dengan izin, telah dikeluarkan pada 29 Julai 2019 manakala *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*, dengan izin, telah pun diperolehi pada 21 November 2019. Pihak kementerian telah menyerahkan projek ini kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 26 November 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Ladang Kuala Muda, Kedah adalah Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Oleh yang demikian, sebarang peruntukan projek pembangunan sekolah adalah menjadi tanggungjawab pemilik sekolah atau pun Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk mendapatkan sumber peruntukan sendiri bagi tujuan pembangunan dan pembiayaan penyelenggaraan bagi sekolah tersebut. Pemberian bantuan daripada kerajaan

adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negara. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bagi pihak MIC ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menyempurnakan usaha pembinaan SJKT Taman Keladi, Sungai Petani. Saya juga ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pembinaan sekolah ini adalah hasil usaha MIC dan Kerajaan Barisan Nasional.

Pada 6 Mei 2018, Kementerian Pendidikan telah menyerahkan- ini hal SJKT Ladang Kuala Muda, telah menyerahkan surat kelulusan peruntukan pakej rangsangan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bernilai RM4 juta untuk projek relokasi SJKT Ladang Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah.

Dengan bantuan daripada tiga ekar tanah yang diberikan percuma oleh OSK Development Bandar Puteri Jaya, Negeri Kedah. Dalam pada itu, soalan saya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah Darul Aman telah mengeluarkan satu surat bertarikh 18 September 2018 di mana jabatan ini tidak menyokong untuk permohonan pecahan sempadan bagi tujuan relokasi SJKT Ladang Kuala Muda ini.

Adakah perkara ini sudah diambil maklum oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia? Apakah tindakan diambil setakat ini untuk menyelesaikan isu ini dan ke manakah perginya peruntukan sebanyak RM4 juta? Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Pertama kalau memanglah ikhlas kenapa bagi *voucher* dan bukan terus bagi peruntukan? Itu soalan yang sepatutnya saya tanya kepada Kerajaan Barisan Nasional. Ini kerana sekarang di bawah Pakatan Harapan apabila kita bagi peruntukan, kita terus bagi duit kepada akaun Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) ataupun kepada mana-mana pihak penerima atau *beneficiary*, dengan izin, pertama.

Jadi isu kedua adalah tentang isu tapak. Sekarang SJKT Ladang Kuala Muda memang mempunyai isu dengan isu tapak kerana tapak yang telah dikenal pasti tersebut adalah sebenarnya adalah untuk pembinaan sekolah menengah kebangsaan. Itu adalah kalau merupakan keperluan tempatan, jadi kita perlu menjaga keperluan untuk sekolah menengah kebangsaan juga.

Walau bagaimanapun, KPM masih dalam proses untuk mengenal pasti tapak yang sesuai supaya kita boleh memenuhi segala permintaan dan juga keperluan masyarakat tempatan bukan sahaja untuk SMK tetapi juga untuk SJKT. Itulah jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di kawasan saya, di bahagian saya terdapat tiga buah SJKC di dalam kawasan kelapa sawit. Saya ada membaca baru-baru ini di Klang ada 40 ekor monyet menyerang murid-murid sekolah. Di kawasan saya ini apabila SJKC dan juga sekolah-sekolah lain dalam kawasan kelapa sawit dan pedalaman, terdapat banyak sekali monyet ini Yang Berhormat, tidak dapat dikawal dan kita hendak tunggu sampai bila Yang Berhormat? Sampai dia gigit cikgu baru kita hendak buat pendekatan untuk mengelak monyet-monyet ini.

■1130

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Kementerian Pendidikan bersama dengan kementerian lain ataupun dengan RELA di dalam kawasan tersebut mengadakan operasi untuk mengelak ataupun membunuh monyet-monyet ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: *I'm very concerned about monkeys* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi ini boleh kerana *Speaker* dari Melaka ini datang so yang fasal binatang ini boleh tanya dekat luar [*Ketawa*] Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator. Saya mohon maaf kerana saya tidak dapat jawab soalan itu kerana saya tidak pasti tentang prosedur untuk tangkap ataupun tangkap monyet itu. Akan tetapi saya rasa haiwan ataupun binatang, kita juga ada satu prosedur yang saya percaya mungkin ditetapkan oleh kementerian yang lain.

Jadi, kita sentiasa sudi untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa untuk menangani segala isu yang dihadapi oleh sekolah untuk menjaga kepentingan dan keselamatan guru-guru dan murid-murid kita tetapi saya mohon maaf kerana memang saya sendiri tiada pengetahuan tentang apa itu prosedur yang sepatutnya untuk tangkap monyet itu. Akan tetapi kalau untuk sekolah yang menghadapi isu ini kita akan bekerjasama dengan *authority* ataupun *authorities* yang berkuat kuasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, mohon penjelasan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Cameron Highlands terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, SJK(T) Ladang Boh, estet. Di situ terdapat hampir 100 peratus, lebih 95 peratus pelajarinya adalah pelajar Orang Asli. Apa yang jadi isu sekolah ini agak ketinggalan dari segi program pembangunan, kurikulum, kokurikulum dan program-program yang melibatkan sekolah-sekolah Orang Asli di peringkat kebangsaan.

Adakah pihak kementerian boleh mengategorikan sekolah ini sebagai sekolah kategori Orang Asli supaya ia dapat menyertai program-program pembangunan berskala dengan murid-murid Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya di Cameron Highlands ini kita ada dua buah SJK(T) Ladang Boh, (1) dan (2). Kedua-duanya adalah kategori sekolah kurang murid. Maksudnya murid di sana, kedua-duanya kurang daripada 30 orang untuk kedua-dua buah sekolah tersebut. Kalau pengetahuan saya masih betul dan tepat.

Jadi untuk tukar status SJK(T) kepada sekolah Orang Asli, pertamanya, kita perlu dapat persetujuan daripada komuniti tempatan kerana mungkin masyarakat orang India hendak kekalkan ia sebagai sebuah SJK(T). Kalau dapat persetujuan daripada masyarakat tempatan dan juga masyarakat-masyarakat terutamanya kaum India, saya rasa dari segi KPM, kita tidak ada masalah untuk membantu sekolah itu untuk bertukar status kepada sebuah sekolah Orang Asli.

Akan tetapi seperti yang saya sebut kerana saya rasa SJK(T) juga adalah satu aset yang sangat penting, sangat sensitif untuk masyarakat orang India, jadi kita perlu hormat keinginan dan juga kehendak masyarakat-masyarakat tempatan terutamanya masyarakat orang India. Akan tetapi memang bagi saya kalau kita tidak ada masalah untuk hendak gabungkan sekolah itu supaya kita boleh menaik taraf kemudahan di sekolah-sekolah itu ataupun kita menjadikan ia sebuah sekolah untuk Orang Asli supaya kita boleh memberi perhatian khususnya untuk murid-murid Orang Asli. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Chai Kim Sen.

Dato' Sri Ti Lian Ker: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sudah datang awal-awal.

8. Dato' Sri Ti Lian Ker *[Di bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh mana pemohon kerja- *job seekers* , akan dilindungi daripada diskriminasi dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang akan datang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Ya [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas kerana kita ada Yang Berhormat Menteri menunggu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Sebenarnya dari segi soalan ini spesifik- tidak ada satu undang-undang yang melindungi pencari kerja tetapi undang-undang yang ada Akta Kerja 1955 ini hanya melindungi orang yang sudah masuk ke dalam sektor pekerjaan tetapi kami sedang membuat kajian untuk ke hadapan ini melihat bagaimana satu bentuk undang-undang boleh melindungi pencari pekerja.

Namun begitu, jika ada pencari-pencari kerja ini yang dianiayai dalam apa-apa bentuk diskriminasi boleh membuat aduan kepada pihak kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja untuk kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan keharmonian industri dalam negara kita *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masa sudah 11.35 pagi. Soalan akhir kerana Yang Berhormat Menteri hadir Dewan. Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Asam pedas ikan sembilang;
Soalan nombor sembilan.*

Tuan Yang di-Pertua: *White Paper [Ketawa]*

9. **Dr. Yaakob bin Sapari** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, siapakah pemaju yang bertanggungjawab untuk memajukan Kampung Bahru Kuala Lumpur. Apakah jaminan kerajaan untuk memastikan projek ini berjaya.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan mengambil perhatian isu-isu di kawasan tanah *Malay Agricultural Settlement (MAS)*, Kampung Baru seperti jumlah pemilik yang meningkat bagi setiap lot, persekitaran yang kurang kondusif dengan bangunan-bangunan yang usang dan infrastruktur yang *substandard*. Jika dibiarkan berterusan akan menyukarkan lagi usaha pembangunan semula Kampung Baru di masa akan datang.

Dengan mengambil kira keadaan ini, kerajaan berpendapat telah sampai masanya untuk kerajaan terlibat secara langsung dengan menawarkan pembelian tanah dalam usaha membangunkan semula Kampung Baru khususnya di kawasan tanah MAS di Kampung Baru. Bagi melaksanakan hasrat ini, kerajaan akan mewujudkan syarikat tujuan khas SPV yang

merupakan entiti yang ditubuhkan bagi tujuan melaksanakan pembangunan semula Kampung Baru berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan semula Kampung Baru yang telah ditetapkan.

SPV ini akan mendapatkan dana untuk membeli tanah dalam kawasan yang ingin dibangunkan sambil menjadikan pemilik asal sebagai pemegang sebahagian dari sahamnya. So, *the original owners will also have a share in the SPV*. SPV sebagai pemilik tanah akan seterusnya mengawal selia pembangunan Kampung Baru dengan membahagikan pembangunan itu kepada beberapa pakej atau bahagian dan fasa untuk dibangunkan secara usaha sama dengan pemaju-pemaju yang dipilih melalui tawaran sebut harga terbuka.

Dengan itu, SPV ini akan bertindak sebagai pemaju utama (*master developer*) untuk membangunkan keseluruhan kawasan *Malay Agricultural Settlement* (MAS), Kampung Baru yang seluas 219.91 ekar. Maknanya untuk menjawab soalan yang pertama siapa pemajunya, pemajunya belum ditentukan lagi kerana apa yang penting kita beli tanah itu dengan persetujuan pemilik-pemiliknya dan selepas itu kita akan pecahkan kepada pakej-pakej dan kita akan *tender out* dan kita akan bangunkan mengikut usaha sama dengan pemaju.

Bagi memastikan kepentingan kerajaan dan pemilik tanah terjaga, SPV ini akan diterajui oleh kerajaan dan mana-mana pihak yang diputuskan oleh kerajaan. Kerajaan juga akan memastikan SPV ini diuruskan oleh tenaga pakar yang berpengalaman di samping menawarkan penglibatan syarikat berkaitan kerajaan, GLC dan syarikat swasta terkemuka yang memenuhi syarat pemilikan Melayu dan mempunyai pengalaman luas dalam membangunkan hartanah sebagai pemegang saham sekiranya perlu.

Kalau kita hendak beli, selepas itu kita ada GLC dan sebagainya hendak terlibat, *we can sell our shares there* tetapi hanya sebagai pemilik tanah. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB) sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi dan syarikat kerajaan yang berpengalaman bagi membangunkan model terbaik dalam merangka plan pembangunan Kampung Baru.

Kerajaan akan memastikan struktur SPV yang dibentuk adalah berdaya maju dan dapat mencapai matlamat Kampung Baru sebagai pusat hartanah utama di Kuala Lumpur. Bagi mencapai matlamat tersebut plan konsep yang dirancang akan menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap serta menyeluruh bagi menampung keperluan masa hadapan di samping untuk memastikan elemen warisan Melayu Kampung Baru terpelihara.

Kerajaan juga akan memastikan bentuk pembangunan semula yang dilaksanakan nanti mampu dibeli oleh orang Melayu dengan penyediaan kediaman mampu milik dan komersial mampu milik yang mencukupi selain memastikan pembangunan tersebut berkualiti dan menarik

minat pembeli dari masyarakat Melayu. Pelaksanaan projek pembangunan Kampung Baru akan diuruskan oleh SPV yang dimiliki oleh kerajaan.

Oleh itu, kerajaan pasti akan memberi jaminan projek pembangunan ini boleh berjaya dan tidak akan merugikan kerajaan, pemilik tanah dan pemegang saham. Di samping itu, dengan adanya komponen pembangunan kediaman dan komersial di lokasi yang strategik, ini akan dapat menarik minat ramai pembeli dan seterusnya akan memberi pulangan yang terbaik kepada pemegang saham SPV. Seperti mana yang diketahui umum, faktor utama kejayaan projek hartanah adalah lokasi, lokasi dan lokasi.

■1140

Sambil itu corak pemilikan yang tidak terhad dari sudut tempoh masa pemilikan iaitu pegangan bebas akan juga menjadikannya satu projek hartanah yang berdaya maju. Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Ada perbezaan pandangan dari segi harga yang ditawarkan oleh kementerian yang diberitakan bahawa harga semasa lebih mahal daripada harga yang ditawarkan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan?

Dr. Yaakob bin Sapari: Harga.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak kerajaan, apabila kita ingin membeli sesuatu, kita kena berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan dan Penilaian Hartanah (JPPH).

Kita tidak boleh beli ikut suka kita. Maka, seharusnya kita beli dengan harga yang tidak melebihi penilaian yang telah dibuat oleh JPPH dan bila kita hendak jual, kita tidak boleh jual kurang daripada penilaian yang dibuat oleh JPPH. *That's our Standard Operating Procedure (SOP)*. Dalam kes hartanah Kampung Baru, penilaian yang telah dibuat menyatakan bahawa harga tanah adalah di antara 650 hingga 850 sekaki persegi ya hanya 650 hingga 850 sekaki persegi dan itu sebenarnya bergantung kepada lokasi dan kedudukan *property* ataupun lot itu sama ada lapis pertama, lapis kedua ataupun lapis ketiga.

Apa yang saya telah lakukan ialah saya telah tawarkan pada awalnya harga 850 secara pukol rata maknanya kerana kita menganggap ia satu pembangunan yang besar, keseluruhan tanah itu mempunyai nilai yang sama kerana persoalan lapis pertama, lapis kedua, lapis ketiga dan sebagainya sudah tidak timbul apabila kita bangunkannya. Maka, kita tawarkan harga yang tertinggi mengikut apa yang ditawarkan oleh JPPH. Akan tetapi, memandangkan bahawa masih ada yang mengatakan bahawa harga tanah itu adalah sebenarnya lebih tinggi maka apa yang

telah saya lakukan ialah saya telah menawarkan harga seribu sekaki persegi. Akan tetapi yang lebih daripada 850 itu Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan ia dalam bentuk saham.

Maknanya, kalau benar apa yang didakwa oleh pemilik hartanah itu maka mereka akan mendapat pulangan yang lebih tinggi dan mereka tidak akan dinafikan pulangan yang lebih tinggi itu kerana mereka mempunyai saham dalam SPV itu. So, itulah secara umumnya dakwaan bahawa tanah dekat KLCC adalah RM3,000 sekaki persegi memang benar tetapi ia RM3,000 sekaki persegi setelah kawasan itu telah dibangunkan. Ia tidak boleh dibandingkan kawasan yang telah dibangunkan dengan kawasan yang belum dibangunkan. Dahulu di kawasan KLCC sebelum ia dibangunkan sekalipun, harga hartanahnya hanya lebih kurang dalam 400 sekaki persegi mengikut maklumat yang ada pada saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk jawab lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

UCAPAN TAKZIAH

Kepada Ahli Keluarga Mendiang Y.B. Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam dan Mendiang Y.B. Senator Dato' Ong Chong Swen

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah kehilangan dua orang Ahli iaitu mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Sambathan A/L Manickam pada 15 Oktober 2019, dan mendiang Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen pada 18 November 2019. Dewan ini dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih mengucapkan takziah kepada ahli keluarga kedua-duanya di atas pemergian mereka.

Segala jasa dan khidmat yang telah dicurahkan oleh mereka akan sentiasa dikenang oleh Dewan ini. Semoga keluarga kedua-dua mendiang Ahli Yang Berhormat tabah dalam menghadapi ujian ini.

Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun dan berdoa dan bertafakur selama satu minit.

[Ahli-ahli bangun bertafakur]

PENERANGAN DARIPADA Y.B. MENTERI PERTAHANAN
DI BAWAH P.M 13(1)(i)

PEMBENTANGAN KERTAS PUTIH PERTAHANAN

11.45 pg.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong ayat al-Quran] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang dan kesempatan untuk saya membentangkan Kertas Putih Pertahanan seperti yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dasar berkaitan pertahanan telah dibangunkan dan menjalani proses kajian semula pada tahun 1971, 1979, 1981, 1986, 1993, dan 2006. Dalam mendukung hasrat kerajaan untuk menyemai takbir urus yang baik melalui prinsip keterbukaan, ketelusan, inklusif dan progresif Kertas Putih Pertahanan (KPP) diterbitkan sebagai wadah baharu Dasar Pertahanan Negara bagi tempoh 2020 hingga 2030. Mengambil kira posisi sektor pertahanan dalam hierarki dan *whole of government*, dokumen utama yang menjadi rujukan kepada Kertas Putih Pertahanan ialah Dasar Pertahanan Negara yang merupakan dasar payung bagi keselamatan.

KPP juga telah di jajarkan seiring dengan dasar lain sedia ada seperti Kerangka Dasar Luar Malaysia yang baharu dan Wawasan Kemakmuran Bersama. Berdasarkan prinsip inklusif dan pertahanan dalam tanggungjawab bersama, KPP telah dibangunkan melalui hasil kerja sama dengan ahli akademik dan pemikir daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Institut Strategik dan Antarabangsa Malaysia (ISIS).

Proses libat urus yang holistik dan juga telah dilaksanakan melibatkan semua kementerian, ahli akademik dari universiti awam dan swasta, ahli badan pemikir, pemain industri pertahanan, para veteran dan organisasi masyarakat sivil serta mantan kedua-dua ketua-ketua setiausaha dan mantan panglima-panglima perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Sesi komentari dan soalan kaji selidik atas talian juga boleh dilaksanakan. Dalam mendapatkan pandangan rakan strategik antarabangsa, kementerian juga telah bertukar-tukar pandangan dengan negara yang telah melaksanakan Kertas Putih Pertahanan secara berkala iaitu Australia, Kanada, New Zealand, Jerman, *United Kingdom* dan Perancis.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tiga sesi taklimat kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah diadakan melalui penglibatan cabang eksekutif dan legislatif ATM, rakyat dan pihak berkepentingan lain. Kertas Putih Pertahanan telah memenuhi obligasi moral dalam membangunkan dan menyemai budaya strategik Malaysia baharu serta mempamerkan anjakan paradigma ke arah reformasi pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih Pertahanan merupakan satu dokumen mengenai hala tuju strategi dan perancangan pertahanan negara berbeza daripada dokumen dasar pertahanan negara yang berperingkat, KPP ialah dokumen terbuka yang boleh diakses oleh rakyat.

Tujuan KPP dibangunkan adalah bagi melibatkan rakyat dan pihak berkepentingan di dalam isu pertahanan negara.

■1150

KPP juga menjelaskan pengisytiharan strategik keselamatan yang sentiasa berubah dan bagaimana keadaan itu mempengaruhi keselamatan Malaysia. KPP menggariskan visi Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Visi ini dicapai dengan memosisikan negara sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan dan memaksimumkan potensi negara sebagai gerbang penjalin- *bridging linchpin* yang menghubungkan kedua-dua rantau Asia Pasifik dan Laut Hindi.

Kertas Putih Pertahanan memenuhi visi negara melalui tiga keberhasilan iaitu keesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan. Keesahan merujuk kepada kuasa kerajaan sebagai elemen utama dalam membina ketahanan dalaman yang membolehkan KPP diformulasikan berdasarkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan sebagaimana amalan demokrasi. Penerimaan adalah berkait dengan KPP dipersetujui dalam kalangan agensi kerajaan bersesuaian dengan kaedah *rule of government*. Kebolehpercayaan pula merujuk kepada perakuan dan keyakinan bahawa ATM berupaya dan sentiasa siap siaga untuk melindungi kepentingan negara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, tiga cabaran telah dikenal pasti membentuk perspektif strategik Malaysia untuk tempoh 10 tahun akan datang iaitu ketidaktentuan hubungan kuasa besar, kejiranan Asia Tenggara yang kompleks dan ancaman keselamatan bukan tradisional. Ketidaktentuan hubungan kuasa besar merujuk kepada interaksi antara Amerika Syarikat dengan China serta hubungan mereka dengan kuasa-kuasa lain. Hubungan dua hala ini yang diselangi dengan kerjasama dan persaingan memberi implikasi terhadap kestabilan, keselamatan dan kemakmuran serantau yang seterusnya mempengaruhi dasar dan tindakan negara-negara lain.

Sementara kuasa besar mempengaruhi Malaysia dengan kuasanya, kejiranan Asia Tenggara pula dipengaruhi Malaysia dengan jaraknya disebabkan geografi, keselamatan dan kepentingan negara terkesan dengan tindakan dasar dan limpahan pembangunan negara jiran. Selain daripada pertikaian wilayah, kepentingan Malaysia di rantau turut dipengaruhi oleh beberapa isu dua hala yang lain seperti tuntutan bertindih, kesan limpahan konflik dalaman negara jiran dan krisis pelarian yang tercetus akibat isu domestik negara serantau.

Malaysia juga menghadapi ancaman bukan tradisional merentasi sempadan yang melibatkan pelaku negara dan bukan negara. Ancaman keganasan dan ekstremisme terhadap keselamatan negara semakin meningkat. Ruang siber juga merupakan domain baharu keselamatan dan geopolitik negara yang berpotensi untuk mengganggu keselamatan negara tanpa perlu menggunakan tindakan kinetik.

Pelanun dan rompak laut di zon maritim Malaysia merupakan satu ancaman keselamatan kepada pengguna laluan perairan. Ancaman-ancaman bukan tradisi lain yang saling berkait adalah seperti penculikan, kegiatan perikanan haram, penyeludupan dadah, perdagangan manusia, penyeludupan pendatang dan pelbagai aktiviti-aktiviti haram lain telah mendatangkan cabaran kepada Malaysia.

Penghasilan senjata pemusnah besar-besaran juga merupakan ancaman keselamatan yang membimbangkan. Negara turut terdedah kepada bahaya alam semula jadi dan alam sekitar. Bencana alam berkaitan dengan iklim dan kejadian cuaca yang melampau semakin meningkat, mengancam keselamatan, kesihatan dan pembangunan Malaysia. Berdasarkan penilaian ke atas landskap keselamatan serantau dan global, Malaysia perlu mempertahankan kepentingannya menerusi penerokaan strategik jangka panjang yang proaktif. Malaysia akan mewujudkan ekosistem strategik yang seimbang dengan peningkatan kerjasama lebih luas dan mencipta opsyen dasar yang lebih banyak dengan memainkan peranan sebagai gerbang penjalin di antara rantau Asia Pasifik dan Laut Hindi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyelaraskan postur pertahanan negara sejajar dengan Dasar Keselamatan Negara dan Dasar Luar Negeri, kerangka pertahanan negara telah dibangunkan. Kerangka ini menerangkan visi kepentingan dan objektif pertahanan negara. Visi yang dikenal pasti adalah Malaysia sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur. Kepentingan pertahanan negara yang pertama meliputi keselamatan iaitu mempertahankan kawasan daratan zon maritim Malaysia, laluan strategik laut dan udara serta laluan komunikasi kritikal. Kepentingan pertahanan secara kedua-dua adalah kedaulatan melalui pengekalan kemerdekaan negara dan menyekat campur tangan pihak asing.

Manakala kepentingan pertahanan ketiga merujuk kepada kemakmuran iaitu melindungi kepentingan ekonomi negara, kesejahteraan rakyat, peluang pembangunan dan kemajuan termasuk kepentingan di luar negara sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama. Strategi pertahanan negara adalah di sandar kepada kedudukan geografi Malaysia mengambil kira kedudukan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Bagi menggapai visi dan melindungi kepentingan negara yang telah diterangkan, lima objektif pertahanan negara telah dikenal pasti. Objektif ini adalah terangkum dan meliputi kesemua aspek pertahanan dan pengurusan sumber iaitu:

- (i) membangunkan pelbagai domain bagi mengesan, mencegah dan menafikan sebarang bentuk ancaman;
- (ii) meningkatkan daya ketahanan dalaman dengan melaksanakan pendekatan keseluruhan kerajaan dan keseluruhan masyarakat;
- (iii) mengukuhkan kapasiti pertahanan melalui perkongsian berwibawa dengan rakan antarabangsa;
- (iv) memajukan industri pertahanan sebagai pemangkin ekonomi; dan
- (v) memastikan tadbir urus terbaik dan menjayakan reformasi organisasi.

Bagi menjamin keselamatan Malaysia, terdapat tiga kawasan lapisan bersepadu yang perlu dipertahankan pada setiap masa iaitu kawasan teras iaitu kawasan daratan di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak, persisiran perairan serta ruang udara di atasnya.

Kedua, kawasan lanjutan iaitu kawasan hak berdaulat yang merangkumi zon maritim Malaysia, laluan perairan strategik, ruang udara di atasnya dan laluan hubungan komunikasi kritikal.

Ketiga, kawasan hadapan iaitu lokasi melangkaui kawasan lanjutan di mana kepentingan negara boleh digugat.

Tiga tonggak strategi bagi mempertahankan kawasan lapisan bersepadu telah dikenal pasti iaitu cegah rintang bersepadu, pertahanan komprehensif dan perkongsian berwibawa. Tiga tonggak ini saling berkait dan menyokong antara satu sama lain. Cegah rintang bersepadu melibatkan peranan Angkatan Tentera Malaysia, melindungi kepentingan negara daripada ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional.

Pertahanan komprehensif pula menekankan kepentingan seluruh kerajaan dan masyarakat melibatkan dalam usaha mempertahankan negara selaras dengan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH). Menerusi perkongsian berwibawa, Malaysia akan

meningkatkan kerjasama pertahanan secara dua hala atau pelbagai hala dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perisai negara iaitu *nation shield*, KPP menggariskan dua peranan ATM iaitu peranan utama dalam melindungi kepentingan negara, mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah daripada semua ancaman menerusi pelaksanaan operasi maritim, udara, darat dan siber elektro magnetik dan peranan sekunder iaitu melaksanakan operasi-operasi ketenteraan selain peperangan iaitu *military operations other than war* (MOOTW). Membantu pihak berkuasa awam dalam menguatkuasakan serta sokongan usaha keamanan sejagat melalui panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Melalui tunggak strategik cegah rintang bersepadu, kerajaan beriltizam untuk membangunkan ATM agar menjadi angkatan yang bersepadu, tangkas dan berfokus yang mempunyai lima ciri utama iaitu kebersamaan, kebolehoperasian berasaskan teknologi, keupayaan untuk beroperasi serentak dalam dua wilayah dan berorientasikan misi iaitu akan membentuk angkatan yang berupaya dan mampu beroperasi di empat domain utama iaitu maritim, udara, darat dan siber elektro magnetik.

■1200

Sejajar dengan panduan daripada kerangka Dasar Luar Malaysia yang baharu, Kertas Putih Pertahanan menzahirkan penekanan untuk menolak penggunaan tindakan kekerasan dalam menyelesaikan sebarang pertikaian atau konflik.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara adalah demi rakyat. Untuk itu ia memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat. Selaras dengan penekanan terhadap perkongsian tanggungjawab pertahanan, peranan rakyat dan warga kerja Pertahanan dalam mempertahankan negara seterusnya diilustrasi melalui tonggak Strategi Pertahanan Komprehensif. Dalam menghargai profesionalisme, pengalaman dan usaha pengekalan anggota ATM, kerajaan juga akan memastikan elaun, intensif dan kemudahan lain seperti kesihatan dan perumahan sentiasa dikaji semula. Menteri Kewangan dengar ya [*Ketawa*]

Melalui angkatan sukarela dan simpanan angkatan tetap, Kertas Putih Pertahanan turut menzahirkan aspirasi untuk membentuk angkatan yang anjal sebagai penguat dan penambah besar angkatan tetap. Selain menjadi platform bagi memupuk semangat patriotisme, kehadiran angkatan sukarela dalam masyarakat dapat menyemaikan nilai-nilai murni ATM dalam jiwa rakyat sekali gus menggalakkan hubungan awam-tentera yang lebih erat. Kerajaan mengiktiraf khidmat bakti veteran ATM dalam mempertaruhkan nyawa untuk menjaga keselamatan negara. Sehubungan dengan itu, kerajaan akan terus menjaga kebajikan veteran sebagai tanda penghargaan atas pengorbanan ikhlas mereka.

Kerajaan bertekad untuk menyemai budaya keselamatan dalam kalangan rakyat kerana jatuh bangun sesebuah negara bergantung penuh kepada kesatuan, ketahanan dan keampuhan rakyat dalam mendepani segala ancaman masa kini dan mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memacu perkongsian berwibawa menerusi kerjasama pertahanan dua hala atau pelbagai hala dengan negara lain. Matlamat hubungan pertahanan antarabangsa antara lain adalah untuk memperkukuhkan kestabilan serantau selari dengan undang-undang antarabangsa, konvensi, peraturan dan norma, meningkatkan keupayaan ATM dan kesiapsiagaan pertahanan serta mengetengahkan pendirian dan kepentingan Malaysia di antarabangsa. Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada ASEAN dan mekanisme yang diterajui oleh ASEAN. Malaysia mengesahkan komitmen untuk meningkatkan penglibatan di peringkat global menerusi kerjasama pertahanan serantau dan menonjolkan kepimpinan Malaysia dalam isu keselamatan selari dengan prinsip *Rahmatan lil alamin* dan *maqasid syariah*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Kertas Putih Pertahanan tiga blok binaan telah dikenal pasti yang mana bertujuan untuk mencapai reformasi pertahanan, menginstitusikan tadbir urus terbaik dan memperoleh peruntukan kewangan yang stabil. Dengar ya. Mekanisme pemantauan bakal diwujudkan bagi melihat pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan.

Untuk memaksimumkan kesahan, penerimaan dan kebolehpercayaan KPP, kesemua perancangan akan didokumenkan untuk pelaksanaan dan pemantauan Kertas Putih Pertahanan. Membuktikan peri pentingnya komitmen Kerajaan Malaysia demi mengekalkan Malaysia sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur- *secure, sovereign and prosperous nation*.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

Bacaan Kali Yang Kedua

12.04 tgh.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang.

Salam sejahtera, salam Harapan dan salam Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Senat. Saya bersyukur kerana mempunyai peluang untuk membentangkan Belanjawan 2020 yang merupakan belanjawan kedua Kerajaan Pakatan Harapan kepada sidang Dewan yang mulia ini. Belanjawan Pakatan Harapan pertama yang dibentangkan pada tahun 2018 menumpukan kepada konsolidasi dan rasionalisasi fiskal, reformasi institusi dan dasar berjiwa rakyat bagi memperbetulkan penyelewengan kewangan dan salah guna kuasa yang berleluasa di bawah pentadbiran terdahulu.

Belanjawan 2020 dirangka bertemakan Memaju Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama. Kerajaan komited untuk menstabilkan semula kedudukan kewangan kerajaan dan meneruskan matlamat Wawasan 2020 dengan trajektori pertumbuhan baharu berasaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini ekonomi dunia berada dalam situasi tidak menentu diakibatkan oleh perang dagang antara Amerika Syarikat dan negara lain terutamanya Republik Rakyat China. Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) telah menurunkan unjuran pertumbuhan perdagangan barangan dunia bagi tahun 2019 daripada 2.6 peratus pada April 2019 kepada hanya 1.2 peratus pada Oktober 2019 iaitu kadar terendah sejak tahun 2009. Dalam iklim ekonomi sedemikian, sebagai sebuah negara perdagangan tidak dapat tidak ekonomi Malaysia akan terkesan. Walau bagaimanapun, melalui dasar ekonomi dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, ekonomi negara akan kekal berdaya tahan.

Kerajaan juga telah berjaya mengawal inflasi pada 0.2 peratus dalam separuh pertama 2019 berbanding satu peratus pada 2018 dan 3.7 peratus pada 2017 dengan menghapuskan GST dan diganti dengan sistem SST. Kadar inflasi telah berkurang kepada tahap terendah sejak tahun 2007. Sebagai menghormati mandat yang diberikan oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum tahun lalu, kerajaan tidak berhasrat melaksanakan semula GST.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia kita berkongsi tanggungjawab untuk membangunkan semula negara. Bagi maksud itu sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan. Selain sesi konsultasi belanjawan yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan, sebanyak 12 sesi kumpulan fokus telah dianjurkan secara bersama dengan kementerian dan kerajaan negeri di seluruh negara yang disertai oleh 2,500 orang yang mewakili lebih 1,200 organisasi. Empat teras yang menunjangi Belanjawan 2020 adalah:

- (i) memacu pertumbuhan ekonomi dalam ekonomi baharu dan era digital;
- (ii) pelaburan ke atas rakyat meningkatkan keupayaan modal insan;
- (iii) mewujudkan masyarakat yang bersatu, inklusif dan saksama; dan

(iv) memulihkan institusi dan kewangan awam.

Untuk Teras Pertama Strategi 1, menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi pelaburan. Perang perdagangan yang berlarutan mewujudkan peluang yang unik untuk Malaysia kembali menjadi destinasi pilihan utama bagi FDI yang mempunyai nilai tambah tinggi. Peralihan pelaburan dalam rantaian bekalan dunia telah menyaksikan FDI yang diluluskan meningkat 47 peratus kepada RM80.1 bilion pada 2018 daripada RM54.4 bilion pada tahun 2017. Kerajaan akan menyediakan pakej galakan pelaburan istimewa atau dengan izin, *customized* bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun.

Ini merupakan sebahagian daripada langkah strategik untuk menarik syarikat *Fortune 500* dan *Global Unicorns* atau kalau boleh syarikat *Decacorns* dalam sektor berteknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu.

■1210

Bagi mentransformasikan perniagaan tempatan yang terunggul dan berpotensi untuk bersaing dalam pasaran eksport global, kerajaan juga akan menawarkan pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun kepada syarikat tempatan yang layak. Kerajaan juga akan memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan lagi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam industri *electrical* dan elektronik untuk beralih ke ekonomi digital berasaskan 5G dan industri 4.0.

Meningkatkan daya saing. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk terus menambahbaikkan persekitaran perniagaan di Malaysia. Salah satu pembaharuan utama yang akan dilaksanakan ialah memudahkan urusan menjalankan perniagaan- *ease of doing business*, dengan mengurangkan bilangan langkah yang diperlukan untuk mendaftarkan perniagaan di Malaysia.

Selain itu, kerajaan juga ingin mengukuhkan hubungan perdagangan dengan Thailand melalui pembangunan hab logistik di kawasan Zon Ekonomi Sempadan Khas Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam seluas 100 ekar. Sehubungan ini, kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta untuk menggalakkan projek kerjasama awam-swasta.

Strategi yang kedua ialah mempercepatkan ekonomi digital. Ke arah transformasi digital, kerajaan akan membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi membentuk Digital Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau *National Fibreisation and Connectivity Plan* (NFCP), sepanjang tempoh lima tahun yang akan datang dengan menyediakan liputan berkelajuan tinggi yang komprehensif dan jaringan digital yang berkualiti di seluruh negara. Pelan ini akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM21.6 bilion melalui kerjasama awam-swasta.

Membina aplikasi digital. Kandungan digital boleh menjana nilai ekonomi. Misalnya, pendapatan industri permainan video dunia melebihi USD150 bilion pada masa ini adalah lebih tinggi berbanding gabungan hasil industri muzik dan filem. Oleh itu, kerajaan akan memperuntukkan RM20 juta kepada MDEC untuk memupuk jaguh tempatan dalam menghasilkan kandungan digital.

Bagi membangunkan Digital Malaysia, lebih banyak PKS Malaysia perlu menerima pakai langkah pendigitalan untuk operasi syarikat termasuk sistem jualan elektronik atau ePos.

Perencanaan sumber daya perusahaan (ERP) dan sistem pembayaran gaji elektronik. Ke arah ini, kerajaan akan menyediakan Geran Padanan- *Matching Grant* berjumlah RM500 juta untuk tempoh selama lima tahun.

Bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran produk, kerajaan akan memperuntukkan RM550 juta bagi menyediakan Geran Padanan Automasi Pintar kepada 1,000 syarikat pembuatan dan 1,000 syarikat perkhidmatan untuk mengautomasikan proses perniagaan. Kerajaan juga akan bercadang untuk mewujudkan tiga perpustakaan digital baharu di Kedah, Perak dan Johor yang bertujuan menggalakkan perkongsian pengetahuan dan pendidikan melalui kandungan digital.

Membina masyarakat digital. Tuan Yang di-Pertua, transformasi Malaysia kepada ekonomi digital hanya boleh direalisasikan sekiranya rakyat mengamalkan budaya digital dan mengambil bahagian dalam urus niaga digital menjurus ke arah masyarakat tanpa tunai bagi mempercepatkan transformasi ke arah peningkatan penggunaan eDompot dalam masyarakat dan peniaga terutamanya perusahaan perniagaan kecil dan runcit untuk menerima bayaran digital. Kerajaan akan menyediakan sehingga RM450 juta untuk rangsangan digital secara *one-off* bernilai RM30 kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan tahunan kurang daripada RM100 ribu.

Strategi tiga- memperkuat akses kepada pembiayaan perniagaan. Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan akses kepada pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam segmen utama, kerajaan akan membuat penambahbaikan terhadap Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP) bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bumiputera, PKS yang berorientasikan eksport serta PKS yang melabur dalam automasi dan digital, jaminan kerajaan akan dinaikkan daripada 70 peratus kepada 80 peratus.

Sebagai tambahan, yuran jaminan turut dikurangkan kepada hanya 0.75 peratus dan Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP) juga menyediakan kemudahan jaminan baharu sebanyak RM500 juta untuk usahawan wanita.

Bagi terus menyokong usahawan baru, SME Bank akan memperkenalkan dana baharu untuk usahawan wanita sebanyak RM200 juta dan untuk perusahaan kecil dan sederhana Bumiputera sebanyak RM300 juta di mana kerajaan akan menyediakan subsidi kadar faedah bagi mengurangkan kos pinjaman.

Untuk menyokong pembangunan usahawan Bumiputera, geran sebanyak RM445 juta juga akan diberikan dari segi akses kepada pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawanan melalui agensi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), SME Corp, TEKUN, Pelaburan Hartanah Berhad dan TERAJU.

Mengembangkan kewangan Islam. Untuk tahun ini, Kementerian Kewangan telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan objektif utama untuk menggalakkan dan membangunkan ekosistem kewangan Islam ke arah meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kewangan Islam, jawatankuasa ini akan merangka *blueprint* ekonomi Islam dan menganjurkan inisiatif *outreach* bagi meningkatkan kefahaman mengenai kewangan Islam di seluruh negara.

Strategi empat, mengukuhkan kepelbagaian ekonomi. Demi mencapai kepelbagaian ekonomi- *economic diversity* untuk memperluaskan asas pertumbuhan, langkah spesifik akan dilaksanakan dalam bidang seperti ekonomi hijau, pertanian serta pelancongan. Kerajaan berhasrat untuk merangka dasar yang berkaitan untuk mencapai sasaran negara bagi menjana 20 peratus penggunaan tenaga daripada tenaga boleh baharu menjelang tahun 2025.

Untuk Belanjawan 2020, kerajaan akan melanjutkan galakan Elaun Cukai Pelaburan Hijau dan pengecualian cukai pendapatan bagi perkhidmatan teknologi hijau sehingga tahun 2023.

Memajukan komoditi. Kerajaan amat prihatin terhadap kesan harga komoditi yang rendah ke atas mata pencarian rakyat khususnya pekebun kecil. Kerajaan berhasrat untuk menyokong industri ini melalui inisiatif seperti dana pinjaman penanaman semula, promosi sawit di peringkat antarabangsa dan penggunaan *biodiesel* B20 untuk sektor pengangkutan.

Kerajaan memahami akan kesukaran yang disebabkan oleh harga getah rendah dan penurunan hasil pada musim tengkujuh. Oleh itu, kerajaan akan memperuntukkan RM200 juta untuk bantuan musim tengkujuh kepada pekebun kecil getah yang layak. Kerajaan juga akan menyediakan RM100 juta untuk insentif pengeluaran getah pada tahun 2020 bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga getah.

Di samping itu, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM810 juta khususnya untuk kebajikan masyarakat FELDA. Belanjawan 2020 juga akan menyediakan RM738 juta untuk RISDA dan FELCRA untuk melaksanakan pelbagai program penjanaan pendapatan.

Meningkatkan pendapatan petani. Kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani daripada RM4.4 bilion untuk tahun 2019 kepada RM4.9 bilion untuk tahun 2020 dengan memberi fokus khusus kepada meningkatkan pendapatan bagi pengusaha pertanian.

Elaun sara hidup nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak RM150 juta pada tahun 2020.

Dalam usaha membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

Bagi meningkatkan hasil padi, kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi tahun 2020 berbanding RM796 juta pada tahun 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Skim Insentif Pengeluaran Padi.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, Tahun Melawat Malaysia 2020 merupakan usaha utama untuk menjenamakan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan dengan sasaran 30 juta pelancong. Kerajaan akan meneruskan pemberian 50 peratus hasil cukai pelancongan kepada setiap kerajaan negeri untuk menyokong usaha mereka bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2020.

Bagi memenuhi hasrat Tahun Melawat Malaysia 2020, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian MOTAC atau Pelancongan, Seni dan Budaya di mana RM90 juta dikhaskan untuk meningkatkan kesedaran, promosi dan program sempena kempen ini. Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang baik tidak memadai untuk memastikan kemakmuran bersama dapat dikecapi. Kerajaan peka kepada cabaran berhubung pengangguran belia terutamanya graduan, jurang jantina dalam pekerjaan dan kebergantungan kepada buruh asing.

Menyedari cabaran-cabaran yang dihadapi, kerajaan akan melancarkan inisiatif #malaysiakerja. Secara ringkasnya #malaysiakerja dibahagikan kepada empat program iaitu:

- (i) #graduankerja;
- (ii) #wanitakerja;
- (iii) #watankerja; dan
- (iv) #perantis kerja.

Yang melibatkan insentif tunai kepada pekerja dan juga majikan. Inisiatif #malaysiakerja dijangkakan akan mewujudkan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 350 ribu untuk rakyat Malaysia dalam masa lima tahun.

Program ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada seramai 130 ribu orang pekerja asing. #malaysiakerja dijangka akan melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM6.5 bilion dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Bagi membantu ibu bapa yang bekerja, kerajaan akan meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi Taska terutamanya di hospital dan sekolah.

Sebagai tambahan bagi meringankan beban kewangan ibu bapa yang menghantar anak untuk pendidikan awal ke taska dan tadika berdaftar, lepasan cukai individu bagi yuran yang dibayar akan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Strategi enam memodenkan pasaran buruh. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan baharu, kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memodenkan pasaran buruh negara dengan menambah baik syarat-syarat pekerjaan untuk pekerja. Kerajaan akan meneliti semula Akta Kerja 1955 bagi memastikan akta tersebut kekal relevan dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa.

Oleh itu kajian semula Akta Kerja 1955 meliputi meningkatkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari, memanjangkan kelayakan bayaran lebih masa kepada golongan yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan dan memantapkan peruntukan berkaitan dengan larangan diskriminasi dalam pekerjaan. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk menambah baik kehidupan rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Bagi bulan Januari 2019, kerajaan telah meningkatkan gaji minimum kepada RM1,100 sebulan. Justeru bagi mengimbangi keperluan pekerja dan majikan dengan mengambil kira kenaikan kos sara hidup di bandar-bandar utama, kerajaan mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan pada kadar RM1,200 sebulan hanya di wilayah bandar-bandar utama berkuat kuasa pada tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan persekitaran kerja yang sering berubah, mekanisme perlindungan sosial pekerja juga harus ditambahbaik. Dalam konteks ini, KWSP akan memperluaskan perlindungan kepada pekerja kontrak di bawah kontrak untuk perkhidmatan dan profesional.

Skim Keselamatan Sosial Pekerja sendiri oleh PERKESO juga akan diperluaskan bagi membolehkan caruman oleh 18 kumpulan yang bekerja sendiri. Tuan Yang di-Pertua kerajaan komited untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan terus menjadi penerima peruntukan terbesar sebanyak RM60.2 bilion pada tahun 2019 dinaikkan kepada RM64.1 bilion pada tahun 2020. Bagi memastikan sekolah-sekolah sedia ada menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk anak-anak kita, kerajaan akan menambah peruntukan penyelenggaraan dan

menaik taraf sekolah daripada RM652 juta seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 kepada RM735 juta pada tahun 2020.

Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada membaik pulih sekolah daif dengan peruntukan sebanyak RM783 juta pada tahun 2020 terutamanya di Sabah dan Sarawak. Salah satu bidang fokus utama Dasar Pembangunan Modal Insan adalah dengan mengurus perdana program pendidikan teknikal dan latihan vokasional atau TVET.

Justeru, kerajaan akan meningkatkan peruntukan daripada RM5.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM5.9 bilion pada tahun 2020 bagi program TVET. Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap peluang pembelajaran di bawah MARA dan Yayasan Peneraju. Justeru pada tahun 2020, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM1.3 bilion bagi institusi pendidikan di bawah MARA dan sebanyak RM2 bilion bagi membiayai pinjaman untuk 50 ribu pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, kesaksamaan ekonomi antara kaum, agama, geografi dan latar belakang merupakan tonggak sebuah negara yang bersatu. Untuk itu kerajaan berusaha membela dan memperkasakan semua secara inklusif dan bukannya satu kelompok sahaja. Meskipun terdapat penambahbaikan dalam jurang pendapatan di Malaysia, kerajaan akan terus meningkatkan usaha untuk merapatkan jurang pendapatan rakyat terutamanya di antara bandar dan luar bandar. Kerajaan akan meningkatkan peruntukan bagi pembangunan luar bandar daripada RM9.7 bilion dalam tahun 2019 kepada RM10.9 bilion dalam tahun 2020. Bagi merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar, tumpuan akan diberikan kepada memperluaskan liputan infrastruktur asas bagi kawasan luar bandar terutamanya untuk Sabah dan Sarawak.

Untuk tahun 2020 RM587 juta akan diperuntukkan untuk projek bekalan air luar bandar. RM500 juta untuk projek bekalan elektrik luar bandar dan RM1 bilion untuk jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa. Di samping itu pada tahun 2018, Sabah dan Sarawak merupakan penerima tertinggi pemberian kerajaan persekutuan masing-masing sebanyak RM1.14 bilion dan RM1.3 bilion. Bagi tahun 2020, Sabah dan Sarawak kekal sebagai negeri yang menerima perbelanjaan pembangunan tertinggi dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM5.2 bilion dan RM4.4 bilion. Peruntukan tersebut membuktikan bahawa kerajaan Pakatan Harapan mengutamakan keperluan Sabah dan Sarawak. Atas semangat yang sama, kerajaan persekutuan berhasrat untuk meningkatkan geran kewangan dan pemberian khas kepada Sabah dan Sarawak seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Subsidi. Peruntukan untuk subsidi dan bantuan sosial akan dinaikkan daripada RM22.3 bilion untuk tahun 2019 kepada RM24.2 bilion termasuk bantuan kebajikan seperti bantuan sara

hidup dan subsidi yang berkaitan dengan pertanian, bahan api dan kadar faedah. Pada tahun 2019, Skim Bantuan Sara Hidup (BSH) telah memberikan manfaat kepada 3.9 juta isi rumah.

Mulai tahun depan, kerajaan akan memperuntukkan RM5 bilion untuk BSH dan memperluaskan skim ini meliputi 1.1 juta individu bujang yang berumur melebihi 40 tahun yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan.

Sebagai tambahan, OKU berumur 18 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan juga layak menerima bayaran BSH. Individu bujang berumur 40 tahun ke atas dan OKU dan layak menerima sebanyak RM300 dan secara automatik menjadi penerima Skim Takaful MySalam secara percuma.

Bagi terus memupuk budaya menderma di kalangan rakyat Malaysia, potongan cukai ke atas sumbangan tunai kepada aktiviti kebajikan, sukan, serta projek berkepentingan nasional dinaikkan daripada tujuh peratus daripada pendapatan agregat bagi pembayar cukai selain syarikat kepada 10 peratus. Peruntukan cukai juga diperluaskan kepada sumbangan wakaf tunai kepada pihak berkuasa negeri dan universiti awam.

■1230

Dalam Belanjawan 2019, sebanyak RM7.6 bilion telah diperuntukkan untuk membantu institusi dan usahawan bumiputera. Jumlah ini ditambah kepada RM8 bilion dalam Belanjawan 2020 seperti berikut:

- (i) RM6.6 bilion diperuntukkan kepada institusi bumiputera yang fokus dalam pendidikan seperti MARA, UiTM dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera;
- (ii) RM1 bilion bagi membantu pembiayaan PKS Bumiputera melalui SJPP dan SME Bank; dan
- (iii) RM445 juta juga diperuntukkan untuk program keusahawanan di bawah Tekun Nasional, SMECorp., PUNB, PHB dan TERAJU.

Syiar Islam. Kerajaan akan terus menegakkan kedudukan Agama Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, dalam Belanjawan 2020, peruntukan bagi hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri akan ditingkatkan kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.2 bilion pada tahun ini. Kerajaan juga akan menaikkan elaun guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) sebanyak RM100 sebulan kepada 33,200 guru KAFA sedia ada. Sebagai penghargaan terhadap peranan mereka dalam masyarakat, kerajaan mencadangkan bantuan khas secara *one-off* sebanyak RM500 kepada setiap imam, bilal, tok siak, noja, merbot dan juga guru takmir.

Ke arah perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Kerajaan tetap komited bagi memastikan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk semua selaras dengan aspirasi masyarakat yang inklusif. Pada tahun 2020, sejumlah RM30.6 bilion berbanding RM28.7 bilion di bawah Belanjawan 2019 akan diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan.

Bagi memenuhi salah satu janji manifesto Pakatan Harapan, peruntukan permulaan sebanyak RM60 juta akan disediakan untuk menyediakan vaksin *pneumococcal* kepada semua kanak-kanak. MySalam merupakan skim perlindungan kesihatan takaful percuma yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk 4.3 juta individu sekiranya menghadapi penyakit kritikal atau dimasukkan ke hospital. Mulai 1 Januari 2020, perlindungan MySalam akan ditambah baik dengan merangkumi sehingga 45 penyakit kritikal diperluaskan kepada individu yang berumur sehingga 65 tahun dan juga kepada individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu.

Bagi membantu pasangan mendapatkan rawatan kesuburan, KWSP akan memperkenalkan kategori pengeluaran baharu kepada pasangan yang menjalani rawatan kesuburan seperti *in vitro fertilization*. Selain itu, pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 yang diberikan ke atas perbelanjaan rawatan perubatan akan diperluaskan untuk merangkumi kos rawatan kesuburan.

Meningkatkan ekosistem pengangkutan. Pada Januari 2019, kerajaan telah memperkenalkan pas bulanan tanpa had My50 dan My100 untuk semua perkhidmatan rel dan bas RapidKL. Kerajaan juga telah melancarkan Pas Mutiara di Pulau Pinang yang menyediakan perjalanan tanpa had selama sebulan dengan harga RM50 bagi perkhidmatan *Rapid Bus* dan *Rapid Ferry*. Ia amat popular di kalangan rakyat.

Bagi menunjukkan komitmen kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam serta mewujudkan bandar bersih dan hijau, kerajaan berhasrat menyediakan sehingga 500 bas elektrik pelbagai saiz dengan kos RM450 juta untuk pengangkutan awam di bandar-bandar terpilih seluruh negara.

Tambak Johor. Saban hari lebih 300,00 rakyat Malaysia berulang-alik ke Singapura. Bagi mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan LinkKedua, kerajaan akan melabur sebanyak RM85 juta bermula tahun 2020 untuk melancarkan aliran trafik kenderaan, khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin.

Program Subsidi Petroleum Bersasar merupakan sebahagian daripada janji Pakatan Harapan. Setiap rakyat yang memiliki tidak melebihi dua kereta dan dua motosikal yang layak akan berhak menerima Program Subsidi Petroleum Bersasar untuk satu kenderaan sahaja. Apabila skim subsidi bahan api ini dilaksanakan, harga runcit RON95 dan diesel akan diapungkan

secara beransur-ansur. Ini akan mengurangkan ketirisan dan penyeludupan bahan api bersubsidi rentas sempadan yang menyebabkan kerugian jutaan ringgit di pihak kerajaan.

Skim Rumah Mampu Milik. Bagi membantu mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pembiayaan pembelian rumah, kerajaan akan mengadakan usaha sama dengan institusi kewangan untuk memperkenalkan Skim Pembiayaan Sewa Untuk Memiliki- *Rent to Own*, dengan izin.

Melalui skim ini, pembiayaan sebanyak RM10 bilion akan disediakan oleh institusi kewangan dengan sokongan kerajaan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion. Sebagai respons kepada pandangan rakyat terhadap cukai keuntungan harta tanah, kerajaan akan menambah baik layanan cukai tersebut dengan menetapkan nilai pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan harta tanah bagi harta tanah yang diperoleh sebelum 1 Januari 2013 berbanding 1 Januari 2000 yang ditetapkan sebelum ini.

Kerajaan mengambil berat mengenai keadaan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana yang tidak diselenggarakan dengan baik. Pada tahun 2020, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk membaik pulih perumahan tersebut bagi memastikan perkhidmatan lif, pendawaian elektrik, paip pembetulan dan bumbung adalah selamat dan berada dalam keadaan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sukan boleh menyatupadukan rakyat. Oleh itu, kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk sukan seperti berikut:

- (i) RM299 juta untuk pelaksanaan Program Sukan Untuk Semua termasuk memulihkan dan menaik taraf kemudahan sukan; dan
- (ii) RM179 juta akan diperuntukkan untuk persiapan kejohanan antarabangsa seperti Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Sukan SEA Hanoi 2021 serta pembangunan atlet paralimpik.

Mempromosikan kelestarian alam sekitar. Bagi mengurangkan kejadian banjir kilat, kerajaan akan memperuntukkan RM443.9 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir dan RM150 juta untuk menyelenggarakan pengurusan kolam takungan banjir sedia ada. Bagi memulihara keaslian hutan dan biodiversiti semula jadi Malaysia, kerajaan akan memperuntukkan RM48 juta bagi tujuan tersebut di mana RM10 juta akan dikhususkan kepada sektor swasta melalui geran padanan. Usaha ini termasuklah menyokong inisiatif *Central Forest Spine* dan *Heart of Borneo* selain memulihara hutan terosot.

Pertahanan dan keselamatan awam. Bagi memastikan keselamatan negara terpelihara, peruntukan kepada Kementerian Dalam Negeri akan diperkukuhkan daripada RM15.6 bilion untuk tahun 2019 kepada RM16.9 bilion untuk tahun 2020. Bagi mempertahankan kedaulatan

negara, kerajaan akan meningkatkan peruntukan Kementerian Pertahanan daripada RM13.9 bilion dalam tahun 2019 kepada RM15.6 bilion untuk tahun 2020. Fokus utama akan bertumpu bagi menambah baik kesiapsiagaan pertahanan termasuk meningkatkan mobiliti Angkatan Tentera Malaysia.

Teras keempat, memulihkan institusi dan kewangan kerajaan. Kerajaan tetap komited untuk membayar semua obligasi pinjaman yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu. Bagi 1MDB dan *SRC International*, sejumlah RM2.4 bilion perlu disediakan oleh kerajaan untuk melunaskan bayaran khidmat hutang bagi tahun 2019 dan RM2.7 bilion untuk tahun 2020. Dalam hal ini, kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada rakyat Malaysia yang seikhlas hati telah menyumbang sebanyak RM203 juta kepada Tabung Harapan Malaysia. Sumbangan ini digunakan untuk membiayai sebahagian bayaran balik pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun mewarisi bebanan hutang dan liabiliti melebihi RM1.1 trilion, namun, kerajaan tetap komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat. Pada tahun 2018, kerajaan telah mencatatkan defisit fiskal sebanyak 3.7 peratus dan berada di landasan yang betul bagi mencapai sasaran defisit 3.4 peratus pada tahun 2019.

■1240

Semasa pembentangan belanjawan tahun lalu, kerajaan telah mengumumkan sasaran defisit tiga peratus untuk tahun 2020. Walau bagaimanapun, berikutan peningkatan risiko kelembapan ekonomi dunia dan perbelanjaan luar jangka untuk menyelamatkan institusi bermasalah yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu memerlukan langkah tindakan fiskal awal. Demi memastikan ekonomi terus tumbuh, kerajaan kini menyasarkan defisit sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2020. Kerajaan menjangkakan defisit fiskal akan menguncup secara purata kepada 2.8 peratus KDNK dalam jangka masa sederhana.

Belanjawan 2020 akan memperuntukkan sejumlah RM297 bilion, tidak termasuk simpanan luar jangka RM2 bilion. Ini merupakan peningkatan RM19.5 bilion berbanding RM277.5 bilion pada tahun 2019 tanpa mengambil kira peruntukan secara *one-off* bagi bayaran balik GST dan cukai pendapatan tertunggak. Belanjawan ini merangkumi RM241 bilion yang diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus manakala bakinya RM56 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kerajaan dijangka mencecah RM244.5 bilion pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM11.2 bilion berbanding tahun 2019, tanpa mengambil kira dividen khas Petronas sebanyak RM30 bilion. Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan perusahaan kecil dan sederhana sebanyak satu peratus kepada 17 peratus pada tahun 2019.

Bagi terus menyokong pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana, had pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar 17 peratus akan dinaikkan daripada RM500 ribu kepada RM600 ribu, tertakluk kepada PKS dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta.

Sehingga akhir September 2019, kerajaan telah berjaya memulangkan bayaran balik GST sebanyak RM15.9 bilion kepada lebih 78 ribu syarikat dan bayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM13.6 bilion kepada 448,000 syarikat serta 184,000 individu pembayar cukai. Kerajaan Pakatan Harapan telah menepati janji untuk mengembalikan wang kepada rakyat, sebahagian besar RM37 bilion yang tidak dipulangkan sejak lima tahun lalu oleh kerajaan terdahulu.

Merasionalisasikan perbelanjaan kerajaan. Sudah menjadi lumrah pentadbiran terdahulu menumpukan pembinaan bangunan baharu tanpa menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk penyelenggaraan bangunan sedia ada. Ini menyebabkan bangunan sedia ada uzur dan usang. Kerajaan sekarang akan memberikan perhatian kepada falsafah memperbaiki, mengganti dan memulihkan (3M) atau dalam bahasa Inggeris- *repair, replace and restore* (3R). Justeru, peruntukan perbelanjaan mengurus untuk membaiki dan menyelenggarakan aset awam sedia ada akan ditingkatkan kepada RM10.5 bilion pada tahun 2020 berbanding dengan hanya RM6.3 bilion pada tahun 2019.

Dasar perolehan tempatan. Kempen Beli Barangan Malaysia akan dipertingkatkan bagi menyokong industri peranti perubatan tempatan. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif bagi menggalakkan pengeluar tempatan untuk menaik taraf peralatan yang digunakan di klinik dan hospital kerajaan berdasarkan kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah peruntukan.

Kerajaan sedang menambahkan peluang kepada lebih ramai kontraktor bumiputera untuk menyertai perolehan kerajaan. Lantaran itu, kerajaan telah membuka semula pendaftaran bagi kontraktor bumiputera gred 1 (G1) mulai 1 September 2019.

Tuan Yang di-Pertua, memperkukuh institusi tadbir urus dan integriti. Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional pada 29 Januari 2019. Sehingga kini 115 inisiatif telah diperkenalkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 peratus telah berjaya dilaksanakan manakala 78 peratus dalam pelaksanaan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah pengisytiharan harta oleh Menteri dan Timbalan Menteri serta Ahli Parlimen.

Kerajaan komited untuk meningkatkan tahap tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan prinsip cekap, *accountable* dan telus (CAT). Kerajaan akan menambah 100 orang

kakitangan SPRM pada tahun 2020. Selain itu, kerajaan akan mengukuhkan Unit Integriti di semua kementerian dan agensi.

Meningkatkan perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam merupakan tonggak pentadbiran kerajaan dalam mendukung kemajuan negara. Penjawat awam yang kini berjumlah 1.6 juta orang telah mendedikasikan kerjaya mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Justeru, bagi menghargai sumbangan dan khidmat bakti penjawat awam, kerajaan akan menambah baik saraan penjawat awam antaranya dengan menaikkan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) sebanyak RM50 sebulan bagi kumpulan pelaksana dengan peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta setahun.

Kerajaan juga menghargai pengorbanan dan keperwiraan anggota tentera, khususnya pemegang Pingat Jasa Malaysia. Oleh itu bayaran secara *one-off* sebanyak RM500 akan diberikan kepada hampir 70 ribu pemegang Pingat Jasa Malaysia yang melibatkan peruntukan sebanyak RM35 juta.

Selaras dengan falsafah 3R, kerajaan akan memperuntukkan RM330 juta kepada Bahagian Pengurusan Hartanah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membaiki dan menyelenggarakan kuarters penjawat awam. Sebagai tambahan, RM150 juta untuk rumah keluarga angkatan tentera dan RM250 juta untuk kuarters PDRM juga akan diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Kerajaan juga ingin merakamkan penghargaan kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, doktor, jururawat, guru dan semua penjawat awam atas bakti perkhidmatan mereka. Kerajaan ingin mengumumkan bantuan khas kewangan sebanyak RM500 untuk kakitangan awam gred 56 dan ke bawah. Bagi pesara kerajaan, bantuan khas kewangan RM250 akan diberikan. Ia juga turut dipanjangkan kepada veteran tidak berpencen. Kedua-dua bantuan ini akan dibayar sebelum akhir tahun 2019 dan bukan tahun depan seperti yang diamalkan oleh kerajaan terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Belanjawan 2020 yang dibentangkan merupakan belanjawan yang berorientasikan pertumbuhan dengan langkah-langkah terancang yang dirangka bagi mengoptimumkan impak ke atas pertumbuhan ekonomi, penjanaaan peluang pekerjaan dan perubahan struktur tanpa menjejaskan komitmen kerajaan untuk memulihkan kadar fiskal dalam jangka sederhana.

Belanjawan 2020 memperkenalkan langkah rangsangan bernilai RM50.3 bilion untuk tempoh lima tahun di mana RM21.6 bilion diperuntukkan untuk Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau *National Fiberisation and Connectivity Plan* bagi memacu transformasi digital negara dan sebanyak RM28.7 bilion dalam bentuk insentif, geran, pinjaman

dan jaminan untuk tempoh lima tahun ke arah menjana pertumbuhan ekonomi, pelaburan sektor swasta dan peluang pekerjaan untuk rakyat.

Dengan itu Belanjawan 2020 akan mengembalikan Malaysia ke landasan kejayaan dengan membangunkan semula ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan untuk semua, dengan izin, Belanjawan Malaysia 2020 *will get Malaysia back to business and Malaysian back to work*.

■1250

Ekoran daripada langkah-langkah belanjawan, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan KDNK di unjur berkembang sebanyak 4.7 peratus pada tahun ini dan meningkat kepada 4.8 peratus pada tahun 2020. Manakala kadar inflasi dijangka terus terkawal pada dua peratus bagi tahun 2020. Sekiranya persekitaran luar kekal tidak memberangsangkan, kerajaan bersedia menimbang untuk mengambil langkah-langkah kontingensi yang diperlukan bagi menyokong atau memangkinkan semula pertumbuhan ekonomi negara.

Wawasan Kemakmuran Bersama meneruskan kesinambungan Wawasan 2020 yang disulami dengan idea, idealisme, inovasi, pembaharuan, institusi dan integriti untuk membentuk Malaysia baharu. Malaysia baharu adalah milik semua tanpa mengira umur, kaum, agama, latar belakang atau geografi dari Perlis ke Sabah. Marilah kita bersatu dan berganding bahu meningkatkan usaha agar hasil dapat di kecapi bersama dengan sikap penyayang dan saling hormat-menghormati. Harapan inilah amanah kita, bersama-samalah kita kukuhkan perpaduan dan integrasi nasional demi membina kehidupan yang lebih baik dan masa depan yang lebih cerah untuk anak-anak kita.

Marilah kita selesaikan masalah ini secara bersama kerana hanya bila kita bersama, barulah Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang dihormati dan menjadi kebanggaan di seluruh dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Minta seorang Menteri menyokong.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibahaskan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli Yang Berhormat dalam *list*-senarai saya ini ada enam orang tokoh-tokoh Ahli Dewan Negara hendak berucap. Jika ada lagi tambahan, kalau sudi sila bagi saya nama Ahli Yang Berhormat.

Saya mulakan perbincangan ini dengan menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dipersilakan dan saya berterima kasih juga kepada Menteri kita hadir, Yang Berhormat Menteri Kewangan hadir pada pagi ini. Terima kasih banyak.

12.53 tgh.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2020 yang baru sahaja di bentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Tuan Lim Guan Eng yang mewakili Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat adalah tanggungjawab kerajaan, perbelanjaan negara setiap tahun haruslah dirancang dengan berhemah dan berhati-hati. Supaya wang hasil cukai rakyat tidak disalahgunakan atau di seleweng oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan belanjawan yang pragmatik dalam kerangka Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

Dapat diperhatikan juga dalam bajet tersebut bahawa perbelanjaan sosial ke atas pendidikan, kesihatan, perumahan, program bantuan sara hidup dan juga program-program yang menasarkankan petani-petani dan nelayan-nelayan telah dikekalkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, setahun tujuh bulan sejak pertukaran kerajaan bersejarah 9 Mei 2018, tiba masanya untuk menilai pencapaian Malaysia baru Pakatan Harapan menjelang 2020. Kerajaan haruslah menyedari kekecewaan sejumlah besar penyokong yang telah memilih untuk perubahan di dalam Pilihanraya Umum Ke-14 lalu.

Akan tetapi kini merasakan kerajaan agak perlahan merealisasikan perubahan. Saya percaya setiap perubahan akan mengambil masa yang lama bukannya sekelip mata. Akan tetapi pada masa yang sama kita mesti sampaikan mesej dan yakinkan mereka bahawa kita sentiasa komited dalam memperbetulkan hala tuju negara ke arah Malaysia yang baharu. Edisi terkini majalah *The Economist* menzahirkan kekecewaannya terhadap apa yang dilihatnya sebagai kelambatan pelaksanaan reformasi dan berkata. Jika kerajaan tidak berjaya membangkitkan ekonomi negara, mereka mungkin akan melihat diri mereka menjadi pembangkang semula. Jika mereka tidak memperbaiki demokrasi Malaysia, mereka mungkin akan menjadi pembangkang untuk bergenerasi lamanya.

Malaysia kini berada di satu persimpangan untuk mara ke hadapan sebagai sebuah negara bertaraf dunia dengan polisi pembangunan negara yang inklusif, yang memanfaatkan kepelbagaian budaya, kaum, agama dan bahasa ataupun untuk mundur ke belakang menjadi sebuah negara *kleptocrat* yang *obsess* dengan politik perkauman dan agama yang memecahbelahkan perpaduan negara. Kerajaan perlu berani berterus terang dengan rakyat Malaysia dan mengakui kalau ada yang sebahagian janji yang dibuat itu adalah hampir mustahil untuk dilaksanakan. Saya percaya dan yakin rakyat Malaysia akan menghargai usaha ini daripada kita cuba untuk menyembunyikannya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 sebagai pecutan terakhir Rancangan Malaysia Ke-11 membuka seribu satu cabaran baru kepada kerajaan untuk melangkah ke era ekonomi milenium. Pengukuhan kewangan awam adalah satu daripadanya dan ia memerlukan kerajaan merencanakan formula tepat untuk mengoptimumkan perbelanjaan negara. Justeru itu, dalam usaha memperluaskan sumber hasil negara, ada satu petunjuk yang paling ketara iaitu kecenderungan kerajaan meneroka sumber hasil baharu berlandaskan ekonomi digital.

Pendekatan kepada ekonomi digital melalui Belanjawan 2020 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menunjukkan kerajaan amat serius untuk memacu ekonomi digital memandangkan skala ekonomi digital yang sangat besar dan menjanjikan prospek pulangan yang lumayan untuk masa depan negara. Oleh kerana itu, kita lihat mana-mana negara yang merencanakan pertumbuhan ekonomi masa depannya pasti mengerakkan aset dan keupayaan infrastruktur masing-masing ke arah pendigitalan ekonomi.

Malaysia tidak terkecuali apabila kerajaan mengutarakan rancangan meneroka sumber hasil negara baharu, maka ia dipetik dalam konteks pelan gentian optik dan ke saling hubungan negara NFCP baru-baru ini. Dalam perspektif mudah, infrastruktur yang dimajukan menerusi NFCP itu nanti akan menjadi gelanggang utama menggalakkan penyertaan usahawan digital dan

rakyat supaya terbabit secara langsung kepada ekosistem ekonomi dalam talian. Kini infrastruktur sudah tersedia...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Datuk Razali bin Idris: Baru *start*. Baru *start* mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung selepas...

Datuk Razali bin Idris: Baru masuk gear dua Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila sambung karang ya.

Datuk Razali bin Idris: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kita sambung *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum saya tangguhkan, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada pagi ini menyampaikan bajet tadi terima kasih banyak... [*Tepuk*] Sekarang saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sambung kah atau... [*Disampuk*] Sila sambung perbahasan, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

2.32 ptg.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung dengan gear dua, sudah masuk gear dua [*Ketawa*]

Dalam perspektif mudah, infrastruktur yang dimajukan menerusi NFCP itu nanti akan menjadi gelanggang utama menggalakkan penyertaan usahawan digital dan rakyat supaya terbabit secara langsung kepada ekosistem ekonomi dalam talian.

Kini, infrastruktur telah tersedia. Apa yang tinggal hanya langkah kerajaan untuk memanfaatkan infrastruktur digital ekonomi itu dengan mewujudkan lebih ramai lagi usahawan digital. Ini dapat dilakukan menerusi pemberian insentif serta menambah baik sistem kutipan cukai untuk platform digital. Ini bermakna, bagi setiap transaksi jual beli dalam talian, kerajaan akan siap-siap mengutip cukai pada kadar yang tidak terlalu tinggi. Maka, kelak apabila penjual

digital mengisytiharkan cukai pendapatan, mereka boleh menolak cukai yang sudah dibayar sebelum transaksi dan membuat tuntutan mendapatkan lebih bayaran cukai jika perlu.

Sistem pencukaian pintar yang lebih efektif ini hanya boleh dilaksanakan menerusi kemajuan teknologi *artificial intelligence* (AI), dengan izin, yang kini diguna pakai sistem perbankan secara menyeluruh. Kadar cukai dikenakan juga tidak perlulah terlalu tinggi dan membebankan. Hanya sekadar mencukupi untuk menggalakkan usahawan dalam talian didaftarkan dalam pusat data Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Perlu diingatkan, nilai jurang cukai dalam negara kini dianggarkan lebih kurang RM25 bilion hingga ke RM30 bilion. Ini adalah cukai yang sepatutnya dikutip tetapi tidak dipungut. Atau dalam bahasa mudahnya, termasuk cukai individu atau entiti yang lari cukai, peniaga dalam talian yang enggan mendaftar dengan LHDN, perniagaan dan aktiviti ekonomi gelap serta ekonomi samar bayangan.

Oleh sebab itu, apabila kita berbicara soal meneroka hasil baharu untuk negara, maka antara alternatifnya adalah dengan memperbaiki sistem cukai yang sedia ada, memperluaskannya kepada ekonomi digital dan menggalakkan rakyat membayar cukai sejajar prinsip percukaian negara.

Namun, para peniaga industri kecil dan sederhana yakni PKS juga perlu mempelajari bagaimana digital akan merencanakan perniagaan mereka. Usahawan perlu berani mencuba dalam industri ekonomi digital agar mereka tidak ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, bantuan subsidi untuk pesawah, pekebun dan nelayan kita dikekalkan pada masa ini. Kerajaan sedang membantu kumpulan-kumpulan ini dengan pelbagai skim bantuan. Skim-skim ini harus diteruskan kerana kumpulan-kumpulan ini merupakan antara golongan termiskin di negara kita.

Umpamanya, harga beli padi telah ditetapkan kepada RM1.50 sekilo dengan subsidi sebanyak 75 sen sekilo pada pembeli. Ia mesti diteruskan. Selain itu, dalam masa yang sama, pesawah padi menerima baja dan racun serangga perosak secara percuma terus dikekalkan. Pekebun getah dengan kebun di bawah lima ekar sedang menerima bayaran terus ke akaun bank mereka jika harga getah beku di bawah harga RM2.50 sekilo. Jumlah yang dibayar kepada mereka adalah bergantung pada harga purata getah beku dan kuantiti getah beku juga yang dijual oleh mereka pada bulan itu.

Nelayan tradisi menerima sebanyak RM250 seorang sebulan. Sedikit sebanyak meringankan beban nelayan yang terpaksa menanggung kos sara hidup yang semakin meningkat, selain kebanyakan peralatan menangkap ikan naik bekali ganda berikutan kejatuhan Ringgit Malaysia berbanding dengan negara-negara jiran terutamanya Thailand. Ini juga

disebabkan kebanyakan peralatan menangkap ikan seperti pukat, jaring dan enjin turut naik di pasaran Thailand.

Saya mencadangkan supaya dihapuskan duti import terhadap barang-barang keperluan tersebut. Akan tetapi, usaha juga harus diambil untuk memastikan bantuan ini sampai ke sasarannya dan tidak diselewengkan oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya.

Program memperbaiki rumah usang di kawasan kampung juga harus diteruskan. Akan tetapi, ia merupakan satu program di mana pelaksana jauh lebih beruntung daripada orang kampung yang dibantu. Pelaksanaan skim ini harus diurus dengan baik dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, syukur *alhamdulillah*, menegak syiar Islam diutamakan dalam Bajet 2020 dengan peruntukan hal ehwal Islam seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, di bawah JPM sebanyak RM1.3 bilion, kenaikan elaun guru KAFA sebanyak RM100 sebulan, bantuan khas RM500 *one-off* kepada imam, bilal, tok siak dan guru takmir serta bantuan inisiatif kepada *Rahmatan lil alamin* sebanyak RM10 juta dialu-alukan.

Malangnya, tindakan ketidakcerdikan Kerajaan Negeri Terengganu memotong elaun 700 orang guru Quran sebanyak RM100 dianggap langkah balas dendam walaupun royalti minyak sudah dapat. Elaun asalnya sebanyak RM500 sebulan. Namun, bermula bulan September lepas, ia dikurangkan kepada RM400. Alasan yang diberi ialah, satu, guru-guru Quran bertindih dengan guru KAFA dan pemotongan dibuat bagi mengimbangi guru KAFA.

Kedua, jika Pusat bagi peruntukan lebih, maka elaun itu boleh ditingkatkan.

Ketiga, hanya guru KEMAS dan Tadika Perpaduan sahaja yang terlibat. Ini bermakna ia membabitkan agensi yang terletak di bawah Kerajaan Pusat sahaja. Setakat ini, Kerajaan PAS Terengganu tidak melayani kritikan-kritikan daripada sesiapa pun.

■1440

Justeru itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat agihkan sebahagian peruntukan untuk membayar semua elaun 700 guru al-Quran di Terengganu yang dikatakan dizalimi serta dengan kenaikan RM100 dengan menjadikan RM600 sebulan daripada RM500 asalnya. Hanya jumlah keseluruhan congak kepala saya lebih kurang RM420 ribu sahaja setahun. Kita harap pihak Kerajaan Pusat dapat memikirkan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan sejumlah besar RM16.9 bilion kepada Kementerian Dalam Negeri semata-mata untuk menjaga kebajikan anggota dan memastikan keamanan negara tercinta. Marilah kita bersama-sama menghargai keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini dengan mendidik diri kita serta keluarga dan jiran supaya saling memahami, bertoleransi serta melayani antara satu sama lain.

Kita jauhi sikap melampau yang cuba dicetuskan oleh pihak yang hanya melakukannya demi kepentingan politik mereka. Negara kita sedang terus diasak dengan sentimen perkauman walaupun sudah 62 tahun bebas daripada ancaman penjajah. Malaysia tidak mempunyai pilihan lain selain kembali ke garisan tengah dan meninggalkan prasangka serta fahaman melampau yang mengancam kesinambungan kejayaan rakyat melaksanakan sebuah perubahan politik yang begitu besar pada 9 Mei 2018.

Apa yang di kecapai negara selama ini boleh hilang sekelip mata sekiranya rakyat gagal menginsafi diri berhubung pengorbanan dan kepayahan yang dilalui oleh mereka yang terdahulu. Pada tahun 1963, kita membentuk sebuah Kerajaan Persekutuan bersama-sama Sabah dan Sarawak dan kemudiannya Malaysia muncul sebagai negara majmuk yang kaya dengan pelbagai budaya serta tradisi. Meskipun berbilang agama, keturunan, bahasa, budaya dan adat resam kita tidak pernah lelah dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang tetap bersatu padu.

Malangnya Tuan Yang di-Pertua, di penghujung tahun 2019, tercetusnya isu tangkapan kumpulan LTTE dan juga abu Chin Peng dibawa balik ke Malaysia. Maka kita perlu menyokong pihak kerajaan dan PDRM membuat tindakan yang tepat dan benar dengan melakukan tangkapan terhadap elemen LTTE sebagai ancaman yang sama yang dibawa oleh ISIS dan juga Al-Qaeda sebelum ini. Ancaman LTTE dan lain-lain kumpulan pengganas tidak boleh dipandang sepi. Ancaman *terrorist* merentasi agama, sempadan, bangsa dan etnik. Pelbagai tohmahan dilemparkan kepada polis tetapi saya yakin bahawa tangkapan yang dibuat dilakukan ini adalah tepat dan benar serta terhasil dari intipan yang menyeluruh dan penuh keberanian untuk memastikan keamanan negara Malaysia yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, abu mayat Chin Peng yang di seludup ke negara kita pastinya mengundang kemarahan dan majoriti yang menolaknya adalah orang-orang Melayu. Termasuk dalam kalangan bekas tentera dan polis serta waris yang dahulunya pernah berhadapan dengan pemberontakan dan keganasan komunis yang menggila sehingga ramai terkorban, cedera dan cacat seumur hidup. Malah ramai orang awam yang tidak berdosa menjadi korban gara-gara komunis dalam peristiwa bintang tiga mengamuk setelah Jepun keluar daripada Tanah Melayu, ramai orang Melayu menjadi korban.

Ketika Darurat tahun 1946 hingga tahun 1960 pula, apabila komunis bertindak mengangkat senjata banyak korban dalam kalangan anggota tentera dan polis yang rata-ratanya orang Melayu serta orang awam yang tidak berdosa. Mereka yang merancang untuk menyeludup masuk abu Chin Peng itu sudah tentu mereka yang pernah bersama atau pendukung serta golongan yang simpati dengan perjuangan songsang Chin Peng. Mereka itu mungkin masih menjiwai komunis.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Chin Peng meninggal dunia pada tahun 2013 dalam usianya 90 tahun, maka timbul isu abu mayatnya mahu dibawa balik dan disemadikan di negara kita. Bagaimanapun, kerajaan pada ketika itu tidak mengizinkan. Sepatutnya apabila tidak diizinkan, maka isu ini selesai dan perkara yang harus menguruskan abu mayat itu mesti di mana tempat tinggal mereka. Namun, golongan terbabit bersikap degil dan sanggup menanti masa yang sesuai untuk di seludup masuk ke negara kita.

Menurut laporan, abu mayat dibawa masuk pada 16 September lalu dan ditabur di lautan dan di Banjaran Titiwangsa sebagai tanda persemadiannya. Mengapa tarikh 16 September dipilih? Apakah maknanya Banjaran Titiwangsa yang diliputi hutan itu ditabur sebahagian abu mayat Chin Peng. Tentu ia ada kaitan dengan sentimen perjuangan Chin Peng. Maknanya masih wujud semangat komunisme dalam kalangan mereka yang mendukungnya.

Kita juga ingin bertanya, mengapa mereka berdegil untuk membawa masuk abu mayat itu? Sedangkan kerajaan terdahulu mengharamkannya. Bukankah itu menunjukkan mereka mempunyai motif dan agenda tertentu? Sekarang banyak perkara yang berlaku yang menghabiskan masa dan menghabiskan wang negara dan juga rakyat jelata. Sebagai contoh...

Tuan Nga Hock Cheh: Yang Berhormat, boleh minta laluan?

Datuk Razali bin Idris: Saya habiskan dahulu. Sebagai contoh bendera terbalik, bendera bintang bucu lima, Negaraku dalam bahasa Mandarin dan juga bahasa Arab. Kita Tuan Yang di-Pertua, kita harus noktahkan ini dengan segera. Soalan saya, apakah langkah proaktif kerajaan menangani isu ini? Harapan saya, jangan kita bazirkan belanjawan rakyat dengan mengerahkan anggota keselamatan mencari punca mengapa dan mengapa serta membuat tangkapan yang hanya bangkitkan rasa sangsi di kalangan masyarakat majmuk yang kebarangkalian menjurus kepada rusuhan seterusnya keruntuhan negara kita Malaysia. Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Mic, mic* Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Memandangkan masa Jepun *occupation* di Malaysia, rakyat Malaysia pun telah memaafkan orang Jepun dan menubuhkan itu tali rantai- *trade relationship* yang baik. Lagipun ada satu perjanjian di antara *Communist Party* dengan pihak autoriti Malaysia membenarkan mereka balik ke Malaysia. Ada juga pemimpin PKM seperti Rashid Maidin, Abdullah Sidi. Adakah masa sudah sampai bagi kita juga memaafkan mereka dan tutup isu ini?

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat. Ia sebenarnya saya pun tahu dan saya terbaca kenyataan yang dibuat oleh bekas Ketua Polis Diraja Negara dan ketika itu dia terbabit untuk perjanjian dengan Parti Komunis. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang

Berhormat, itu adalah benar tetapi untuk menjaga keharmonian Rashid Maidin, Abdullah Sidi dan beberapa lain adalah pengikut, ini ketua kumpulan.

Jadi saya rasa ia akan- kalau kita meneruskan cita-cita tersebut, maka keresahan di kalangan mereka yang terbabit dengan sikap menggila komunis akan menjadi satu kebarangkalian kepada ketidakharmonian negara kita. Itu hanya maksud yang saya hendak sampaikan. Supaya kerajaan tidak menghabiskan kewangan untuk mencari siapa dan mengapa. Hari ini kita lihat dalam media sosial di mana-mana sahaja bercakap tentang bila kerajaan akan mengambil tindakan. Bermakna ia menggunakan wang rakyat yang tidak sepatutnya kita gunakan untuk tujuan tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan perbahasan saya...

Dato' Zahari bin Sarip: Yang Berhormat, laluan...

■1450

Datuk Razali bin Idris: [*Duduk*]

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih. Saya tertarik dengan isu abu mayat Chin Peng. Saya tidak mempertikaikan tentang perjanjian dan sebagainya kerana telah dijelaskan oleh Yang Berhormat.

Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, agaknya kalau berpandukan kepada perjanjian itu, persetujuan untuk membawa balik Chin Peng pada ketika itu. Mengapa abu mayat itu diseludup? Kalau betul ada perjanjian, kalau betul boleh di awa balik mengikut pandangan Yang Berhormat Tuan Nga tadi, mengapa ia di seludup? Pertama.

Kedua, setuju kah Yang Berhormat bahawa jika abu mayat itu diseludup, bermakna ada banyak lagi perkara yang mungkin boleh diseludup. Jadi wajarkah kita minta, sama ada pihak KDN ataupun imigresen untuk menguatkan lagi persempadanan kita supaya tidak ada lagi penyeludupan seperti ini? Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Itu maksud yang saya hendak nyatakan sebab kita berbahas dalam Bajet Belanjawan. Ini bermakna kerajaan terpaksa kena mengerahkan tentera, kena mengerahkan segala pihak berkuasa untuk menjaga perkara-perkara yang tidak sepatutnya kita jaga. Kita sudah tahu sudah sensitiviti itu ada di kalangan rakyat negara kita. Bukan setakat Melayu sahaja, bangsa lain pun terlibat. Jadi, itu yang saya maksudkan bahawa kita kena noktahkanlah perkara-perkara tersebut. Banyak lagi kalau saya hendak sebut di sini tetapi setakat sekadar itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita gembira dengan belanjawan berhemah, saya suka hendak minta kementerian yang terlibat supaya selesaikan seberapa segera *insya-Allah*, di mana Terengganu masih mempunyai lapan projek sakit. Semak mata kita memandang dan

menyusahkan rakyat. Walaupun projek ini projek kerajaan yang terdahulu tetapi kita mesti kena teruskan kerana sudah penghujung siap projek tersebut.

Saya hendak bacakan di sini supaya kita minta Menteri jawab *insya-Allah* nanti. Pertama, projek daripada Kementerian Pendidikan, paling banyak projek politeknik Hulu Terengganu. Agensi pemilik- cuma saya hendak sebut hanya agensi pemilik bukan kontraktor. Kita hendak minta supaya pihak kementerian menyegerakan sekadar yang mampu.

Pertama, politeknik Hulu Terengganu. Agensi pemilik Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi pelaksana JKR. Kos projek adalah sebanyak RM147.3 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 12 Oktober 2015. Tarikh asal siap 8 Oktober 2017; tarikh siap semasa 2 Julai 2019. Sekarang hendak masuk 2020, masih dalam keadaan yang tidak sempurna.

Kedua, projek sekolah baharu 18 bilik darjah, Sekolah Menengah Kebangsaan Serada Kuala Terengganu. Agensi pemilik Kementerian Pendidikan Malaysia; agensi pelaksana Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kos projek adalah sebanyak RM22,853,904.38; tarikh milik tapak adalah pada 2 Januari 2018; tarikh asal siap, 8 Oktober 2019 dan tarikh siap adalah pada 31 Disember 2019. Akan tetapi jauh daripada tarikh yang ditunjukkan.

Ketiga, projek pembinaan sekolah baharu 18 bilik darjah, Sekolah Menengah Kebangsaan Permai Kemaman Terengganu. Agensi pemilik, Kementerian Pendidikan Malaysia; agensi pelaksana, Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kos projek adalah sebanyak RM36.54 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 27 Disember 2017. Tarikh asal siap pada 30 Oktober 2019; tarikh siap semasa 27 Februari 2020. Akan tetapi ini pun jauh lagi Tuan Yang di-Pertua- saya hendak baca sampai habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Keempat, pembinaan pejabat pelajaran baharu daerah Marang. Ini kawasan tempat saya tinggal. Agensi pemilik, Kementerian Pendidikan Malaysia; agensi pelaksana, Bahagian Pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kos projek adalah sebanyak RM8,384,277.76. Tarik milik tapak adalah 4 Januari 2018. Tarikh asal siap sepatutnya 4 Julai 2019 dan tarikh siap semasa 25 Ogos 2019- pun sama.

Kelima, pemuliharaan muara sungai Besut. Ini berat ini- orang Terengganu kata *berat nanang*. Agensi pemilik, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli; agensi pelaksana, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kos projek adalah sebanyak RM224.5 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 13 Disember 2016. Tarikh asal siap, 12 Disember 2016; tarikh semasa siap tidak ada, ini tersangat sakit.

Keenam, pemuliharaan dan menaikkan taraf sungai Cepoh mukim Telemong, Hulu Terengganu. Agensi terlibat Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli; agensi pelaksana Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS; kos projek, RM12,399,244. Tarikh milik tapak adalah pada 26 April 2018 dan tarikh asal siap adalah pada 25 April 2020. Tarikh semasa siap juga tidak ada.

Projek cadangan menaikkan taraf kompleks sukan di bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun Terengganu. Agensi pemilik, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB); agensi pelaksana, KETENGAH. Kos projek adalah sebanyak RM5,252,351.70. Tarikh milik tapak adalah pada 12 November 2017. Tarikh asal siap, 11 Mei 2019; tarikh siap, 31 Disember 2019- masih juga ketinggalan.

Terakhir, menggantikan jambatan sedia ada di FT.003/448/60 Dungun Terengganu. Agensi pemilik, Kementerian Kerja Raya; agensi pelaksana, jurutera daerah. Kos projek RM7,678,755.60. Tarikh milik tapak, 10 Oktober 2017; tarikh asal siap, 9 Oktober 2019; tarikh semasa, 16 Julai 2019.

Walaupun projek-projek ini dimulakan oleh kerajaan terdahulu. Maka kita tidak boleh abaikan kerana ia diperlukan untuk rakyat negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memerlukan satu angkatan perubahan dalam kerangka dan hala tuju ekonomi untuk membolehkan negara mencapai potensi ekonomi yang mampan serta dapat dikongsi secara adil dan saksama.

Di samping itu kita harus memperkukuhkan tadbir urus dan integriti, meningkatkan kefahaman naratif dalam sejarah negara, mengukuhkan modal sosial dan mempertingkatkan kesedaran serta kematangan ke arah mengeratkan perpaduan rakyat.

Insyah-Allah kita sama-sama membentuk Malaysia yang aman, harmoni dan bersatu padu serta melonjakkan kedudukan Malaysia sebagai paksi penting ekonomi di Asia Tenggara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

2.48 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Belanjawan 2020 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Bajet 2020 boleh dikatakan cukup berhemat. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara berkait bajet ini.

Di sektor pertanian Bajet 2020 tidak lagi meminggirkan kaum petani. Penambahan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertambah kepada RM4.9 bilion pada tahun 2020.

Berita baik bagi kaum nelayan pula kerana peruntukan RM152 juta akan dijadikan tambahan dalam elaun nelayan dari RM200 hingga RM250.

Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kaum nelayan merupakan salah satu kaum yang kurang bernasib baik.

■1500

Ini disebabkan oleh kekurangan tangkapan ikan di laut kita dan juga nelayan-nelayan kita tidak pergi jauh ke laut dan di lautan terbuka. Antara sebabnya adalah pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing, nelayan-nelayan kita menggunakan bot kecil. Anggaran perbelanjaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah sebanyak RM4.9 bilion.

Jadi, soalan saya ialah apakah dasar-dasar baharu yang akan dirangka oleh kementerian untuk membantu meningkatkan pendapatan para nelayan yang terjejas ke atas sebab-sebab yang dinyatakan tadi. Juga, adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu institusi seperti Universiti Perikanan dan ini akan menggalakkan para belia untuk mengambil kursus-kursus perikanan dan mengambil kerja nelayan yang profesional sebagai kerjaya.

Berita baik juga bagi pekebun kecil iaitu sebanyak RM150 juta diperuntukkan bagi memudahkan penanaman tanaman tunas cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh. Bagi mempromosikan beras ketan peruntukkan sebanyak RM30 juta di Langkawi dijangka memberi manfaat kepada sejumlah 1,200 orang petani. Petani yang menanam padi bukit dan beras huma akan terus diberi subsidi. Bagi pengeluaran beras biasa, peruntukan untuk input padi bertambah sebanyak 59 juta dari 796 juta pada tahun 2019 kepada 855 juta pada tahun 2020 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan skim insentif pengeluaran padi.

Ini tentu sekali dapat meningkatkan lagi pendapatan petani. Diharap usaha-usaha dibuat akan menggalakkan para belia yang mahu menjadi petani dengan mengambil contoh negara-negara seperti Jepun, Korea mahupun Eropah di mana para belia menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan dan profesion.

Di harap juga kerajaan dapat mengatasi kemelut yang dihadapi industri kelapa sawit sekarang supaya pendapatan sejumlah 112 ribu orang peneroka tidak terjejas. Ada banyak ladang-ladang dan ladang FELDA di mana kawasan tanah lapang yang luas dan harga komoditi tidak berapa stabil dan ramai petani-petani menghadapi ekonomi yang suram. Soalan saya adalah, adakah kemungkinan bahawa ladang-ladang swasta dan ladang di FELDA mempromosikan industri tenusu, industri daging dapat dimanfaatkan tanah-tanah yang luas dan lapang? Jika ada, berapakah bajet yang akan diketepikan oleh kementerian untuk tujuan ini?

Kedua ialah sektor pendidikan. Pendidikan di Sabah dan Sarawak tidak pun diabaikan dalam belanjawan ini. Kementerian Pendidikan adalah penerima terbesar untuk Bajet 2020 iaitu

sebanyak RM64.1 bilion, sebanyak RM3.9 bilion lebih daripada peruntukkan tahun ini. Daripada jumlah itu, sebanyak RM735 juta akan digunakan untuk penyelenggaraan dan peningkatan sekolah. Manakala sebanyak RM783 juta akan digunakan untuk sekolah usang terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Beberapa sekolah baru juga akan dibina termasuk di Kelantan dan Terengganu walaupun negeri-negeri ini di bawah kerajaan pembangkang. Bolehkah kementerian memberitahu berapakah buah sekolah akan dibina di setiap negeri dan kos yang dibelanjakan? Agihan peruntukan kepada sekolah-sekolah yang berdaftar selain daripada sekolah kebangsaan juga dapat memberi manfaat kepada sekolah-sekolah ini. Jadi, tiada jenis sekolah yang diabaikan oleh kerajaan dalam Bajet 2020 seperti juga dapat bajet tahun ini.

Kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan daripada sejumlah RM5.7 bilion pada tahun 2019 kepada sejumlah RM5.9 bilion pada tahun 2020 untuk mengetengahkan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET). Apakah program-program yang diambil oleh kementerian untuk mempromosikan kursus TVET yang pada masa ini dianggap sebagai satu kursus untuk pelajar-pelajar miskin dan tidak sama taraf dengan kursus-kursus lain.

Satu lagi perkara dalam pendidikan ialah tahap penguasaan bahasa Inggeris yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar. Kajian telah menunjukkan bahawa apabila Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) diperkenalkan dari tahun 2002 hingga tahun 2012, secara tidak langsung dan *contextual* telah membantu pelajar meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa Inggeris.

PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2012. Mereka yang kini terlibat dalam DLP di beberapa buah sekolah yang terpilih menunjukkan peningkatan yang ketara dalam penguasaan bahasa Inggeris. Mungkin kementerian perlu mempertimbangkan untuk menawarkan DLP di semua sekolah di negara ini untuk membantu pelajar mendedahkan diri mereka kepada bahasa Inggeris secara *contextual* bermula di peringkat awal persekolahan lagi di samping mempelajari bahasa ini sebagai subjek khusus.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf bahas Inggeris di semua sekolah? Apakah belanjawan yang ditetapkan untuk mengambil ramai guru-guru bahasa Inggeris yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Memang Bahasa Malaysia tidak boleh diketepikan, Bahasa Malaysia adalah bahasa yang diutamakan di dalam mana-mana sekolah.

Perkara yang ketiga ialah ketulusan dan keterbukaan. Tuan Yang di-Pertua, jelas terdapat komitmen kerajaan untuk ketulusan dan keterbukaan dalam urusan kewangan negara. Justeru, Bajet 2020 mewakili keseimbangan yang berhemat antara keperluan persaingan bagi negara

untuk mengekalkan kelestarian fizikal sementara bertindak kepada realiti persekitaran ekonomi dan pertahanan. Mana-mana projek yang tidak sesuai dan kos terlalu tinggi dan akan diselaraskan.

Sebelum ini negara pernah membuat pinjaman yang berlebihan dan tidak bertanggungjawab terhadap projek-projek yang tidak sesuai dan ini telah menjejaskan kredibiliti fiskal negara. Kerajaan sekarang terpaksa memberi keutamaan untuk memulihkan kerosakan ini.

Keempat ialah peningkatan penggunaan digital. Bajet 2020 telah memberi penekanan terhadap langkah-langkah yang meningkatkan pekerjaan dan pelaburan swasta terutamanya oleh perusahaan kecil dan sederhana melalui peningkatan penggunaan digital. Didapati tumpuan diberi kepada ke saling hubungan dan logistik serta pembaharuan struktur untuk meningkatkan kemudahan perdagangan serta memudahkan aliran pelaburan baru dalam keadaan perdagangan semasa.

Langkah ini diharapkan dapat menghasilkan pulangan positif dalam persekitaran perdagangan yang tidak menentu. Untuk merangsang pelaburan inovasi dan pertumbuhan ekonomi, langkah kerajaan untuk menarik pelabur dalam bidang digital amat dialu-alukan supaya dapat bersaing dengan negara-negara ASEAN yang lain yang sudah pun menarik ramai pelabur di bidang ini. Juga dialu-alukan penekanan yang beri untuk menangani kuasa monopoli dan meningkatkan persaingan dalam ruang sambungan jalur lebar serta meningkatkan persaingan dalam sektor tenaga.

Bagi melegakan pengguna terutama yang berpendapatan rendah, harga jalur lebar telah diturunkan sebanyak 49 peratus. Ini boleh membawa kepada perubahan permintaan pengguna untuk mendapat khidmat *internet* yang lebih pantas.

▪ 1510

Modal insan. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2020 Mesra Wanita. Bagi meningkatkan modal insan negara, langkah diambil ke arah merapatkan jurang jantina dalam pasaran buruh negara dengan menangani beberapa halangan terhadap pekerjaan yang dihadapi oleh wanita. Antaranya ialah cadangan peningkatan cuti bersalin hingga 90 hari dari 60 hari bermula 2021. Walaupun ini di bantah sesetengah pihak, ini merupakan satu reformasi yang dialu-alukan untuk membawa negara lebih dekat dengan norma undang-undang antarabangsa.

Soalan terakhir saya, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan skim atau insentif kepada wanita yang memilih untuk kembali bekerja selepas 60 hari cuti bersalin atau bahkan insentif untuk wanita bekerja dari rumah semasa cuti bersalin. Peningkatan pelepasan cukai kepada RM6,000 untuk perbelanjaan perubatan termasuk rawatan kesuburan juga wajar kerana ini akan meringankan sedikit beban warga yang menjalani rawatan kesuburan.

Ada yang menyifatkan kaum India seolah-olah telah dianaktirikan dalam Belanjawan 2020. Ketirisan yang berlaku dalam peruntukan yang diberikan kepada kaum India sebelum ini. Dalam Belanjawan 2020, masyarakat India diperuntukkan RM170 juta termasuk pembiayaan TEKUN Nasional sebanyak RM20 juta, pembangunan sekolah Tamil sebanyak RM50 juta dan RM100 juta di bawah MITRA. Jumlah ini jika diselenggarakan tanpa ketirisan boleh sedikit sebanyak membantu masyarakat India yang benar-benar memerlukan.

Cuma saya hendak berhujah sedikit tentang pembangunan sekolah-sekolah Tamil. RM50 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang memang munasabah tetapi jika diambil kira beberapa sekolah Tamil yang daif dan tidak mendapat sokongan dan bantahan daripada masyarakat India elit dan yang berada tidak seperti sekolah-sekolah Cina, saya harap dan memohon kepada kerajaan untuk menaik taraf sekolah-sekolah tersebut.

Tahun ini beberapa buah sekolah Tamil telah memberi contoh yang baik dengan memenangi pingat emas dan anugerah khas di platform antarabangsa. Walaupun kekurangan sokongan dan kemudahan tetapi ia tidak menghalang sekolah-sekolah Tamil daripada mencapai kejayaan. Namun, sekolah-sekolah Tamil boleh terus bersinar dalam sains matematik seperti yang ditunjukkan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah tahun 2019.

Sekolah Tamil jika dibantu sepenuhnya akan mempunyai reputasi yang lebih baik, mungkin kerajaan dapat membantu menubuhkan asrama-asrama di beberapa negeri untuk membantu kanak-kanak miskin mempunyai persekitaran pembelajaran dan hidup yang sesuai.

Selain daripada RM100 juta peruntukan diberikan di bawah MITRA, saya juga memohon satu skim ditubuhkan, sama seperti FELDA dan FELCRA. Ramai rakyat Malaysia di kawasan pedalaman dapat mengatasi kemiskinan dari kelapa sawit apabila model FELDA diperkenalkan. Ramai orang khususnya kaum India telah dipindahkan apabila ladang-ladang tempat mereka bekerja telah diambil oleh GLC dan sektor swasta untuk tujuan komersial. Ini adalah kaum India yang miskin yang tidak boleh pergi ke mana-mana dan menjadi setinggian di pinggir-pinggir bandar.

Peratusan yang tinggi belia India terjerumus dalam ketagihan alkohol dan gejala sosial yang lain seperti penyalahgunaan dadah, gengsterisme dan lain-lain bentuk. Penyimpangan sosial juga peratusan yang tinggi dalam kalangan mereka ada berada di penjara. Masyarakat India berminat bekerja di sektor perladangan jika diberikan peluang. Dengan menyediakan tanah biarpun secara sewaan *only* kepada golongan terpinggir ini, mereka boleh meningkatkan taraf hidup dan membangun seperti rakan-rakan mereka di FELDA dan FELCRA. Apakah Kerajaan

Pusat bersedia memperkenalkan skim serupa FELDA dan FELCRA kepada kaum India yang miskin dan terpinggir?

Seterusnya ialah menurunkan ambang harga kondominium dan pangsapuri untuk pemilikan asing. Untuk mengurangkan bekalan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual sebanyak RM8.3 bilion, kerajaan bercadang untuk menurunkan ambang harga hartanah yang tinggi di kawasan bandar untuk pemilikan asing dari RM1 juta ke RM600 ribu pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, langkah ini harus disemak kembali. Ia hanya akan memihak kepada pemaju dan bukan orang tempatan di mana pemaju akan mengambil kesempatan untuk membina kondominium dan pangsapuri dengan harga lebih tinggi dengan harapan dapat dijual kepada orang asing. Kerajaan harus menyuarkan dan mengenakan syarat kepada pemaju supaya kondominium dan pangsapuri boleh dibina hendaklah dalam lingkungan harga yang mampu milik oleh rakyat tempatan.

Seterusnya ialah perkhidmatan awam. Kerajaan telah memberi peruntukan serta faedah yang memberangsangkan kepada penjawat awam. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM200 sebulan sebagai elaun khas kepada setiap kakitangan pasukan bomba dan penyelamat melibatkan kos sejumlah RM35 juta. Walau bagaimanapun, kerajaan perlu turut menyasarkan bantuan kepada anggota polis. Ini kerana gaji bagi jawatan seperti inspektor, sarjan dan koperal adalah rendah dan tidak mencukupi untuk menanggung kos sara hidup terutamanya yang bertugas di bandar-bandar besar.

Dengan menaikkan gaji anggota polis kita, maka ia dapat mengurangkan risiko berlakunya rasuah serta membasmi jenayah pemerasan wang dan yang melibatkan anggota polis. Saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan kenaikan pendapatan anggota polis sebagaimana yang telah dinikmati oleh anggota-anggota polis di Jepun, Hong Kong, Singapura, New Zealand dan sebagainya iaitu negara-negara maju. Gaji, logistik dan keperluan anggota polis yang berpangkat rendah perlu diambil dan diberikan keutamaan dalam usaha untuk menambah baik integriti pasukan polis negara.

Ramai anggota polis menyewa rumah jauh dari balai polis akibat kekangan kos sewa yang mahal di bandar-bandar utama. Mereka menghadapi cabaran akibat waktu kerja yang tidak menentu dan menggunakan wang dan kenderaan sendiri untuk berulang alik ke balai polis. Oleh itu, adalah baik jika kuarters polis dapat diperbanyakkan untuk penempatan mereka.

Anggota polis berpangkat rendah sering terdedah kepada bahaya ketika sedang bertugas. Kebelakangan ini terdapat kejadian polis dilanggar oleh kenderaan ketika bertugas atau mengalami kemalangan ketika menjalankan serbuan di premis-premis. Oleh itu, kerajaan

seharusnya mempertimbangkan elaun risiko pekerjaan atau insentif khas bagi anggota-anggota polis tersebut.

Saya juga merayu kepada kerajaan untuk memberi peruntukan kepada balai-balai polis kerana banyak balai polis yang berada dalam keadaan yang daif sekali gus memberi impak persekitaran kerja yang tidak sihat contohnya balai-balai polis yang saya selalu berurusan ialah Kuala Terengganu, Tapah, Tampin, Alor Gajah dan Port Dickson. Semua bangunan tersebut adalah *pre-war building*.

Sektor kesihatan. Kerajaan menunjukkan kesungguhan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan serta penjagaan kesihatan rakyat negara kita apabila memberi peruntukan tambahan sebanyak RM1.9 bilion iaitu daripada RM2.87 bilion pada tahun 2019 kepada RM3.6 bilion tahun 2020.

■1520

Tambahan tersebut sebahagian besarnya bakal digunakan untuk menaik taraf hospital-hospital yang telah uzur dari segi kondisi, peralatan serta infrastruktur kepada sesuatu yang lebih canggih seiring dengan perubahan teknologi bidang perubatan dunia.

Bajet 2020 memberi peruntukan bagi kesihatan rakyat khususnya apabila bakal memulakan vaksinasi *pneumococcal* bagi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan jika peruntukan turut disasarkan kepada golongan miskin yang mengalami kemalangan dan datang ke hospital untuk mendapat rawatan implan.

Kebanyakan pesakit kes kemalangan terutamanya kes kemalangan jalan raya memerlukan kepada pemasangan besi implan dan besi-besi implan ini mahal harganya. Golongan miskin tidak mampu untuk membeli besi implan dan ini menyebabkan mereka gagal mendapatkan rawatan yang sepatutnya dalam tempoh masa yang awal. Akhirnya kecederaan yang sepatutnya boleh sembuh dengan cepat apabila dipasang besi implan menjadi berlarutan dan kadangkala menyebabkan kecacatan kekal- bagi golongan.

Ini untuk pengangkutan. Perkhidmatan kereta api ekspres yang telah diperkenalkan semula pada Julai 2019 telah melihat sambutan yang baik dari penduduk-penduduk Negeri Sembilan yang bekerja di Kuala Lumpur. Servis yang ada sekarang ialah satu sahaja iaitu daripada 7 pagi bertolak daripada Seremban sampai di Kuala Lumpur pada pukul 8.19 pagi.

Selain daripada perkhidmatan ini jadi popular dengan penambahan penumpang terdapat juga sedikit pengurangan jumlah volum lalu lintas di sepanjang Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur. Soalan saya ialah, adakah Kementerian Pengangkutan berhasrat untuk menambah servis ini sekurang-kurangnya pada dua masa lagi untuk bermula awal pada 6 pagi. Ini juga

memudahkan ramai lagi untuk menggunakan servis komuter yang bermula kerja pada pukul 8 pagi dan sebelumnya.

Isu Mat Lajak dan Mat Rempit. Ingin saya sentuh sedikit tentang Mat Lajak dan Mat Rempit yang boleh memberi masalah kepada pengguna jalan raya. Memang sudah lama mereka menghantui pengguna jalan raya dan sekarang kita ada isu Mat Lajak pula. Kedua-dua perbuatan ini berbahaya kepada pengguna jalan raya dan kebanyakan kes mereka yang terlibat telah mencederakan diri bahkan ada yang meninggal dunia.

Kebanyakan yang terlibat adalah bawah umur 10 tahun. Jika tidak dikawal awal daripada Mat Lajak, anak-anak ini akan menjadi Mat Rempit kemudian pemandu rakus atau *hell drivers* apabila mereka mula memiliki kereta. Seseengah pula mungkin berakhir menjadi samseng jalanan.

Pada masa ini, hanya terdapat Peraturan Lalu-lintas 1959, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Kanak-kanak 2001. Di bawah seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001, polis boleh membuka siasatan ke atas kecuaihan pihak ibu bapa atau penjaga. Adalah wajar jika Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Pengangkutan melihat perkara ini dan mencadangkan undang-undang yang relevan yang boleh digunakan untuk menghalang sindrom Mat Lajak ini dan juga Mat Rempit.

Topik yang akhir sekali ialah, Tahun Melawat Malaysia 2020. Kerajaan menyasarkan kedatangan 30 juta pelancong pada tahun 2020 dan akan memperuntukkan sebanyak 50 peratus cukai pelancongan kepada kerajaan negeri dalam usaha menjayakan Tahun Melawat Malaysia. Saya daripada Negeri Sembilan ingin memberi cadangan untuk menambah baik kawasan yang telah sedia dijadikan tarikan pelancongan di Negeri Sembilan.

Pelancong-pelancong asing yang turun di KLIA sering kali terus menuju ke Kuala Lumpur dan seterusnya naik ke negeri-negeri sebelah utara ataupun daripada KLIA terus melangkau ke Melaka dan Johor. Mengapa ini terjadi sedangkan Negeri Sembilan ini selain kaya dengan warisan adat ia juga kaya dengan kecantikan semula jadinya sama ada gunung-ganang, sungai dan lautan.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan memanfaatkan laluan kereta api yang sedia ada pernah menghubungkan Seremban ke Port Dickson suatu ketika dahulu dibangunkan semula untuk tujuan pelancongan. Modal rangkaian kereta api atau *tram* bagi tujuan pelancongan boleh dicontohi dari Melbourne, Amsterdam, Istanbul, London dan sebagainya.

Selain daripada itu kerajaan negeri harus giat menambah baik serta mempromosikan tempat ekopelancongan, agropelancongan yang terdapat di Negeri Sembilan. *Water Sport*

Tourism atau Pelancongan Sukan Air adalah sesuatu yang dapat dilihat oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan saya cadangkan satu *water sport* mengikut cara di Monsoon Cup di Terengganu hendaklah dicontohi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana Bajet 2020 kali ini cukup berhemat dan telah pun disambut baik oleh Agensi Penarafan Antarabangsa, pemain industri tempatan dan juga rakyat amnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari.

3.27 ptg.

Dr. Yaakob bin Sapari: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak menjawab so, selepas pada masa sekarang saya ada tiga lagi nama. So, nama kalau belum lagi hantar tolong beri kepada saya. Silakan, Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bajet 2020 pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan yang telah menyediakan Bajet 2020 yang sangat komprehensif merangkumi semua aspek untuk kepentingan rakyat di negara ini.

Kalau kita lihat trend bajet terus meningkat dari tahun ke setahun. Kalau kita lihat trend bajet selama...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tersilap. Oleh kerana tadi *officer* saya cakap dia hendak jawab esok tetapi sebenarnya dia hendak jawab soalan esok. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Okey, okey, okey. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Teruskan Yang Berhormat, kita ada empat hari.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ramai lah kesempatan Ahli Yang Berhormat Senator berbahas. Kalau kita lihat trend bajet dia terus meningkat daripada tahun 2010 ke 2020. Tahun 2010 bajet ialah RM189.499 ribu juta ataupun RM189 bilion meningkat ke RM211.987 bilion pada tahun 2011, tahun 2012 – RM230.833 bilion, tahun 2013 – RM249.667 bilion, tahun 2014 – RM262.11 bilion, tahun 2015 – RM271.940 bilion, tahun 2016 – RM265.224 bilion, tahun 2017 – RM260.800 bilion, tahun 2018 – RM280.250 bilion, tahun 2019 – RM314.4550 bilion dan tahun 2020 – RM299.020 bilion.

Kalau kita lihat trend bajet ini dia terus meningkat tahun ke tahun dan yang ketara ialah belanja mengurus yang meningkat daripada 2010 sekitar RM138 bilion meningkat kepada RM201.200 bilion.

■1530

Kita lihat trend ini terus meningkat ke setahun dan setahun. Yang membimbangkan ialah pendapatan negara setiap tahun hanya sekadar mampu untuk membayar belanja mengurus sementara hutang negara digunakan untuk pembangunan. Kalau kita lihat bajet pembangunan didanai oleh hutang dan tiap-tiap tahun hutang meningkat.

Kalau kita lihat 2010, kerajaan berhutang sekitar RM41.11 bilion tetapi dibayar cuma RM15.97 bilion dan terus meningkat, meningkat, meningkat. Kalau kita lihat 2019, hutang negara ialah RM52.84 bilion dan dibayar cuma RM33.07 bilion. Ini menjadikan hutang negara meningkat, defisit berterusan selama 20 tahun dan kini jumlah hutang dan liabiliti kerajaan berbanding KDNK pada tahun 2017 dan 2018 ialah hutang dan liabiliti pada tahun 2017 ialah RM1.087 trilion dan pada akhir 2018 sebanyak RM1.1 trilion. Ini adalah angka yang turut disahkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet yang dianggotai oleh pihak kerajaan dan pembangkang di mana laporan ini telah dibentangkan pada 17 Julai 2019.

Seandainya trend ini berterusan, maknanya kalau berterusan selama 20 tahun, hutang negara akan mencapai RM2 trilion. Soalan saya ialah apakah rancangan kerajaan untuk memastikan supaya hutang ini dapat dikawal dan dikurangkan? Jawapan daripada Menteri, saya dengar bajet dalam buku ini menyatakan bahawa kerajaan masih mampu membayar hutang tetapi bajet berterusan, defisit selama 20 tahun saya rasa adalah satu bajet yang kurang sihat. Benar, kerajaan boleh berbelanja secara defisit dalam keadaan ekonomi merudum supaya kerajaan menggerakkan ekonomi tetapi sepanjang 20 tahun seolah-olah ekonomi gawat dan tidak boleh dipulihkan.

Kalau kita lihat dalam ucapan tadi menggambarkan tahun hadapan juga, keadaan ekonomi juga tidak menentu dan kerajaan akan terus berhutang dari masa ke semasa. Jadi apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan kadar hutang ini supaya ekonomi negara lebih kompetitif.

Seterusnya, kalau kita lihat belanja mengurus terus meningkat. Apakah ini menggambarkan kecekapan kerajaan dalam pengurusan dan kenapa peningkatan begitu ketara sekali? Tidak adakah usaha sesuai dengan Revolusi Industri 4.0 ini supaya *smart government* dilaksanakan untuk kerajaan melaksanakan penjimatan dan mengawal ketirisan di dalam pentadbiran. Saya rasa ketirisan ini perlu dikawal untuk memastikan bahawa kos pentadbiran tidak terus meningkat.

Kalau kita lihat *space* di Putrajaya, saya rasa ada membazir. Sesetengah pejabat saya lihat sebesar padang tenis luasnya yang kalau dilihat *space* ini yang disewa oleh kerajaan kepada badan Putrajaya yang tidak ekonomi untuk pengurusan. Jadi apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan dapat mengurangkan kos. Walaupun tahun hadapan saya lihat ada pengurangan dalam belanja mengurus. Itu komen saya fasal bajet.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk kepada kenyataan-kenyataan bahawa pagi tadi juga ada soalan fasal pertanian yang mana kerajaan mengimport sekitar RM46 ke RM52 bilion setiap tahun barang-barang makanan seperti tenusu, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ini merupakan wang yang mengalir keluar yang tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi dalam negara, menambah peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat sebab kita banyak import.

Kalau kita perhatikan, 85 peratus daripada petani dan pesawah, umurnya sudah melebihi umur 60 tahun. Contohnya di Cameron Highlands, ahli PPKnya 85 peratus sudah berusia 65 tahun ke atas. Bagi memastikan kestabilan bahan makanan dalam negara, kita terpaksa bergantung dengan import. Saya lihat bagi menggantikan petani-petani yang sudah tua, tempat ini diambil oleh pekerja-pekerja asing. Kalau kita pergi Cameron Highlands pada hari ini, yang mengambil alih tugas-tugas pertanian ialah pekerja-pekerja asing daripada Bangladesh, Myanmar ataupun Indonesia. Ini menjadikan sektor pertanian akan bergantung seterusnya kepada pekerja asing.

Oleh sebab itulah saya menyeru supaya kerajaan memodenkan teknik pertanian bagi membolehkan seramai mungkin petani-petani muda masuk dalam bidang pertanian. Sebagai contohnya, untuk kerja-kerja membaja dan meracun di sawah, ketika ini kerja-kerja ini dibuat secara manual dilakukan oleh pekerja-pekerja asing. Bagi memodenkan kerja ini, kaedah sekarang ini penggunaan dron. Teknik ini lebih efisien dan menjimatkan dan juga boleh menarik anak muda untuk terlibat dalam bidang pertanian.

Ketika ini jumlah dron tidak mencukupi, contohnya di kawasan barat laut Selangor meliputi Sabak Bernam, Tanjong Karang dan Kuala Selangor. Jumlah dron diperlukan adalah sekitar 60 buah tetapi ketika ini yang ada sekitar empat buah sahaja. Satu dron dikendalikan oleh empat orang anak muda, jadi kita perlukan lagi sebanyak 60 buah dron diperlukan untuk projek-projek pertanian membaja dan meracun di kawasan barat laut. Ini tidak termasuk di kawasan-kawasan KADA ataupun MADA.

Jadi itulah saya mencadangkan daripada bajet yang disediakan ini, diperuntukkan khas untuk membeli dron bagi menggalakkan anak-anak muda terlibat dalam bidang pertanian untuk mengelakkan kita bergantung pada pekerja asing dan wang ini mengalir ke luar negara.

Satu lagi teknik yang diperlukan ialah teknik fertigasi. Teknik ini sesuai untuk penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran seperti buah *melon*, mentimun, cili dan lain-lain lagi. Melalui teknik ini dapat membantu generasi muda untuk terlibat dalam pertanian. Ia sangat mudah dilaksanakan tetapi memerlukan kos awal yang tinggi. Oleh sebab itulah kita memerlukan supaya kerajaan memperuntukkan dana khas untuk fertigasi ini. Kita lihat projek di PPK Kuala Langat sangat berjaya dan dapat menarik anak muda terlibat dalam kerja-kerja pertanian ini secara moden dan mereka akan lebih minat dalam bidang pertanian.

Cuma cabarannya ialah kerajaan hendaklah mengawal import atau lambakan makanan import daripada luar negara. Ketika ini contohnya, bila kita mengimport cili daripada Vietnam ataupun daripada Thailand, harga cili akan jadi jatuh menjadikan penghasilan cili tempatan tidak kompetitif. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya ada kawalan kepada import cili-cili segar ini agar petani-petani tempatan dapat bersaing dalam industri ini.

Seterusnya ialah untuk menarik ramai lagi anak-anak dalam bidang pertanian, peruntukan telah diberi kepada program-program usahawan muda ataupun supaya graduan-graduan terlibat dalam bidang pertanian.

Satu lagi perkara ialah Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kita masih mendengar keluhan pesawah kerana kelewatan menerima benih padi atau baja subsidi baik di Selangor mahupun di Kedah ataupun di Kelantan. Dalam bajet telah disediakan antara RM855 juta untuk tahun hadapan dan setiap tahun kerajaan memperuntukkan RM800 ke RM900 juta untuk insentif pesawah-pesawah ini.

Saya kasihan melihat Menteri selalu kena marah kerana baja dan benih padi sampai lewat kepada petani. Sedangkan kerajaan telah pun menyediakan bajet tiap-tiap tahun. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai duduk semeja sama ada dari di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan mahupun di LPP ataupun NAFAS sendiri sebagai ejen yang mengedarkan kerana nampak macam tidak ada *synchronize* di antara jabatan-jabatan yang terlibat dalam menguruskan subsidi padi ini.

Baru-baru ini timbul soal pemberian tender terus kepada NAFAS untuk mengeluarkan baja bagi subsidi padi. Saya rasa adalah wajar agar NAFAS diteruskan untuk membekalkan baja subsidi ini kerana NAFAS dimiliki oleh peladang-peladang dan *urea*-nya diperoleh daripada PETRONAS.

■1540

Jadi keuntungan ini akan diberi terus kepada peladang dan juga kepada PETRONAS. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak sentuh ialah pada 28 Februari 1991, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu telah menggagas satu pemikiran dan kerangka untuk menjadikan Malaysia menjelang 2020.

Ia dikenali sebagai Wawasan 2020 yang mana Wawasan 2020 ini ada sembilan cabaran. Cabaran kelima ialah mewujudkan masyarakat yang liberal dan bertolak ansur. Jelasnya, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia haruslah kukuh dalam nilai agama mereka pada masa yang sama meletakkan kesetiaan kepada negara.

Selama 60 tahun telah merdeka dan 30 tahun selepas pelancaran Wawasan 2020, masyarakat Malaysia pelbagai kaum masih mengalami defisit kepercayaan, saling curiga mencurigai. Selama ini negara ini di perintah oleh parti berasaskan perkauman. Kalau kita lihat parti-parti sebelum ini berasaskan perkauman. Maka dasarnya sama dengan dasar pecah perintah.

Ada juga parti yang berasaskan keagamaan. Maka setelah kejatuhan parti-parti ini, nampaknya semarak perkauman semakin lebar. Kecurigaan antara kaum semakin meningkat seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan ini tidak menolong orang-orang Melayu. Kalau kita lihat dalam buku bajet, saya dapati institusi-institusi Raja, institusi yang menjaga kepentingan Melayu masih dikekalkan. Kalau kita lihat JAKIM umpamanya, sebuah institusi menjaga kepentingan agama di Malaysia ini, peruntukannya meningkat.

Tahun 2017 ialah RM744,947,800 meningkat ke RM810,890,000 dan terus meningkat pada tahun 2019 kepada RM892,801,000 dan terus meningkat pada tahun 2020 kepada RM904,472,400. Ini menunjukkan bahawa institusi agama terus dijaga dalam keadaan walaupun ada pertukaran kerajaan. Tidak ada pengabaian kepada kepentingan agama Islam khususnya.

Kalau kita lihat institusi yang menjaga orang Melayu, pertama MARA. Peruntukan MARA terus meningkat daripada tahun 2017 sebanyak RM1.356 bilion kekal kepada RM1.37 bilion tahun 2020. Juga peruntukan untuk TEKUN. TEKUN juga terus diberi peruntukan daripada RM130 juta pada tahun 2017 kepada RM170 juta pada tahun 2018 dan tahun 2020 kekal pada RM105 juta.

Peruntukan pertanian juga terus meningkat. Saya sebut pertanian kerana pertanian ini sebahagian besar ialah orang-orang Melayu di kampung-kampung. Peruntukan pertanian tahun 2017 sebanyak RM4.99 bilion dan meningkat dan kekal pada RM4.86 bilion pada tahun 2018 dan tahun 2019 RM4.47 bilion dan meningkat tahun 2020 RM4.898 bilion.

Menarik satu lagi, KEMAS. Kita dikhabarkan KEMAS hendak kena tutup, MARA hendak kena tutup tetapi gambaran bajet ini tahun 2020 KEMAS diperuntukkan RM138,118,400. Pasti yang menarik ialah UiTM.

Tuan Yang di-Pertua, UiTM masih kekal dan bajet meningkat. Tidak ada satu usaha pun hendak tutup UiTM. Ini kerana UiTM ini ialah satu universiti yang khas untuk memajukan bumiputera, baik kerajaan terdahulu mahupun kerajaan sekarang, nampaknya UiTM tetap diberi perhatian.

Tahun 2017 UiTM mendapat RM1.671 bilion. Tahun 2018 UiTM dapat RM1.670 bilion. Tahun 2019 UiTM dapat RM1.711 bilion dan tahun 2020 UiTM ditingkatkan peruntukannya kepada RM1.861 bilion. Ini menunjukkan bahawa kerajaan pada hari ini masih kekal mempertahankan institusi-institusi yang menjaga kepentingan orang Melayu dan juga bumiputera.

Jadi tidak timbul walaupun Menteriya bukan Melayu tetapi peruntukan tetap diberi kepada orang Melayu dan juga bumiputera. Kalau kita lihat dalam buku bajet ini, 80.4 peratus ialah bajet belanja mengurus dan bekalan. Saya hendak tanya, siapa yang mereka dalam kakitangan kerajaan, bukankah mereka orang Melayu? Siapa polis, siapa tentera, siapa di hospital, siapa di sekolah?

Sebanyak 80.4 peratus daripada bajet untuk belanja mengurus. Selebihnya RM58 bilion iaitu bajet pembangunan. Saya dapati kontraktor-kontraktor yang dapat projek di Kementerian Kewangan juga masih kekal majoritinya orang Melayu dan bumiputera. Masyarakat bumiputera khususnya orang Cina, peniaga Cina tidak masuk dalam tender sebab mereka tahu siapa hendak projek hari ini, esok akan jumpa mereka untuk bahan-bahan binaan, bahan-bahan makanan semua daripada mereka sebab mereka bukan pembekal, pembekal kepada projek-projek ini.

Namun saya lihat di luar sana seolah-olah orang Melayu Islam diketepikan. Oleh sebab itulah saya mencadangkan supaya program integrasi kaum ini hendaklah dilaksanakan dengan segera demi memastikan supaya kaum Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban ini dapat berinteraksi secara baik.

Begitu juga hubungan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Malangnya sistem yang ada pada hari ini, anak-anak sudah berasingan sekolah seawal sekolah rendah lagi sebab *vernacular school* ini mengasingkan anak-anak di sekolah yang berbeza. Oleh sebab itulah cadangan awal supaya ada sekolah wawasan walaupun mereka dalam kelas yang berbeza, anak-anak ini boleh bermain sekali.

Satu perkara lagi yang saya lihat ialah setiap kali kemasukan pelajar ke universiti, isu matrikulasi menjadi topik hangat. Saya cadangkan mereka yang *excellent* diberi keutamaan.

Siapa yang *straight A's*, orang Melayu, orang Cina, orang India yang *straight A's* diberi keutamaan untuk mendapat tempat dalam universiti. Bakinya boleh kita kongsi.

Point yang seterusnya ialah saya mencadangkan supaya pihak Penerangan. Banyak isu kalau kita baca bajet ini, banyak isu kepentingan kaum semua dijaga baik orang Melayu, orang Cina, orang India tetapi jentera Penerangan tidak dapat menjelaskan kepada rakyat. Ada cuma pada media-media asal. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya *social media* digunakan oleh Penerangan untuk menjelaskan kepada rakyat di sana akan program-program kerajaan yang menjaga semua kepentingan kaum di negara ini.

Satu lagi *point* yang hendak dilihat ialah kalau kita lihat dalam bajet ini ada satu peruntukan pemberian mengikut bilangan orang, peruntukan RM420 juta. Saya dapati pemberian ini yang diberi kepada negeri-negeri, tidak pernah diubah sejak merdeka, iaitu sekitar kalau 32 juta penduduk sekitar RM13 satu kepala. Saya tidak tahu berapa jumlah penduduk sebenarnya.

Jadi sepatutnya pemberian ini ada peningkatan. Selepas merdeka sampai sekarang berapa kos inflasi yang berlaku. Sepatutnya peruntukan pemberian kepada kerajaan negeri untuk bilangan orang ini hendaklah ditingkatkan.

Point terakhir saya ialah dalam pembangunan ini, saya dapati tidak ada keseragaman dalam pembangunan. Saya di Selangor, alhamdulillah pembangunan agak merata di semua daerah di negeri Selangor. Akan tetapi kalau kita pergi ke Sabah dan Sarawak saya dapati sekolah-sekolahnya sangat daif dan uzur sekali. Berapa banyak sekolah yang daif dan uzur di Sabah dan Sarawak dan berapa banyak yang kerajaan boleh bina setiap tahun.

Saya difahamkan ada 1200 sekolah daif di negeri Sarawak. Akan tetapi yang kerajaan mahu bina ialah hanya 30 buah setahun. Hampir 30 tahun hendak siapkan membina sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak. Saya lihat bangunan sekolah mereka yang tidak punya bekalan air yang sempurna, tidak ada bekalan elektrik yang sempurna, guru-guru tinggal di dalam sekolah.

Oleh sebab itulah saya cadangkan supaya diberi perhatian khusus untuk memastikan bahawa anak-anak ini dapat proses pembelajaran yang sempurna di semua tempat. Ini belum kita membincangkan soal penggunaan internet sebab mereka di dalam kawasan pedalaman. Bagaimana anak-anak mereka ini dapat bersaing dengan anak-anak di bandar.

■1550

Dalam bajet ini disediakan bekalan air bersih. Mungkin Yang Berhormat Senator daripada Sarawak boleh jelaskan. Saya dapati kawasan pinggir daripada Kuching sahaja tidak sampai dua jam daripada Kuching, bekalan air bersih pun tidak sempurna. Malangnya setiap kali pilihan raya yang diedarkan ialah tong biru. Saya berada di Sarawak masa pilihan raya kecil, petang hendak

pilihan raya lori bawa tong biru turun. Saya rasa tidak ada makna pada sistem demokrasi, rakyat hanya digula-gulakan dengan tong biru sedangkan Sarawak punya sungai yang banyak.

Bayangkan Sarawak itu kalau tolak Negeri Sembilan seluas semenanjung. Untuk semenanjung sahaja tiap-tiap negeri punya lembaga air sendiri. Maknanya ada 13 lembaga air, di Sarawak berapa banyak? Satu sahaja? Saya cadangkan kena *zoning*, banyakkkan kawasan di Sarawak yang mengawal bahagian air di Sarawak sebab Sarawak tidak ada masalah bahagian air sebab Sarawak ada sungai yang banyak.

Jadi pengurusannya harus di atur, saya rasa kasihan orang Sarawak sudah 60 tahun merdeka tidak mempunyai bekalan air yang teratur.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Berkenaan dengan *water authority* di Sarawak, sekarang ini kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam perbahasan Yang Berhormat nanti ada tidak fasal ini?

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tidak ada. Saya respons sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Jadi pihak berkuasa bekalan air di Sarawak untuk Bandaraya Kuching dan kawasan sekitarnya kita mempunyai Lembaga Air Kuching, untuk kawasan Sibu kita ada Lembaga Air Sibu dan untuk kawasan Miri dan Bintulu kita ada Lembaga Air Kawasan Utara (LAKU). Selain dari itu, kita mempunyai bekalan air disediakan oleh Jabatan Kerja Raya dan sekarang ini kita mempunyai banyak sistem sokongan bekalan air kerana kecanggihan teknologi kita.

Saya rasa kawan kita, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian sendiri pun pernah membuat projek bekalan air bersih di Sarawak. Jadi sebenarnya bekalan air itu sudah bertambah baik, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob kerana prihatin kepada perkara ini.

Memang kalau kita lihat dari segi sungainya memang sungai itu banyak tetapi ada kalanya air sungai itu tidak boleh dijadikan air minuman kerana keadaan sungai kita agak kita katakan *madi* atau berpantai. Kalau kita hendak ambil air sungai itu terus hendak minum tidak boleh tapi kita mempunyai sistem bekalan air yang akan kita buat perancangan. Kerajaan negeri menyediakan RM1 bilion untuk *networking* bekalan air. Kita ada *dam*, kita ada empangan, maka situ kita akan menggunakan sistem bekalan air.

Kerajaan negeri sekarang sedang dalam proses untuk memperbaiki bekalan air bersih di seluruh negeri Sarawak. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk kita memperbaiki sistem bekalan air. *Insyah-Allah* perkara ini akan diperbaiki oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Terima kasih. Saya rasa lepas ini kalau pilihan raya kecil, pilihan raya di Sarawak tidak payahlah hendak edarkan tong biru lagi. *Point* terakhir saya ialah Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun Kelantan dilanda banjir. Ini walaupun saya Selangor tetapi saya prihatin dengan Kelantan ini tiap-tiap tahun Kelantan dilanda banjir dan kemusnahannya berbilion. Akan tetapi saya bangga kerana orang Kelantan dia redha, dia kata ini ujian Allah pada mereka.

Sebagai kerajaan kita bertanggungjawab, saya cadangkan Kerajaan Persekutuan bagi satu dana besar di Kelantan untuk buat *dam* di kawasan Kuala Krai untuk mengawal banjir daripada sungai-sungai di kawasan daripada Kuala Krai yang mengalir turun ke Kelantan. Saya rasa ini boleh mengurangkan jumlah banjir di negeri Kelantan dan saya faham Kelantan tidak mampu hendak bina *dam* iaitu Persekutuan kena bantu rakyat Kelantan. Kita kena bezakan walaupun berbeza pandangan politik tetapi untuk rakyat kita kena tetap bersama dan dengan itu juga air ini boleh digunakan untuk bekalan air di negeri Kelantan.

Saya cadangkan supaya dibantu kerajaan Kelantan ini memastikan bahawa satu *dam* besar dibina di hulu Kelantan untuk memastikan tidak ada kemusnahan banjir di Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, sila.

3.55 ptg.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan perbincangan saya berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dengan merujuk kembali kepada peruntukan tahun ini, peruntukan tahun 2019. Peruntukan tahun ini mengurus RM259.8 bilion dan pembangunan RM56 bilion, jumlah RM316.5 bilion.

Peruntukan tahun ini ialah RM241.02 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM58 bilion untuk pembangunan. Pertama kali Tuan Yang di-Pertua, saya selama lima tahun campur satu tahun di Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ini pertama kali saya lihat peruntukan belanjawan menurun sedikit. Ini yang dikatakan Yang Berhormat Dato' Kesavadas tadi, ada

peruntukan ataupun perbelanjaan berhemah. Ini kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membuat penjimatan dari aspek perbelanjaan.

Tahun 2019, tahun ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin tanggungjawab itu untuk memenuhi keperluan Buku Harapan yang ditandatangani sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengandungi lima teras, 60 janji dan lima iltizam. Termasuk iltizam berhubung masyarakat India sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Kesavadas. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tuntutan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, oleh kerana beliau telah menandatangani 60 janji dengan lima iltizam tetapi tidak ada tuan punya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin terlepas pandang untuk mengarahkan kementerian-kementerian mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan janji-janji yang telah disenaraikan di sini. Maka sebab itu kita lihat rakyat bersuara oleh kerana kerajaan gagal memenuhi janji-janji di dalam Buku Harapan ini. Akibatnya penangan KO di Tanjong Piai, kehilangan 15,000 undi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2020 beban kerajaan bukan saja Buku Harapan ditambah dengan Kertas Putih Pertahanan, ditambah pula dengan WKB 2030. Ini merupakan tanggungjawab kerajaan untuk memenuhi keperluan-keperluan yang digariskan di ketiga-tiga buku ini. Maka sebab itu saya harap kementerian-kementerian merujuk benar-benar kepada buku ini... [*Menunjukkan buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020*] Buku peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat, *insya-Allah* Dewan Negara pun kita akan luluskan. Apa yang tidak seronoknya Tuan Yang di-Pertua saya lihat Menteri-menteri lupa merujuk kepada buku ini. Selepas dibentangkan di Dewan Rakyat mereka tidak merujuk kepada buku ini.

Oleh sebab itu kita lihat ada kementerian-kementerian dia buat lain daripada apa yang dicatatkan dalam buku ini. Maka sebab itu pada petang ini saya ingin mengingatkan kepada Menteri-menteri supaya peluk buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 ini untuk perbelanjaan tahun depan. Jadi mudah-mudahan dengan cara itu kita dapat memenuhi keperluan Buku Harapan, memenuhi keperluan Kertas Putih dan juga memenuhi keperluan buku Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan RM4 bilion, RM4 bilion lagi untuk perbelanjaan mengurus. Saya ingin tahu sebanyak mana peruntukkan yang digunakan untuk memenuhi ketiga-tiga buku yang saya telah tunjukkan tadi Tuan Yang di-Pertua khususnya Buku Harapan, 60 manifesto yang kita telah janjikan dan lima iltizam yang telah kita paparkan di dalam buku tersebut.

Kementerian Luar Negeri mungkin kita setuju dengan peruntukan RM724 juta akan tetapi mungkin tidak ada keperluan untuk memenuhi Buku Harapan ataupun melalui manifesto yang telah kita janjikan.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia merupakan kementerian yang bertanggungjawab kepada iltizam yang telah kita gariskan di dalam Buku Harapan, yakni berhubung dengan warga FELDA. Rakyat setakat ini tidak merasa apa-apa, warga FELDA tidak merasa apa-apa daripada aktiviti yang telah dilakukan tahun lepas dan setahun sebelumnya. Maka dengan ini saya ingin mencadangkan kepada kementerian, FELDA, jika benar-benar kita ingin menolong warga FELDA, kita hapus kira hutang warga FELDA 50 peratus pada tahun depan. Baru rakyat, warga FELDA akan rasa ini langkah-langkah kerajaan untuk membantu warga FELDA. Jika tidak Tuan Yang di-Pertua, warga FELDA akan terus berhutang sehingga akhir hayat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Kementerian Industri Utama kita apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Silakan Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Industri Utama diperuntukkan dengan RM259 juta. Saya tidak ada masalah untuk menyokong supaya diluluskan oleh kerana kementerian ini sibuk dengan kempen-kempen untuk memastikan harga sawit meningkat dan terbukti sekarang harga sawit telah meningkat. Akan tetapi warga FELDA, peladang-peladang sawit masih mengalami keperitan harga sawit yang terlalu rendah sebelum ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita sokong supaya peruntukan RM3.53 bilion diluluskan. Ini merupakan aktiviti harapan rakyat supaya keselamatan makanan boleh dipastikan oleh kementerian ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita tidak ada masalah untuk meluluskan RM3.19 bilion begitu juga dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang diperuntukkan RM1.276 bilion. Kita diuar-uarkan bahawa kementerian ada mengutarakan untuk menaikkan tarif

air. Ini merupakan satu lagi bebanan kepada rakyat. Jadi kita ingin ingatkan kepada kementerian jika ingin mendapat sokongan rakyat, jangan naikkan tarif air di negara, *insya-Allah*.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa RM877 juta, kita sokong untuk diluluskan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, RM1.1 bilion ini juga rakyat tidak melihat apakah aktiviti-aktiviti yang telah benar-benar membantu rakyat. Kita lihat harga minyak khususnya petrol RON95, RON97 tidak membantu rakyat untuk mengurangkan beban. Maka dengan sebab itu, saya ingin mencadangkan kementerian supaya berusaha bersungguh-sungguh supaya harga RON95 tidak melebihi RM2.

Berbalik kepada Kementerian Perdagangan dan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK), sebagaimana saya katakan tadi kita hendak melihat bahawa kementerian ini boleh berusaha untuk memastikan harga minyak tidak melebihi RM2. Ini jika berlaku ia merupakan usaha kerajaan untuk membantu rakyat meringankan beban sara hidup.

Seterusnya Kementerian Pembangunan Usahawan, RM214 juta diperuntukkan kepada kementerian ini. Ini merupakan satu kementerian yang saya ingin tegur. Oleh kerana di dalam manifesto, di dalam Buku Anggaran Belanjawan tidak pun mencatatkan bahawa kita memerlukan kereta terbang, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak perlukan kereta terbang pada masa ini. Mengapa Kementerian Pembangunan Usahawan ini sibuk dengan menguruskan kereta terbang. Sedangkan peruntukan kementerian setakat RM214 juta, Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu saya ingin mengingatkan kepada kementerian inilah buka lah balik Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 ini, dilihat ada visi, ada misi, ada pelanggan dia. Pelanggan dia untuk kereta terbang siapa ini? Tidak adapun dia sebut dalam itu langgan kereta terbang. Maka sebab itu saya ingin menyarankan supaya kementerian ini tumpukan kepada peningkatan kemampuan usahawan-usahawan di negara ini.

Seterusnya Kementerian Kerja Raya. Ini rakyat melihat Kementerian Kerja Raya gagal membantu rakyat khususnya dalam mengurangkan harga tol ataupun kos tol. Oleh sebab itu sebelum ini saya pernah mencadangkan untuk dilihat kerajaan berusaha untuk mengurangkan harga tol ataupun tidak pun menghapuskan tol. Adalah pengurangan harga tol. Kalau daripada sini ke JB RM25, saya kata turunkan kepada RM20. Jadi ada gara-gara kerajaan untuk menurunkan harga tol. Maka dengan sebab itu, kita harap ia mengurangkan beban rakyat dalam menangani kos perjalanan khususnya dalam masa cuti ataupun dalam waktu-waktu yang lain.

Kementerian Pengangkutan, RM1.758 bilion. Memang kita boleh cakap *well done* atau tahniah kepada Kementerian Pengangkutan. Segala aktiviti-aktiviti dia benarkan kepada rakyat melakukannya akan tetapi dengan kos. Kalau hendak *tinted glass* boleh, kita larang rakyat tetap hendakkan *tinted glass* warna hitam akan tetapi Kementerian Pengangkutan ini cerdik, dia kata

kalau hendak bayar RM5,000 satu tahun, kalau sanggup silakan. Itu merupakan satu kaedah yang bijak. Akan tetapi kalau boleh *road tax* ataupun cukai jalan kita mohon supaya Kementerian Pengangkutan pertimbangkan diturunkan seberapa banyak yang bolehlah bagi mengurangkan beban rakyat dalam menangani ataupun menguruskan kenderaan masing-masing. Walaupun cukai motosikal RM2, akan tetapi nilai insuransnya agak tinggi. Ini sungguh membebankan. Dengan itu kita mohon Kementerian Pengangkutan dengan peruntukan RM1.758 bilion ini dapat membantu sedikit kepada pengguna-pengguna kenderaan khususnya motosikal.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim diperuntukkan sebanyak RM746.4 juta. Ini kita tidak mempunyai masalah dan kita hargai usaha-usaha kerajaan dalam menangani keperluan tenaga elektrik. Akan tetapi rakyat akan terasa jika kerajaan ada ura-ura untuk menaikkan tarif elektrik. Maka sebab itu kita mohon supaya kementerian berusaha dan bekerja keras untuk mengelakkan harga tarif ataupun tarif elektrik dinaikkan. Sedangkan kita tahu pada waktu ini harga minyak tidak naik, harga arang batu tidak naik, kita tidak faham sekiranya kerajaan bercadang untuk menaikkan tarif elektrik.

Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya diperuntukkan sebanyak RM921.9 juta. Kita tidak ada masalah untuk menyokongnya akan tetapi di sini ada satu permintaan, yakni saya ingin merujuk kepada Kementerian Pelancongan mengenai bantuan dana untuk penggiat seni atau persatuan seni di Malaysia. Untuk pengetahuan kementerian, saya pernah bertanya soalan tambahan di dalam Dewan ini pada Khamis 6 Disember 2018 iaitu Mesyuarat Ketiga tahun lepas, di mana saya ada mencadangkan mengenai penganjuran Festival Gambus Antarabangsa pada tahun 2019.

Pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan bersetuju di dalam Dewan untuk menganjurkan Festival Gambus di bawah Pertubuhan Gambus Malaysia pada tahun 2019.

■1610

Rentetan dari cadangan itu, satu mesyuarat telah diadakan di kementerian di antara Pertubuhan Gambus Malaysia dan pegawai kementerian. Mesyuarat itu diadakan pada hari Jumaat, 15 Februari tahun ini. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) serta Dr. Tan Awang Besar dari Bahagian Dasar Kebudayaan.

Sekarang ini, kita telah sampai penghujung tahun 2019 dan festival ini masih belum dapat dianjurkan. Saya faham perkara ini mungkin disebabkan masalah kewangan dan faktor-faktor lain. Saya di sini bukan hendak menyalahkan mana-mana pihak. Cuma, saya sarankan kementerian di bawah agensi kebudayaan untuk mengadakan pertemuan semula dengan

Pertubuhan Gambus Malaysia dan dapat menganjurkan Festival Gambus Antarabangsa pada tahun 2020.

Ini sesuai diadakan pada tahun 2020 kerana bertepatan dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang kementerian ini bakal menerima RM1.1 bilion untuk meneruskan program dan aktiviti sempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Saya mohon kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri untuk menangani masalah yang telah dibangkitkan.

Seterusnya, Kementerian Wilayah Persekutuan. RM364.9 juta. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Wilayah bekerja keras untuk membangunkan Kampong Bharu. Kita ucapkan tahniah kepada beliau yang telah bersusah payah dan memastikan projek ini dapat berjalan walaupun peruntukan kementerian ini setakat RM364 juta sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, RM17.4 juta. Tidak ada masalah, kita boleh sokong.

Kementerian Kesihatan. Peruntukan yang paling banyak diterima oleh kementerian ini iaitu RM27.9 bilion. Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan kementerian ini merupakan kementerian yang boleh menyatupadukan rakyat. Ini kalau kita lihat- saya ingin mengajak ini ada yang rasis ini, Tuan Yang di-Pertua. Pemimpin-pemimpin politik, pemimpin-pemimpin NGO yang sangat rasis yang kerjanya hendak melagakan kita antara Melayu, Cina, India dan seterusnya.

Kita ajak mereka pergi ke hospital, kita lihat di ICU, siapa yang sakit? Siapa yang merawat, siapa yang menjaga? Sedangkan orang yang bercakap ini, yang rasis ini, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak buat perkara-perkara tersebut. Kita lihat orang India yang sakit, mungkin anak-anak dia pun dah susah hendak bela, yang jadi jururawat kebanyakannya orang Melayu. Tolong bela, tolong uruskan, tolong jaga. Ini merupakan satu aktiviti perpaduan yang kita boleh lihat di hospital-hospital negara kita.

Maka sebab itu, orang-orang yang sangat rasis ini, Tuan Yang di-Pertua, yang terlalu menguar-uarkan berhubung masalah bangsa atau pun ras ini, kita minta dia pergi melawatlah hospital. Bukan ICU sahaja tetapi wad-wad biasa. Kita lihat bagaimana kita menolong antara satu sama lain demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diperuntukkan dengan RM2.78 bilion. Ini kita lihat memang kementerian ini agak aktif dengan menyediakan perumahan-perumahan dan menyelesaikan masalah-masalah rakyat. Kita harap dengan peruntukan yang diberi, kementerian ini akan terus membantu rakyat dalam menangani masalah perumahan di negara.

Seterusnya, Kementerian Belia dan Sukan. Tuan Yang di-Pertua, ini lagi satu kementerian yang saya beranggapan boleh menyatupadukan rakyat. Kita hendak rujuk lagi kepada kumpulan-

kumpulan rasis ini. Kita lihat apa yang berlaku di Manila sekarang. Siapa yang sedang berjuang di Manila? Ada Melayu, ada India, ada Cina. Kita tengok siapa yang bertanding, siapa yang melatih, siapa yang merawat, siapa yang- ini merupakan perpaduan Malaysia yang ditunjukkan di negara Filipina.

Maka, sebab itu saya ingin mengingatkan kepada pihak-pihak yang sangat rasis ini, tidak kira Melayu, India, Cina, Kadazan kah, *Sarawakian* atau *Sabahan*, cuba kita lihat bagaimana rakyat Malaysia berinteraksi, tolong-menolong antara satu sama lain. Maka, sebab itu, selepas ini kita tidak usah cerita pasal Melayu, India, Cina. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB30), disebut di sini, "*Bersama*". Maka sebab itu, kita harapkan segala aktiviti yang kita buat, kerajaan lakukan adalah untuk semua, bukan untuk satu kaum sahaja.

Sebagaimana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Yaakob tadi, memang benar, kita tidak boleh- kumpulan-kumpulan rasis yang mengatakan Melayu dipinggirkan ini, Melayu diasingkan adalah tidak benar, oleh kerana kerajaan sentiasa melihat kepada semua kaum, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang diperuntukkan RM1.1 bilion. Kita mengharap- sistem komunikasi yang tertinggi ialah 5G yang sekarang ini diuji di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur. Ini merupakan aktiviti untuk menyahut cabaran industri revolusi 4.0 atau IR 4.0. Maka sebab itu, kita setuju dengan kerja-kerja ataupun aktiviti yang dilakukan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. RM1.1 bilion mungkin tidak ada masalah untuk kita sokong dan kita luluskan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang diperuntukkan dengan RM2.2 bilion. Berbahagialah kaum wanita oleh kerana telah diperuntukkan dengan peruntukan yang agak lumayan.

Kementerian Pertahanan yang diperuntukkan sebanyak RM12.496 bilion. Saya percaya peruntukan ini juga telah diambil kira untuk keperluan menampung aktiviti-aktiviti yang telah dibentangkan melalui Kertas Putih Pertahanan, Tuan Yang di-Pertua. Kita harap juga supaya Kementerian Pertahanan memikirkan untuk mendapatkan peruntukan untuk Majlis Angkatan Tentera. Oleh kerana Majlis Angkatan Tentera dalam Artikel 137, Perlembagaan Persekutuan, setaraf dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mempunyai peruntukan khas sebagaimana disenaraikan di dalam Buku Anggaran Belanjawan 2020 dan sebelumnya, maka sebab itu saya cadangkan supaya Kementerian Pertahanan memikirkan untuk memohon peruntukan bagi mengendalikan Majlis Angkatan Tentera.

Saya ingin mengetahui peruntukan sebanyak RM12 bilion ini, ia merupakan peruntukan belanja mengurus. Akan tetapi, Kementerian Pertahanan juga ada diperuntukkan dengan

peruntukan pembangunan. Saya ingin tahu, berapa banyak peruntukan digunakan tahun hadapan untuk membayar kos pembelian helikopter, kos pembelian *littoral combat ship* dan kos pembelian kereta perisai canggih Angkatan Tentera Malaysia atau dipanggil *8x8 anti armored car* bagi tahun 2020? Ini kerana kita lihat projek pembinaan kereta perisai ini telah tertangguh yang telah dibina oleh DRB Hicom. Untuk itu, saya mohon Kementerian Pertahanan supaya memberi pencerahan berhubung projek ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri diperuntukkan sebanyak RM138 bilion. Kita tidak ada masalah untuk menyokongnya. Cuma, saya pohon supaya siasatan-siasatan yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri dilihat adil kepada semua. Jangan ada yang cepat keluar keputusannya dan ada yang tertunggu-tunggu kita akan hasil siasatan. Saya tidak hendak sebutkan secara spesifik tetapi mungkin kementerian faham dan saya harap kementerian dapat memberi pencerahan mengapa sesuatu siasatan atau kes itu dilihat tertangguh keputusannya, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan. Sekali lagi, anak muda melihat tiada bantuan atau pun peringanan beban dibantu oleh Kementerian Pendidikan.

■1620

Maka sebab itu pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan menghapus kira hutang PTPTN 50 peratus kepada semua penghutang-penghutang yang disenaraikan di dalam senarai penghutang PTPTN. Maka saya percaya dengan itu, kerajaan boleh mendapat sokongan daripada anak muda dan kita faham pada tahun 2023 anak muda akan membuat pemilihan. Tambahan 7.6 juta pemilih akan didaftarkan pada tahun 2023 dan kita harap kerajaan akan mengambil pertimbangan serius dalam perkara-perkara yang boleh meringankan beban penghutang khususnya anak muda dan juga peneroka FELDA ataupun pengusaha ataupun peladang kelapa sawit.

Dengan itu juga Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid. Terima kasih banyak-banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, dipersilakan.

4.21 ptg.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk ikut serta pada hari ini dalam perbahasan mengenai Rang Undang-

undang Belanjawan 2020, yang mana yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober yang lalu dan pagi ini saya mengucapkan bagi pihak Dewan juga, rakan-rakan saya dalam Dewan merakamkan penghargaan, setinggi-tingginya kepada Menteri Kewangan sendiri yang telah membentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini.

Belanjawan ini adalah satu belanjawan yang mana Menteri Kewangan mencadangkan dan memohon kelulusan Dewan ini untuk satu peruntukan sejumlah RM297 bilion, secara keseluruhannya iaitu RM241 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan ini dibentangkan dengan tema untuk Memacu Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama ke Arah Kemakmuran Bersama iaitu satu wawasan yang dilancarkan oleh kerajaan baru-baru ini untuk kita meneruskan kelangsungan negara kita dalam satu keadaan yang aman, makmur dan rakyat hidup sejahtera. Maka sama-samalah kita mengharapkan bahawa belanjawan ini merupakan satu landasan, satu belanjawan yang pertama sekali diumumkan oleh kerajaan setelah kerajaan melancarkan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Ada beberapa isu yang telah di- ataupun beberapa aspek yang telah dibentangkan di dalam belanjawan ini dan saya cuba membincangkan isu-isu ini dengan seberapa yang boleh yang mungkin isu-isu ini ataupun aspek-aspek yang disentuh di dalam belanjawan ini agar memberi manfaat kepada rakyat dan juga kepada negara kita.

Satu perkara yang dekat di hati saya ialah isu perumahan, yang mana kerajaan telah memperincikan dalam belanjawan ini beberapa perkara bagi membantu rakyat kita untuk memiliki rumah ataupun untuk membaiki rumah seperti Skim *Rent-To-Own*, Skim Perumahan Belia, baik pulih rumah berstrata kos rendah dan sederhana, baik pulih rumah perumahan rakyat. Termasuk juga satu perkara yang saya fikir perlu di fikir dengan lebih teliti ialah kebenaran kepada warga asing yang boleh membeli rumah yang tidak terjual pada masa ini di mana harga rumah itu melebihi RM600 ribu.

Jumlah RM600 ribu kalau kita *convert* kepada Dolar Singapura lebih kurang SGD200. Warga asing sudah boleh membeli rumah yang tidak mampu dibeli oleh rakyat Malaysia pada masa ini. Dianggap rumah yang tidak terjual. Jadi saya rasa had ini adalah begitu rendah. Mungkin kerajaan ada rasionalnya meletakkan had ini tetapi saya berharap supaya kerajaan boleh meningkatkan lagi had pembelian ini. Persoalan saya kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diterangkan di Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah keseluruhan rumah berharga RM600 ribu ke atas yang tidak dapat dijual, yang tidak mampu dibeli oleh rakyat Malaysia, yang ada pada masa ini?

Berapakah jumlah, *range* ataupun julat harga rumah-rumah ini? Misalnya harga rumah daripada RM600 ribu kepada RM800 ribu berapa yang tidak terjual. Daripada RM800 ribu hingga RM1 juta berapa unit rumah yang tidak terjual dan seterusnya daripada RM1 juta ke atas berapa unit yang masih tidak dapat mampu dibeli oleh rakyat Malaysia. Perkara ini tidak di jelas dan belum ada detil yang sejelas-jelasnya tentang angka-angka mengenai unit-unit rumah yang tidak dijual. Ini termasuk juga di manakah lokasi-lokasi rumah-rumah ini. Adakah di negeri-negeri di Pantai Timur, di Kuala Lumpur, di Pantai Barat, di utara, di selatan, di Sabah ataupun di Sarawak?

Jadi lokasi-lokasi ini pun kita ingin mengetahuinya. Ini kerana kalau ia terletak di Sarawak misalnya, kalau ada warga asing hendak membeli rumah di negeri Sarawak misalnya, apakah negeri Sarawak yang mempunyai kuasa autonomi ke atas Imigresen boleh mengenakan syarat-syarat yang tertentu pada warga asing kalau mereka hendak membeli rumah di negeri Sarawak. Ini perlu diperincikan juga. Kalaulah harga rumah di negara kita ini begitu mahal sekali, sebab penentuannya adalah kepada faktor pasaran, lokaliti, tanah, pembangunan di sekitarnya dan ini semua menentukan harga rumah yang hendak dijual. Akan tetapi ada juga saya mendengar berita bahawa ada pemilik-pemilik tanah tempatan hendak membuat satu *joint venture* ataupun kita katakan usaha sama katakanlah dengan pemaju-pemaju asing dari luar negara kita.

■1630

Katakan daripada negara China yang dikatakan boleh mampu membuat rumah dengan harga yang agak berpatutan yang boleh dan mudah dimiliki oleh rakyat negara kita. Apakah kerajaan membenarkan pemilik tanah membuat satu usaha sama dengan pemaju-pemaju asing untuk membuat *housing development* di negara kita ini?

Mungkin dasar ini perlu di-*announce* ataupun dihebahkan oleh kerajaan. Adakah ia dibenarkan? Apakah pendirian kerajaan kalau berlakunya perkara seperti ini? Juga, di bawah kementerian yang sama, di bawah bajet ini, saya melihat ada satu *item* yang disebut sebagai inisiatif untuk Program Bandar Selamat. Saya cukup prihatin tentang konsep bandar selamat dan soalan saya ialah berapa ramai jumlah Jawatankuasa Bandar Selamat yang telah diwujudkan oleh penduduk dengan kerjasama majlis berkuasa tempatan di negara kita pada masa ini? Apakah- kalau saya tidak silap, peruntukan sebanyak RM15 juta dalam belanjawan ini akan memanfaatkan atau dimanfaatkan di bawah inisiatif Bandar Selamat. Macam mana peruntukan ini akan digunakan oleh kementerian ini untuk menghidupkan ataupun *activate*-kan Jawatankuasa-jawatankuasa Bandar Selamat?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh soal kesihatan yang ada juga disebut di dalam belanjawan ini. Saya difahamkan ada satu cadangan sebanyak RM16 bilion untuk membina hospital baharu dan menaiktarafkan hospital yang sedia ada. Jadi, dalam hal ini, saya merujuk

kepada pembinaan Hospital Petra Jaya, Kuching Sarawak. Ini orang kata hospital sakit. Projek sakit, hospital sakit kerana sudah tergendala begitu lama dan menjadi bualan kami di sana. Bila lagi hospital itu akan siap?

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah, status pembinaan Hospital Petra Jaya, Kuching sekarang ini? Sudahkan Surat Setuju Terima kepada kontraktor baharu yang telah dipilih menerusi sistem tender terbuka? Adakah ia sudah dikeluarkan dan adakah kerjanya sudah dimulakan? Adakah di dalam cadangan belanjawan ini ada satu peruntukan RM1.6 bilion. Adakah ia juga termasuk untuk menyiapkan Hospital Petra Jaya, Kuching?

Ini yang mana setelah di tender baru-baru ini, harganya telah meningkat kepada RM610.65 juta. Adakah kos yang peningkatan kosnya dimasukkan di dalam RM1.6 bilion ini? Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya dari jumlah, saya difahamkan, RM590 juta untuk menambah bilangan ambulans NGO, ambulans kegunaan NGO. Maka, saya memohon dan meminta Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberikan keutamaan juga kepada NGO-NGO di Sarawak yang memerlukan juga tambahan ambulans-ambulans seperti ini. Sudah tentulah seperti Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Persatuan St. John Ambulans dan sebagainya.

Saya harap – dan juga ada juga NGO-NGO yang lain yang memerlukan ambulans. Maka, harap diberi pertimbangan. Saya juga memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya memberikan keutamaan kepada negeri Sarawak untuk mendapat klinik bergerak di luar bandar. Bagi kita di Sarawak, tadi saudara Yang Berhormat Dr. Yaakob bin Sapari kata kita banyak sungai. Selain daripada klinik bergerak, kita juga perlu bot kesihatan bergerak dan juga kita meminta perkhidmatan doktor udara di Sarawak diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang belanjawan Kementerian Dalam Negeri. Beberapa projek yang saya rasa perlu diberikan perhatian oleh Kementerian Dalam Negeri khususnya di bawah pihak Polis Diraja Malaysia perlulah diberi perhatian kepada negeri Sarawak. Pertama sekali, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Berapakah jumlah balai polis yang baharu yang akan dibina ataupun dibaik pulih termasuk juga kuarters-kuarters kediaman polis di Sarawak di bawah belanjawan ini?

Adakah Polis Diraja Malaysia meneruskan satu perancangan untuk mewujudkan sebuah daerah pentadbiran polis untuk kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara? Ini sebab, di Bandaraya Kuching, kita ada dua buah autoriti bandar raya. Bandaraya Kuching Selatan dan Bandaraya Kuching Utara. Jadi, saya memohon supaya pertimbangan yang serius untuk kita

mewujudkan daerah polis untuk Bandaraya Kuching Utara supaya kita dapat menambah *efficiency* perkhidmatan Polis Diraja Malaysia khususnya untuk Bandaraya Kuching.

Kita juga meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah terkini status pembinaan balai polis baharu untuk kawasan Matang, Kuching, Sarawak kerana kita tahu bahawa kerja-kerja awalan penimbunan tanah dan sebagainya, tendernya sudah pun di-*award* kepada sebuah syarikat. Sejauh manakah *progress* pembinaan awal untuk balai polis baharu di kawasan Matang, Kuching?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga tentang soal imigresen. Kecekapan imigresen dan sebagainya di negara kita. Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2, pelancong-pelancong dari China dan India, mempunyai jumlah yang tertinggi yang melanggar permit lawatan dan tinggal di Malaysia iaitu *overstayed* di antara tahun 2016 dan tahun 2018. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menjelaskan di dalam Dewan ini, apakah sebab berlakunya perkara ini dan apakah sistem pengesanan dan rekod kita mengenai urusan keluar masuk pelawat di negara ini perlu dikemaskinikan? Sistem penguatkuasaan yang lebih ketat dan lebih canggih lagi perlu kita gunakan.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga Jabatan Imigresen Malaysia supaya mengambil tindakan tegas ke atas pelawat-pelawat yang *overstayed* ini dan membawa mereka ke muka pengadilan.

■1640

Kita mengalu-alukan kedatangan pelawat-pelawat ke negara kita ini tetapi pelawat-pelawat itu mesti menghormati dan mematuhi undang-undang negara kita. Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh juga di dalam perbahasan saya ialah berkenaan dengan aset-aset Tabung Haji di Sarawak.

Ada laporan menyatakan bahawa Lembaga Tabung Haji mencatatkan prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik bagi suku ketiga dan sembilan bulan pertama tahun 2019 dipacu oleh strategi pengurusan yang mampan serta langkah pengurusan secara berhemah dan persoalan saya di sini ialah apakah kedudukan aset-aset Tabung Haji yang telah diletakkan di bawah syarikat SPV. Sekiranya kedudukan kewangan Tabung Haji telah boleh diperkukuhkan, apakah kedudukan aset-aset ini?

Berapakah jumlah aset Tabung Haji di Sarawak yang telah diletakkan di bawah syarikat SPV dan berapakah nilainya?

Ketiga ialah apakah status hotel dan kompleks Tabung Haji di Kuching Sarawak yang berhadapan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Banyak cakap-cakap mengapakah bangunan itu terbiar begitu saja. Adakah ia diletak di bawah SPV ataupun sudah

dipindah milik, dibeli, dijual kepada pihak yang lain. Jadi, mohon pihak Lembaga Tabung Haji menerusi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara ini. Dahulu waktu diberhentikan pekerja-pekerja ini, apakah nasib pekerja-pekerja yang telah diberhentikan? Adakah mereka telah dibayar pampasan ataupun adakah Kementerian Sumber Manusia telah mengambil apa-apa tindakan bagi memastikan bahawa kebajikan pekerja-pekerja ini telah dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu Tanah Persekutuan di Sarawak, *Federal Land issues*. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan jumlah tanah di bawah nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ataupun *Federal Land Commissioner* yang telah dipindah milik oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembangunan awam tetapi belum lagi dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan. Apakah kalau tanah-tanah ini tidak dimajukan ataupun dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, apakah boleh kalau ada pihak-pihak tertentu untuk menggunakan tanah ini untuk tujuan awam juga.

Misalannya, ada orang kata AirAsia berminat untuk menubuhkan lapangan terbang tambang murah di Kuching bagi mengerat, bagi menambahkan lagi *connectivity* udara di Sarawak. Apakah kalau ada Tanah Persekutuan, saya difahamkan ada satu tanah yang diletak sebagai yang dahulunya rancangan ialah, disebut sebagai Tanah 2020 diserahkan oleh kerajaan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan yang disebut sebagai FAC- *Federal Administrative Center*. Adakah kalau tanah seperti itu boleh di *develop* sebagai lapangan terbang murah LCCT untuk mana-mana syarikat penerbangan bagi membuat *second airport* dan sebagainya. Ini pandangan saya sahaja.

Jadi, apakah pendirian Kerajaan Persekutuan kalau tanah-tanah seperti ini tidak dibangunkan? Apakah ada boleh dibuat *joint venture* dengan di antara Kerajaan Persekutuan, mungkin boleh jadi kerajaan negeri dan juga pihak yang lain untuk membuat sesuatu pembangunan awam yang lebih berguna untuk negeri Sarawak dan juga untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat satu aspek yang hendak saya sentuh di dalam perbahasan ini ialah peruntukan pembangunan untuk negeri Sarawak yang mana pada tahun ini telah diumumkan bahawa peruntukan pembangunan untuk negeri Sarawak adalah sebanyak RM4.4 bilion. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan di Dewan ini, apakah bentuk pembangunan yang akan dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan sejumlah RM4.4 bilion ini. Minta di-*itemize*-kan satu persatu apakah bentuk-bentuk pembangunan, projek-projek pembangunan di jalankan.

Ini kerana sebelum peruntukan ini, Belanjawan 2020 ini, dalam Belanjawan 2019 pun telah diumumkan bahawa Sarawak diperuntukkan pembangunan sebanyak RM4.3 bilion di bawah Belanjawan tahun 2019. Saya pernah bertanya tentang perkara ini dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan bahawa setakat pada 30 Jun tahun 2019 peruntukan pembangunan di bawah Belanjawan 2019 untuk negeri Sarawak hanya sebanyak RM800 juta sahaja yang baru dibelanjakan daripada peruntukan sejumlah RM4.3 bilion. Untuk setengah tahun kita hanya dapat membelanjakan sebanyak 18 peratus daripada peruntukan itu. Jadi, apakah kalau setakat pada 30 November tahun ini, berapakah yang dapat kita belanjakan? Setakat pada 30 Jun hanya sebanyak 18.7% dibelanjakan peruntukan itu. Hingga pada 30 November, berapakah yang boleh kita belanjakan?

Bahkan kalau kita lihat Belanjawan 2018, sejumlah RM4.3 bilion telah di peruntukan tetapi kalau saya tidak silap ada angka-angka yang saya peroleh hanya sejumlah RM2.77 bilion sahaja yang dibelanjakan. Diumumkan sejumlah RM4.3 bilion, dibelanjakan hanya sebanyak RM2.77 bilion ataupun bersamaan dengan sebanyak 64 peratus. Jadi, kalaulah tiap-tiap tahun kita di peruntukan sekian jumlah tetapi perbelanjaan kita tidak mencapai sebanyak 100 peratus, kita belanja sebanyak 60 peratus atau 70 peratus.

■1650

Kalau ini berlarutan, maka ia akan memperlahankan tempoh pembangunan. Bukan sahaja di negeri Sarawak, tetapi di mana-mana negeri di Malaysia. Jadi, bila rakyat mendengar kerajaan mengumumkan kita diberi peruntukan katakan RM4.4 bilion, rakyat kata banyak duit. Sejumlah RM4.4 bilion diperuntukkan, tetapi akhirnya kita hanya belanja RM2.7 bilion. Kita kekurangan 36 peratus.

So, kalau begini rupa tempoh pembangunan yang kita buat, maka sudah tentu rakyat fikir duit peruntukan banyak, tetapi mengapa projek tidak ada. Timbullah sangkaan-sangkaan yang lain yang negatif dan bukan-bukan terhadap kerajaan, terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan.

Jadi, kita perlu *check* mengapa trend perbelanjaan kita sebegini. Adakah *shortfall* ini, misalannya kalau negeri Sarawak, kita diperuntukkan RM4.3 bilion. *Last*-nya, kita hanya belanja RM2.7 bilion. *Shortfall*-nya, kekurangannya adalah RM1.6 bilion. Mana pergi duit ini? Dipindahkan ke tempat lain untuk pembangunan yang lain ataupun ditarik balik, tidak boleh dibelanjakan?

Jadi, saya rasa mesti ada satu mekanisme di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa peruntukan yang diagihkan untuk Sarawak ataupun negeri-negeri lain mestilah dibelanjakan *up to the maximum capacity* kita. Kalau kita diberi RM4.3 bilion, kita hanya dapat belanja RM2.7 bilion, *shortfall* RM1.6 bilion, mana pergi *RM1.6 billion*? Ditarik

balik ataupun dipindahkan ke tempat-tempat lain? Jadi, ini menjadi tanda tanya kepada kita. Saya harap Menteri Kewangan boleh menjelaskan kepada kita tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikitlah tentang perkembangan pendidikan di negeri Sarawak, tidak lain dan tidak bukan ialah tentang hospital, *teaching hospital* UNIMAS. Kita tahu bahawa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Malaysia Sarawak telah ditubuhkan sejak tahun 1995. Sebenarnya UNIMAS menubuhkan apa disebut sebagai *City Campus*. Satu bangunan dibina berdekatan dengan Hospital Umum Sarawak- *Sarawak General Hospital*, iaitu dijadikan sebagai *City Campus*.

Dalam pada tahun lepas, Menteri Pendidikan menyatakan dalam Dewan ini bahawa kerajaan telah bersetuju untuk membina sebuah hospital pengajar- *the teaching hospital* untuk Universiti Malaysia Sarawak. Saya rasa UNIMAS ditubuhkan dalam awal tahun 1990-an, sehingga sekarang ini belum ada *teaching hospital*-nya sendiri. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri Pendidikan, apakah di dalam belanjawan ini ada termasuk peruntukan-peruntukan awal untuk memulakan pembinaan *university hospital* untuk UNIMAS?

Ini kerana saya rasa, itu penting kerana *medical student*-nya bertambah dan perlu satu *teaching hospital*-nya sendiri. Sekarang ini yang membuat praktikal, mereka terpaksa ada di hospital besar Sarawak, Sarawak General Hospital. Kalau ada *teaching hospital* dia sendiri, maka sudah tentulah perkara ini akan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu pasti di dalam bajet ini, bahkan sekarang ini pun kita jarang mendengar bahawa subjek mengenai landskap dibahaskan ataupun menjadi satu perkara yang diberi penekanan di negara kita. Jadi saya hendak bertanya, apakah di bawah belanjawan ini, berapakah diperuntukkan kepada Jabatan Landskap Negara? Ini sebab pada suatu ketika dahulu, kita mempunyai satu wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai *a garden state, a garden nation*, satu negara taman. Ini kerana kalau kita lihat *recommendation* daripada *Forest Research Institute Malaysia* dalam tahun 2014, mereka pernah menyarankan supaya kerja-kerja *conservation* dan pengurusan mampan bagi kawasan hijau di negara ini dipertahankan supaya Malaysia menjadi negara taman- *garden nation*, menjelang 2020.

Apakah Malaysia- beberapa hari lagi kita melangkah ke tahun 2020, apakah Malaysia telah dijadikan sebagai sebuah *garden nation*, sebuah negara taman? Berapakah peruntukan yang ada kepada Jabatan Landskap Negara untuk diagihkan kepada kerajaan negeri dan juga kepada pihak berkuasa tempatan yang memainkan peranan untuk mewujudkan *landscape project* dan sebagainya bagi negara kita? Ini kerana kita perlu kecantikan negara kita tidak kita hanya menjadi sebuah negara yang ditumbuhi oleh *a concrete jungle*, hutan-hutan batu-bata dan sebagainya. Jadi, kita menjadikan Malaysia sebagai negara taman- *garden nation*.

Tuan Yang di-Pertua, *I think* akhir sekali, saya menyentuh sedikitlah. Dalam belanjawan kita ini, kita ada soal pertahanan. Pagi tadi pun Yang Berhormat Menteri Pertahanan datang sendiri ke Dewan ini untuk membentangkan Kertas Putih Pertahanan (KPP). Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang untuk membentangkan Kertas Putih Pertahanan yang menunjukkan betapa pentingnya kita terhadap soal pertahanan dan keprihatinan Menteri sendiri untuk datang membentangkan Kertas Putih ini.

Saya mempunyai satu harapan dan memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan di bawah Kertas Putih ini dan juga di bawah belanjawan ini, meminta supaya agihan aset-aset pertahanan baharu bagi memperkukuhkan Angkatan Tentera Malaysia di Sarawak supaya kita boleh mengekalkan keamanan di Sarawak walaupun bersesuaian dengan cabaran-cabaran yang kita hadapi masa ini.

Kita semua tahu bahawa negeri Sarawak mempunyai garisan sempadan yang panjang dengan Kalimantan, Indonesia. Lebih 1,000 kilometer sempadan kita dengan Indonesia, lebih-lebih lagi Indonesia mempunyai rancangan, Presidennya mempunyai rancangan untuk memindahkan ibu kota negara tersebut ke kawasan Kalimantan Timur di Kepulauan Borneo. Sudah tentu akan merasai limpahan daripada pemindahan ibu kota negara ini ialah tidak lain dan tidak bukan adalah Sabah dan Sarawak.

■1700

Oleh yang demikian, dalam bajet ini dan juga dalam pembentangan Kertas Putih pada pagi ini saya meminta supaya kawalan sempadan Kalimantan-Sarawak dipertingkatkan lagi walaupun keadaan keselamatan kita adalah terkawal, namun kita adalah perlu bersedia dan berwaspada pada setiap masa. Setakat ini kita telah ada 11 pos kawalan di Sarawak. Saya difahamkan Angkatan Tentera Malaysia bercadang untuk membina 20 lagi pos kawalan tambahan di sepanjang sempadan ini. Saya harap di bawah Kertas Putih ini perkara ini perlu diberi perhatian yang serius.

Begitu juga kita melihat selain daripada kawalan di daratan, kita juga memerlukan kawalan yang ketat diperhebatkan di perairan kita. Oleh yang demikian, kita tahu bahawa perkembangan industri minyak dan gas di Sarawak pada masa ini dalam perancangannya adalah begitu besar sekali. Jadi aset kita ini perlu dilindungi kerana kalau kita tidak mempertahankan aset-aset ini, maka ianya kita sangsi tentang keselamatan aset-aset ini walaupun kita tidak melihat secara ketara ancaman-ancaman yang ada di perairan kita.

Apabila jadi yang demikian, saya bertanya kepada Menteri Pertahanan setakat ini apakah perancangan kerajaan untuk menubuhkan pangkalan tentera laut di kawasan yang disebut sebagai MAWILLA IV ertinya Markas Wilayah Laut 4 iaitu untuk melindungi aset-aset kita, industri

gas dan minyak dari kawasan Bintulu hingga ke Labuan termasuk juga untuk kita memperhebatkan lagi rondaan-rondaan kita untuk kawasan Beting Patinggi Ali yang pada kita lihat bahawa ada cubaan untuk mencerobohnya oleh negara asing, jiran-jiran kita terdiri negara-negara asing sering kita dengar dilaporkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, demikianlah ucapan saya. Saya mengharapkan bahawa bajet ini akan menjadi satu bajet yang berjaya. Apa yang penting ialah rakyat harus faham apakah inti pati bajet ini, faham bagaimana mereka boleh memanfaatkan belanjawan ini. Kalau hanya mendengar sahaja tetapi tidak mendapat manfaat ianya tidak merupakan suatu bajet yang betul-betul menyentuh denyut nadi rakyat. Kita lihat bajet yang ada sekarang ini kita kata Skim MySalam lah, skim PeKa B40 lah. Jadi, sejauh manakah rakyat dapat mengecap nikmat yang ada di dalam bajet ini?

Apa yang penting adalah rakyat menikmati keuntungan daripada bajet ini. Jangan kita menerang sahaja sekian banyak bilion, ratusan bilion yang kita belanjakan tetapi adakah rakyat menikmati kesenangan daripada bajet yang kita sediakan. Jadi kejayaan belanjawan ini adalah sejauh manakah rakyat menikmati kesenangan hasil daripada inti pati belanjawan yang kita buat.

Jadi, saya mendoakan agar bajet ini akan terus berjaya dan lebih penting lagi adalah kita mendoakan supaya negara kita terus makmur mendapat rahmat peliharaan Allah SWT, rakyat kita hidup bersatu padu, dapat hidup secara harmoni, penuh toleransi walaupun kita terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum dan berbilang agama tetapi kita sama-sama mendoakan bahawa kemakmuran Malaysia dan kesejahteraan Malaysia adalah untuk kita hari ini dan juga adalah untuk anak dan cucu kita.

Jadi, saya mendoakan Tuan Yang di-Pertua agar bajet ini dapat juga dinikmati dan menjadi satu bajet yang berjaya dalam usaha kita untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan juga untuk kita mengurangkan kos bebanan sara hidup rakyat. Semuanya ada terkandung dalam bajet ini. Pokok pangkalnya adalah sejauh mana rakyat dapat menyambut bajet ini dengan sebaik-baiknya untuk faedah mereka sendiri. Sekian, saya akhiri ucapan saya petang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili telah berucap dengan panjang lebar. Banyak isu baik ditimbulkan, pandangan-pandangan yang baik dan bernas dan kita harap dapat membawa kesan yang baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Lim Peh Hen. Silakan.

5.07 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2020. Bajet tahun 2020 merupakan Rang Undang-undang Perbekalan kali yang kedua selepas Pilihanraya Umum Keempat Belas atau sejak Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan. Maka dalam perbahasan bajet kali ini saya ingin membawa beberapa perkara berkait rapat dengan keperluan asas rakyat yang masih tidak mampu diatasi oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Pertama, Projek Mesra Rakyat atau Komuniti terutama di kawasan Ahli Parlimen bukan kerajaan seperti Tanjong Piai. Sebagai Ahli Dewan Negara, secara khususnya tidak mempunyai sebarang kawasan Parlimen yang khusus. Namun, saya sebagai Ahli Senator masih menerima aduan dan rungutan daripada masyarakat umum.

Rakyat serta komuniti setempat mengenai perkara-perkara yang paling asas seperti isu jalan, parit, longkang, dewan masyarakat dan sebagainya. Ketika tempoh masa kempen Pilihan Raya Kecil Tanjong Piai yang baru lepas, pihak kerajaan telah menyatakan secara umum bahawa sebarang Projek Mesra Rakyat atau Komuniti terutamanya kawasan Ahli Parlimen bukan kerajaan tidak akan memperoleh sebarang peruntukan.

Namun begitu, kawasan seperti Tanjong Piai sebelum ini di bawah jagaan Ahli Parlimen kerajaan peruntukan untuk projek mesra Rakyat atau komuniti juga masih tidak kesampaian. Sebagai contohnya, isu seperti jalan dan sistem perparitan atau longkang merupakan perkara asas di setiap kawasan Parlimen yang memerlukan kerja-kerja pelebaran, baik pulih atau penurapan tidak mendapat peruntukan bagi pelaksanaannya. Manakala cadangan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya seperti menambah bonggol dan lampu jalan serta membina jalan alternatif masih dalam pertimbangan ataupun lambat siap.

Isu berikutnya seperti pembinaan dan menaik taraf masjid, surau, dewan masyarakat, dewan serba guna, balai raya, dewan terbuka untuk sekolah sama ada yang uzur atau baharu, pemulihan atau pembinaan baharu masih menunggu kelulusan bagi menyalurkan bajet.

■1710

Sebagaimana yang telah saya bangkitkan dalam perbahasan bajet lepas, perbezaan untuk menyalurkan peruntukan di antara Ahli Parlimen, kerajaan dan bukan kerajaan sememangnya diketahui umum. Saya menerima hakikat tersebut, akan tetapi peruntukan untuk kawasan Ahli Parlimen kerajaan sendiri juga mempunyai perbezaan. Bukankah Kerajaan Pakatan Harapan seharusnya lebih mantap berbanding mantan kerajaan terdahulu.

Dengan ini juga, saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan Pakatan Harapan agar mewujudkan satu mekanisme bagi masyarakat umum rakyat serta komuniti setempat untuk

mengemukakan cadangan projek komuniti mereka secara langsung kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Hal Ehwal Ekonomi tanpa melalui Ahli Parlimen sama ada daripada pihak kerajaan atau pembangkang.

Isu seterusnya yang ingin saya sentuh adalah mengenai harga komoditi kelapa sawit yang terlalu terdedah dengan perubahan antarabangsa. Berdasarkan kepada rekod yang diberikan oleh Kementerian Industri Utama, harga kelapa sawit terkini mencatat peningkatan harga RM435 per tan dalam bulan September. Seterusnya, kementerian juga telah memberikan perangkaan bahawa jumlah eksport minyak sawit dari bulan Januari hingga bulan Ogos 2019 telah mengalami peningkatan 12.6 juta tan berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Hanya 10.53 juta tan, peningkatan ini dinyatakan oleh kementerian bahawa sebanyak 19.7 peratus.

Namun peningkatan ini tidak mencerminkan hakikat bahawa pendapatan yang diterima oleh pekebun kecil sawit apabila peningkatan harga sawit RM435 tersebut adalah harga sawit kilang atau pendapatan bersih yang diterima oleh pekebun kecil sawit. Di sini saya ingin mendapatkan kepastian yang jelas daripada kementerian adakah harga RM435 per tan tersebut merupakan pendapatan bersih yang diterima pekebun kecil sawit. Ini adalah penting jika harga yang disebutkan oleh kementerian tersebut adalah pendapatan bersih yang diterima maka harga kelapa sawit sebenarnya lebih tinggi daripada jumlah tersebut.

Dalam kata lain, inisiatif kementerian menggalakkan penanaman buah nenas ke atas pekebun kecil sawit di Tanjong Piai perlu dipertikaikan. Selepas usaha dedikasi menandatangani perjanjian persefahaman dengan syarikat rantai bekalan China dan India untuk merangsang eksport komoditi kelapa sawit. Saya ingin juga mendapatkan janji dan sasaran daripada menteri apakah perjanjian ini mampu dan usaha lain yang dirombak semula bagi memastikan harga komoditi tidak terlalu terdedah dengan perubahan antarabangsa seperti saingan minyak kacang soya atau aktiviti spekulasi yang mungkin masih langkah boikot oleh kerajaan India.

Harga minyak sawit yang juga terdedah dengan prestasi mata wang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat kini telah menjadi faktor penentu kepada harga minyak sawit. Tuan Yang di-Pertua, isu nasib nelayan yang masih tidak terbela. Semasa kempen pilihan raya kecil Tanjong Piai, Kerajaan Pakatan Harapan telah mengorak langkah yang agresif dengan menyalurkan jumlah peruntukan sebanyak RM3 juta bagi menaik taraf semua jeti-jeti di Tanjong Piai. Kemudian RM1 juta kepada penternak-penternak ikan terutama kawasan Kukup. Namun nasib nelayan atau penternak ikan di kawasan tersebut masih tidak terbela apabila peruntukan tersebut hanya disalurkan apabila pilihan raya kecil berlaku.

Maka apakah perancangan seterusnya oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kepada nasib-nasib nelayan dan penternak ikan selepas ini. Adakah kementerian masih

memikul tanggungjawab untuk menganjukkan kehidupan dan pendapatan nelayan dan penternak ikan yang masih terjejas akibat projek pembangunan. Jika ya, apakah rancangan dan projek anjakan paradigma kementerian untuk nelayan dan penternak ikan Tanjong Piai untuk tiga tahun yang akan datang.

Seterusnya, adakah kementerian telah melaksanakan *nationwide townhall session* dengan pihak berkepentingan seperti nelayan dan penternak ikan serta industri perikanan dalam menggubal Rancangan Malaysia Ke-12 bagi menggantikan Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan tamat pada tahun depan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memetik satu penyelidikan yang sangat baik yang telah dilaksanakan oleh badan pemikir Dato' Dr. Rais Hussin Haji Mohamed Ariff yang juga merupakan Pengerusi Biro Strategi dan Dasar Parti Peribumi Bersatu Malaysia. Badan pemikir beliau telah menimbulk penyelidikan mereka dengan satu ukuran baharu ke atas pencapaian Kerajaan Pakatan Harapan iaitu Indeks Kebimbangan Nasional (NWI). Berdasarkan kepada indeks tersebut, kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai kerisauan yang amat tinggi ke atas kaedah, cara atau kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan.

Kebanyakan rakyat Malaysia menyatakan pandangan bahawa mereka tidak pasti arah dan dasar Kerajaan Pakatan Harapan kini. Kegagalan mengurus ekonomi negara Kerajaan Pakatan Harapan masih tidak mampu meningkatkan daya maju negara. Walaupun penyelidikan tersebut dilaksanakan di antara 5 September sehingga 10 Oktober 2019 sebelum pembentangan Bajet 2020. Akan tetapi pada pandangan saya, kerisauan tersebut masih relevan dan rakyat Malaysia masih menghadapi masalah kos sara hidup, ketidakmampuan memiliki rumah, peluang pekerjaan yang tidak terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, kos sara hidup yang masih tinggi dijangka berlaku kenaikan. Menurut Indeks Harga Pengguna (IHP) daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus pada Oktober 2019 iaitu 122.0 berbanding 120.7 bulan sama 2018. Bagi kategori makanan dan minuman bukan alkohol kenaikan adalah sebanyak 1.8 peratus pada Oktober 2019 manakala sub kategori di bawahnya seperti susu dan telur ikan dan makanan laut dan buah-buahan masing-masing berlaku peningkatan pada kadar 2.3 peratus, 1.0 peratus dan 1.4 peratus.

Dengan itu, saya ingin mendapatkan penerangan daripada kementerian yang terlibat seperti Kementerian Kewangan. Apakah langkah drastik yang dilaksanakan bagi menurunkan kos sara hidup yang tinggi apabila makanan asas susu, telur, ikan telah meningkat. Kedua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah jelas menyatakan kepada khalayak ramai bahawa harga minyak petrol terutamanya harga RON95 pada tahun

depan akan dinaikkan satu sen atau dua sen setiap minggu. Pada depan tahun 2020, kalender mencatatkan 53 minggu. Sekiranya membuat perkiraan maka RON95 akan dinaikkan sebanyak 53 sen, maka pada akhir bulan Disember 2020 nanti harga RON95 akan mencecah paras harga sekitar RM2.61 atau RM3.14 jika kenaikan dua sen sekali.

Maka saya ingin mendapatkan penerangan daripada kementerian- bagaimana kementerian akan mengawal jangkaan kenaikan harga barangan nanti walaupun kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Petrol (PSP). Apakah bentuk penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kementerian bagi memastikan IHP tidak naik secara mendadak nanti.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia masih tidak mampu memiliki rumah. Menurut Indeks Harga Rumah Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta menunjukkan kepada suku pertama 2019 indeks berlaku meningkat 4.8 mata iaitu 196.0 mata berbanding suku pertama 2018.

■1720

Namun harga rumah di Kuala Lumpur merekodkan harga tertinggi iaitu RM780 ribu. Diikuti oleh negeri Selangor RM480 ribu, dan negeri Pulau Pinang pada paras harga RM437 ribu. Catatan indeks dan harga di negeri yang penting menunjukkan Kerajaan Pakatan Harapan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih dan terus menghadapi cabaran untuk menyediakan rumah mampu milik yang secukupnya kepada berjuta-juta rakyat yang terdiri daripada golongan B40 dan M40. Akan tetapi inisiatif Kementerian Kewangan amat pelik apabila penyelesaian yang dicadangkan ialah memastikan kemampuan pemilikan rumah oleh warga asing berbanding warga Malaysia. Nasihat saya kepada kerajaan, jangan sampai rakyat Malaysia merempat di negara sendiri.

Alasan yang diberikan oleh kementerian yang terlibat ialah memastikan kelangsungan penglibatan pemaju perumahan. Namun setelah lambakan rumah tidak terjual diselesaikan oleh kementerian bagi pihak pemaju, bagaimana kementerian dapat memastikan pemaju perumahan membina rumah kos rendah ataupun rumah pada harga yang lebih mampu dibeli oleh warga Malaysia? Saya juga ingin mengetahui daripada kementerian sebelum Bajet 2020, kementerian melaksanakan kempen pemilikan rumah oleh warga Malaysia. Akan tetapi hasil daripada kempen tersebut tidak jelas. Berapakah warga Malaysia yang berjaya memiliki rumah? Berapakah harga belian rumah di bawah kempen tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran di kalangan Malaysia masih tinggi dan peluang pekerjaan yang tidak terjamin. Berdasarkan kepada Jabatan Statistik Negara, kadar pengangguran di Malaysia masih kekal pada paras 3.3 peratus sejak bulan Mei sehingga September 2019. Kementerian Sumber Manusia pula menerangkan bahawa terdapat 640 ribu

kekosongan pekerjaan dan 150 ribu peluang pekerjaan baharu diwujudkan tahun ini. Menurut Kementerian ialah golongan belia Malaysia dikritik terlalu memilih pekerjaan dan tidak mendapat sambutan daripada belia Malaysia.

Saya ingin mengetahui daripada Kementerian juga, bukannya *Khazanah Research Institute* pada tahun 2018 telah mengemukakan satu kajian yang mendalam mengenai isu pengangguran di kalangan belia Malaysia? Kajian tersebut telah menunjukkan bahawa isu kemahiran yang tidak sepadan dengan pasaran pekerjaan adalah faktor utama dalam pasaran buruh Malaysia.

Keadaan ini telah menyebabkan kebanyakan belia termasuk rakyat umum mengambil pekerjaan yang tidak berkaitan dengan kemahiran atau sijil ijazah mereka. Maka persoalan saya kepada Kementerian ialah, bagaimana dengan usaha #MalaysiaKerja, Kementerian atau kerajaan mampu menyelesaikan masalah kemahiran yang tidak sepadan dengan pasaran pekerjaan apabila usaha #WatanKerja memastikan pekerja tempatan atau golongan belia mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam sektor pekerjaan 3D.

Isu berikutnya ialah pekerjaan yang diberhentikan dalam sektor swasta. Mengikut Kementerian sebanyak 24,600 orang diberhentikan sehingga 30 September 2019. Keadaan ini amat membimbangkan apabila jumlah pekerja yang diberhentikan oleh sektor swasta pada situasi ekonomi negara yang tidak menentu serta mencerminkan pasaran pekerjaan di Malaysia kini tidak terjamin. Maka saya ingin mengetahui daripada Kementerian, daripada jumlah tersebut apakah sebab pekerja diberhentikan terutamanya kategori Skim Pemisahan Sukarela (VSS)? Kadar pengangguran di Malaysia kini mempunyai sejumlah rakyat Malaysia yang mempunyai pengalaman kerja tetapi diberhentikan dan golongan belia yang selepas graduan tidak mempunyai pengalaman kerja serta masih menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menjawab dan beri jawapan kepada kita bahawa Malaysia mengimport makanan termasuk daging, sayur-sayuran dan buah-buahan berbilion-bilion Ringgit. Akan tetapi saya telah mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas mengenai padang ragut di Semenanjung Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk kemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri kita. Berapa padang ragut di seluruh Malaysia dan berapa padang ragut telah diusahakan oleh pihak kerajaan? Apakah perancangan oleh kerajaan tentang padang ragut yang dikatakan terbiar sedangkan Malaysia mengimport makanan daripada negara asing berbilion-bilion Ringgit setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan beberapa perkara ini juga saya mengakhiri perbahasan Bajet 2020. Saya juga menaruh harapan yang tinggi agar huraian dan pencerahan yang saya

sampaikan boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan secara mendalam. Apabila kerajaan kini dan terdahulu sentiasa mendahului rakyat. Maka dengan kata-kata ini saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah bercakap panjang lebar dan bernas isinya. Itu yang baik sekali iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Ahli Yang Berhormat, pertama sekali saya ucapkan terima kasih banyak. Ahli Yang Berhormat bersama-sama saya pada pagi sampai petang ini. Saya hendak cakap sikit, kalau tidak cakap terkilan rasanya iaitu dua tokoh kita, sahabat seperjuangan kita telah meninggalkan kita, jasa mereka itu banyak sekali iaitu mendiang Yang Berhormat Senator Datuk M. Sambanthan a/l Manikam pada Oktober 2019 dan mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Ong Chong Swen pada 10 November 2019. Jasa mereka tetap dikenang- pengorbanan mereka. Itu bak kata orang Melayu.

*Di atas bukit menanam ubi;
Burung tempua membuat sarang;
Bukan budi sebarang budi;
Budi mereka dikenang orang... [Tepuk]*

Petang ini tadi saya- kita dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Majlis Parlimen Keempat Belas. Setiap hari saya bertambah ilmu bila berhadapan dengan tokoh-tokoh negara ini. Ada ilmu, bak kata Abdullah Munsyi, "Semakin ku tebas dan terbang hutan itu, terasa oleh ku betapa tebalnya belantara". Itu saya rasa.

Syabas dan tahniah, kita berkumpul melahirkan perjuangan dan silaturahim. Kita berjumpa, semakin rapat rasanya.

*Kalau surat sudah bersampul;
Di waktu pagi sudah dikirim;
Kalau kita sering berkumpul;
Mudah-mudahan semakin erat tali silaturahim.*

Itu saya harap. Jadi itu Ahli-ahli Yang Berhormat. Ingat jasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah saya katakan.

*Yang kurik kundi;
Yang merah saga;
Yang baik itu budi;
Yang indah itu bahasa.*

Itulah Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi jam kita sekarang hampir-hampir 5.30 petang. Terima kasih banyak kepada keluarga saya Ahli Dewan Negara ini yang sentiasa memberi ilham, suara-suara perjuangan yang baik.

Sekarang, saya tangguhkan mesyuarat hingga jam 10 pagi, Selasa iaitu esok, pada 10 Disember 2019. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang]